

BAB SATU

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Dalam bab pertama ini, pengkaji akan membincangkan tentang latar belakang kajian dan diikuti dengan penyata masalah kajian. Dalam penyata masalah, pengkaji akan memberi penerangan secara ringkas tentang masalah-masalah yang dihadapi dan cara untuk menyelesaiannya. Pengkaji juga akan menjelaskan tentang kepentingan kajian ini dalam arena penyelidikan dan pembelajaran BA, khususnya di Malaysia.

Dalam bab ini juga, pengkaji akan mengemukakan beberapa objektif kajian. Pengkaji akan membahagikan objektif kajian kepada dua bahagian iaitu objektif umum dan khas. Ekoran daripada itu juga, pengkaji akan mengajukan beberapa persoalan berteraskan objektif kajian. Pengkaji juga akan membataskan kajian ini supaya dapat diberikan tumpuan yang lebih. Definisi berkenaan tajuk kajian juga akan diuraikan oleh pengkaji dengan merujuk kepada kamus dewan bahasa atau bahan-bahan lain. Selain daripada itu, pengkaji juga menceritakan tentang kajian-kajian yang berkaitan dalam kajian literatur.

Metodologi kajian juga akan dibincangkan oleh pengkaji dan ia akan dibahagikan kepada empat subtopik iaitu pengkaedah kajian, persampelan, pengumpulan data dan analisis data. Sebab pemilihan tajuk juga akan dinyatakan oleh pengkaji dalam bab ini. Di samping itu, pengkaji juga akan memberi gambaran ringkas tentang kajian secara keseluruhan dalam kerangka kajian.

1.1 Latar belakang kajian

Bahasa Arab merupakan bahasa utama yang dituturkan di negara Arab dan antara bahasa yang digunakan oleh kebanyakan negara-negara di semenanjung tanah Arab seperti Saudi Arabia, Jordan, Mesir dan negara-negara Islam lain. Bahasa Arab juga adalah bahasa ilmu yang telah digunakan sejak 1400 tahun dahulu, bermula dari zaman Nabi Muhammad (S.A.W). ketika menyebarluaskan agama Islam. Perbendaharaan tamadun Islam memerlukan pengetahuan bahasa Arab yang sangat baik untuk menerokainya seperti ilmu Nahu, Saraf dan Balaghah. Ia juga menjadi bahasa kedua untuk dipelajari sebagai bahasa asing di kebanyakan negara yang mempunyai penduduk beragama Islam dan bahasa tersebut juga diiktiraf sebagai bahasa rasmi perhubungan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Ab.Gani Bin Jalil, 2000).

Bahasa Arab mempunyai ciri-ciri istimewa yang membolehkan ia bertahan. Antara ciri-ciri istimewa bahasa Arab ialah ia telah dipilih Allah sebagai bahasa rasmi al-Quran yang merupakan pedoman asas untuk kehidupan seluruh umat manusia di dunia dan di akhirat. Seperti yang telah dinyatakan bahawa al-Quran merupakan kitab yang diturunkan dalam bahasa Arab. Hakikat ini telah turut diperjelaskan dalam al-Quran sendiri, firman Allah (S.W.T) :

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا

Maksudnya : “*Dan demikianlah kami menurunkan al-Quran dalam bahasa Arab*”.

(Surah Taha, 20 :113)

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا

Maksudnya : “*Dan demikianlah kami menurunkan al-Quran itu sebagai peraturan (yang benar) dalam bahasa Arab*”.

(Surah *al-Ra'd*, 13: 37)

لِسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيٌ وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ

Maksudnya: “*Padahal bahasa orang yang mereka tuduh (bahawa) Muhamad belajar daripadanya adalah bahasa Ajam, sedangkan al-Quran adalah dalam bahasa Arab yang terang*”.

(Surah *al-Nahl* , 16:103)

Pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran telah diberikan jaminan terhadap keunggulan bahasa itu. Maksudnya, selagi agama Islam atau al-Quran masih wujud di muka bumi, selagi itulah bahasa Arab akan tetap berkembang. Oleh kerana pemilihan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran ditentukan oleh Yang maha mengetahui, maka bidang kajian al-Quran telah menarik minat para pengkaji di seluruh dunia, khasnya kepada pengkaji-pengkaji dalam kalangan pelajar-pelajar agama. Pelbagai penyelidikan yang telah dilakukan, ini adalah untuk membongkar dan mencungkil rahsia-rahsia al-Quran sebagai mukjizat terulung nabi Muhamad (S.A.W).

Sebagaimana diketahui juga, bahasa Arab juga merupakan satu bahasa yang sangat unik yang mempunyai ciri-ciri tersendiri jika hendak dibandingkan dengan bahasa-bahasa yang lain di dunia. Tidak keterlaluan jika hendak diperkatakan bahawa bahasa Arab telah mencapai tahap yang maksimum dengan turunnya al-Quran al-Karim. Sifat bahasa al-Quran yang kaya dengan keindahan dan ketinggian bahasa serta keistimewaan *i'jaznya*

telah melonjakkan bahasa Arab ketempat yang sangat tinggi. Selepas datangnya Islam dan turunnya al-Quran, bahasa Arab dianggap telah memasuki era baru. Ini dapat dilihat dengan adanya al-Quran, corak pemikiran dan tanggapan manusia terhadap hakikat kehidupan ini telah berjaya diubah. Dari situ berlakulah perubahan yang besar dalam bahasa Arab akibat daripada fungsinya sebagai saluran bagi mengungkapkan perubahan corak pemikiran manusia (Khalil, 1985:214). Walaupun al-Quran diterjemahkan dalam berbagai-bagai bahasa di dunia ini, namun ia tidak akan dapat menyaingi nilai dan keunggulan teks yang asal.

Oleh sebab demikian, jiwa pengkaji sangat tertarik untuk mendalami dan memahami ilmu-ilmu bahasa Arab semenjak peringkat sekolah menengah dahulu lagi. Memandangkan bahasa Arab adalah bahasa yang agak rumit untuk dipelajari dan difahami oleh orang *ajnabi*, namun pengkaji tetap meneruskan hasratnya untuk memahami dan mendalami bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran. Dalam mengkaji isi kandungan dan keistimewaan al-Quran, pengkaji amat berminat dalam bidang sintaksis lebih-lebih lagi dalam bab *Hazaf Mahzuf* (implisit). Terdapat pelbagai bentuk *penghazafan* (implisit) yang telah dibincangkan dalam bab ini. Dengan itu, pengkaji mengambil keputusan untuk membataskan kajian yang dijalankan dengan cara memilih satu bentuk implisit sahaja untuk dianalisis iaitu implisit المفعول به (objek langsung). Pemahaman makna atau tafsir al-Quran tidak lengkap jika kita tidak mendalami bidang ilmu Nahu Arab secara amnya. Ini kerana ia merupakan panduan utama untuk memahami makna al-Quran dengan lebih tepat agar tidak terpesong daripada makna asal.

1.2 Penyataan Masalah

Dewasa ini para pengkaji al-Quran sering menghadapi kesulitan dalam menafsir, mentakwil dan memahami ayat-ayat al-Quran. Hal ini bukan merupakan masalah baru yang telah dihadapi oleh para pengkaji, malah ia telah dibahaskan semenjak zaman para sahabat lagi. Masalah ini bermula semenjak kewafatan nabi Muhammad (S.A.W) apabila para sahabat pada ketika itu seolah-olah kehilangan sumber rujukan utama untuk menafsir dan mentakwil al-Quran. Kesukaran untuk mendalami maksud sesuatu ayat adalah salah satu masalah kepada para pengkaji makna al-Quran. Lebih-lebih lagi bahasa al-Quran mempunyai banyak ayat-ayat implisit yang agak rumit untuk dikaji dan difahami. Hubungan kuat antara al-Quran dan nahu Arab dapat menjadikan ilmu ini sebagai sumber rujukan utama kepada sesiapa yang ingin mengkaji dan memahami al-Quran. Maka untuk mengatasi masalah ini para pengkaji bukan sahaja harus mahir dalam satu ilmu untuk memahaminya malah perlu menguasai ilmu-ilmu yang lain seperti ilmu Sintaksis, Retorik, Pragmatik, Psikologi dan lain-lain lagi.

Sikap ambil mudah terhadap tafsiran dan takwilan al-Quran juga telah menjadi kebiasaan dalam kalangan pelajar khasnya pelajar jurusan agama. Ini kerana mereka kurang menanam sikap ingin tahu, apakah lafaz atau makna implisit di sebalik ayat-ayat yang dilafazkan. Selain daripada itu, mungkin mereka tidak mahir dalam ilmu-ilmu kebahasaan untuk memahami sesuatu ayat terutamanya dalam aspek Sintaksis. Kesilapan memahami nahu Arab dalam al-Quran pasti menimbulkan implikasi yang besar kepada umat Islam seperti berlakunya perubahan maksud ayat dan isi kandungannya. Untuk mengekang masalah ini, mempelajari nahu Arab merupakan cara yang paling efektif untuk mengatasi masalah ini. Ini kerana kemunculannya ialah berfungsi untuk memberi khidmat kepada al-Quran.

Dalam pada itu, para ulama' Nahu dan Balaghah telah membahaskan secara teliti tentang apakah lafaz-lafaz yang diimplisit dan menjadikan al-Quran sebagai bahan kajian yang utama. Mengikut penilaian mereka, terdapat banyak lafaz-lafaz yang diimplisit dengan pelbagai bentuk dalam al-Quran. Hal ini telah dibahaskan oleh para ulama' dalam kitab tafsir al-Quran, I'rab al-Quran dan Takwil al-Quran. Ekoran daripada itu, terdapat banyak kitab-kitab tafsir dan i'rab telah dikarang oleh ulama'-ulama' nahu untuk menyelesaikan masalah ini. Dalam ilmu nahu, terdapat banyak bab yang menerangkan dan membincangkan tentang implisit contohnya dalam bab subjek dan predikat (الْمُبَدَّأ وَالْخَبَر) , sifat dan yang disifati (صِفَةٌ وَمَوْصُوفٌ) , kata majmuk (مُضَافٌ وَمُضَافٌ إِلَيْهِ) , objek langsung (الْمُفْعُولُ بِهِ) dan sebagainya. Contoh-contoh lafaz ini dapat dilihat didalam al-Quran dalam pelbagai bentuk antaranya, firman Allah (S.W.T) :

(وَاتَّقُوا يَوْمًا لَا تَجْزِي نَفْسٌ عَنْ نَفْسٍ شَيْئًا)

Maksudnya : “*Dan takutlah kamu kepada suatu hari di waktu seseorang tidak dapat menggantikan seseorang lain sedikitpun*”.

(Surah al-Baqarah, 1:48)

Dalam ayat ini terdapat perkataan yang diimplisit iaitu (فِيهِ) dengan andaian makna (لَا تَجْزِي فِيهِ) “*tidak dapat menggantikan seseorang padanya*”.

Kajian seumpama ini jarang dilakukan oleh para pengkaji kerana ia memerlukan penelitian dan pemahaman yang mendalam. Hal ini menyebabkan pengkaji menghadapi masalah untuk mendapatkan bahan-bahan kajian atau rujukan-rujukan yang berkenaan dengan tajuk. Hal ini juga memaksa pengkaji bertungkus-lumus untuk mengumpul bahan

kajian. Tambahan pula pengkaji terpaksa mencari bahan kajian dipelbagai tempat kerana bahan yang sedia ada di perpustakaan tidak mencukupi. Oleh itu, walaupun kajian ini boleh dikatakan agak rumit tetapi pengkaji bertekad akan berusaha sedaya-upaya yang termampu untuk membahaskan masalah ini agar dapat diatasi dan diperjelaskan.

1.3 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan bahawa penyelidikan ini dapat dijadikan sumber rujukan dan garis panduan untuk mendalami bidang bahasa Arab. Ia juga penting, bukan sahaja kepada pengkaji-pengkaji malah dapat memberi sumbangan kepada seluruh umat Islam khususnya di Malaysia. Persoalannya, adakah semua ungkapan ayat al-Quran dapat difahami secara menyeluruh?. Masalah inilah yang akan dikaji melalui lafaz-lafaz implisit yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran.

Pengkaji berpendapat bahawa kajian seperti ini perlu dijalankan bagi mendedahkan makna-makna dan perkataan-perkataan yang tersembunyi disebalik ayat-ayat al-Quran. Dengan lahirnya kajian seperti ini, diharapkan secara tidak langsung bukan sahaja dapat membantu para penuntut ilmu. Disamping itu umat Islam juga dapat menggunakannya sebagai rujukan untuk memahami dan mengetahui ayat-ayat yang mempunyai lafaz yang diimplisit di dalam al-Quran dan sekaligus dapat menikmati keunikan dan keistimewaan al-Quran.

Pada umumnya diketahui, antara salah satu faktor yang menyebabkan seseorang mampu memperolehi ketenangan apabila membaca al-Quran adalah disebabkan mereka memahami dan mengetahui makna ayat-ayat al-Quran samada eksplisit ataupun implisit. Dengan itu mereka perlu menguasai ilmu-ilmu kebahasaan seperti ilmu Nahu dan Saraf untuk memahami secara mendalam terhadap ayat-ayat yang terkandung dalam al-Quran .

Selaras dengan itu juga, pengkaji akan membuat penilaian dan penelitian terhadap lafaz-lafaz yang diimplisit dalam al-Quran dengan merujuk kepada data analisis dan dapatan kajian yang diperolehi.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk mendalami ilmu tafsir dan bahasa al-Quran.

Manakala secara khususnya pula, objektif kajian ini adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Mengenal pasti penggunaan implisit *maf'ul bih* dalam ayat-ayat surah al-Baqarah.
2. Mengklasifikasikan sebab-sebab implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah.
3. Mengenal pasti penggunaan kata kerja *muta'addiy* dalam ayat implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah.

1.5 Persoalan Kajian

Berteraskan kepada objektif kajian yang dijalankan, penyelidik berharap dapat menjawab persoalan-persoalan yang berikut:

1. Bagaimanakah penggunaan implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah?
2. Apakah sebab-sebab implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah?
3. Apakah bentuk penggunaan kata kerja *muta'addiy* dalam ayat implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah?

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian dalam bidang Sintaksis iaitu bidang yang membincang dan mengkaji tentang sesbuah ayat dan ia juga dikenali sebagai ilmu Nahu. Bidang ini sangat berkait rapat dengan bidang Semantik iaitu bidang yang melihat kepada maksud perkataan atau ayat dari sudut makna dalaman. Ini bermakna secara tak langsung kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji akan menyentuh aspek Semantik. Terdapat pelbagai pecahan-pecahan bab dalam bidang sintaksis, oleh itu pengkaji telah memilih satu bab sahaja sebagai tajuk kajian iaitu bab implisit *maf'ul bih*.

Kajian ini hanya tertumpu kepada ayat-ayat yang mempunyai *maf'ul bih* yang diimplisit dalam surah al-Baqarah. Terdapat banyak contoh-contoh ayat mempunyai *maf'ul bih* yang diimplisit akan tetapi ayat-ayat ini akan diteliti terlebih dahulu sebelum dijadikan data analisis. Data-data yang dijadikan sebagai sampel dalam kajian ini ialah ayat-ayat yang terdapat *maf'ul bih* yang diimplisit daripada surah al-Baqarah. Kesemua sampel akan dianalisis dan diberikan penerangan secara terperinci tentang *maf'ul bih* yang diimplisit dengan andaian makna dan sebab implisit .

Oleh kerana pengkaji akan menggunakan al-Quran sebagai rujukan yang utama dan sampel untuk mengkaji ayat-ayat maka secara langsung kajian ini akan merujuk kepada sumber dari kitab-kitab tafsiran yang muktabar. Pengkaji menggunakan *tafsir pimpinan al-Rahman* sebagai rujukan makna-makna ayat surah al-Baqarah.

1.7 Definisi Istilah

Tajuk yang dipilih oleh pengkaji ialah “ *Penggunaan Implisit Maf'ul bih Dalam Surah al-Baqarah: Satu Kajian Sintaksis* ”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005),

Penggunaan bermaksud perihal iaitu perbuatan dan kegiatan menggunakan sesuatu atau pemakaian. Mengikut Kamus Pelajar Edisi Kedua pula *Penggunaan* bermaksud perbuatan iaitu usaha dan kegiatan menggunakan sesuatu.

Implisit pula bermaksud perkara yang dinyatakan secara tidak langsung atau tidak terang-terangan atau tersirat (Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Selain daripada itu Implisit juga boleh didefinisikan hilang dan hazaf. Oleh yang demikian pengkaji telah menyelaraskan penggunaan istilah iaitu dengan menggunakan istilah implisit supaya kajian ini mudah difahami dan tidak ada kekeliruan. *Maf'ul bih* dari segi bahasa ialah sesuatu kata nama yang menjadi sasaran sesuatu (perbuatan) atau sesuatu objek yang dilakukan , samada perbuatan itu dilakukan oleh anggota tubuh badan (panca indera). Manakala dari segi istilah pula bermaksud *isim* (manshub) iaitu kata nama yang terletak selepas (الفعل) (الفاعل) pelaku (al-Ghalāyīniy: 1993).

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) juga *kajian* merupakan satu kegiatan, usaha dan proses untuk mengkaji sesuatu. Manakala maksud *sintaksis* pula ialah pengetahuan iaitu salah satu cabang ilmu linguistik dan peraturan tentang susunan kata dalam ayat (Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) dan ia dikenali sebagai ilmu nahu dalam bahasa arab.

1.8 Kajian Literatur

Ilmu Sintaksis bahasa Arab atau dikenali sebagai ilmu Nahu mula diterokai pada zaman permulaan Islam, iaitu di zaman Khulafā' al-Rāsyidīn. Kesan daripada penyebaran agama Islam, masyarakat Arab mula bergaul bangsa-bangsa lain. Keadaan ini

menyebabkan bahasa Arab mula tercemar dan keasliannya beransur hilang. Pada ketika itu, Abu al-Aswād al-Du’aly telah diminta oleh Syidina Ali a.s untuk mengatur satu kaedah yang boleh panduan oleh masyarakat Arab iaitu ilmu Nahu (Tantawiy 1995:24). Ilmu ini mula disusun secara sistematik demi menjaga ketepatan bacaan ayat-ayat al-Quran. Mereka mula sedar akan keperluan satu kaedah yang sistematik kerana bimbang keaslian al-Quran akan terpadam dan tercemar jika tiada sebarang panduan apabila dibaca oleh orang asing (Abdul al-Salīm 1995:10).

Pengkajian tentang ilmu Sintaksis telah menjadi tumpuan para pengkaji bahasa semenjak bermulanya ilmu ini diterokai sehingga pada masa kini. Walaupun banyak perbincangan dan cara dilakukan untuk mengatasinya, namun masalahnya terus wujud. Banyak kajian-kajian yang berkaitan telah dibuat antaranya, Mustapha Muhammad Salahuddin (1979) telah menghasilkan buku (*al-Nahwu al-Wasfi Min Khilāli al-Quran al-Karim*). Buku ini menghuraikan tentang Sintaksis bahasa Arab dan dibawa contoh ayat-ayat al-Quran sebagai bukti.

Di samping itu, Antoin Dahdah (1981) juga telah berjaya menghasilkan sesuatu pembaharuan Sintaksis bahasa Arab melalui bukunya (*Mu’jam Qawa’id al-Lughatt al-Arabiyyatt fi Jadāwil wa Lauhatt*). Buku ini telah membentangkan keseluruhan aspek tatabahasa dan Sintaksis. Manakala Maghalisah (1997) telah menghasilkan karya beliau (*al-Nahwu al-Syafi*) yang membincangkan tentang aspek-aspek Sintaksis bermula dengan penghuraian tentang lafaz ujaran dan ayat bahasa Arab.

Berdasarkan penelitian pengkaji, ramai di kalangan penyelidik bahasa Arab yang berminat untuk mengkaji tentang al-Quran. Ini kerana ilmu Nahu sangat berkait rapat dengan al-Quran. Hal ini telah dibuktikan oleh para ulama’ nahu antaranya Sibaweih (180H) dalam bukunya ‘*al-Kitab*’ telah menggunakan dalil ayat-ayat al-Quran sebagai

bukti kepada kaedah-kaedah nahu. Penggunaan dalil daripada ayat-ayat al-Quran untuk membuktikan ketepatan kaedah nahu dipanggil dengan istilah “syahid al-quran”. Sekiranya dilihat pula Ibnu Hisham (761H) beliau juga menggunakan syahid al-Quran di dalam menghuraikan kaedah-kaedah nahu bahasa Arab. Di dalam bukunya “*Syarah Qatr al-Nada wa Bal al-Sada*” penggunaannya (syahid al-quran) yang pertama adalah dalam bab al-kalimah apabila beliau membawa ayat al-Quran sebagai dalil kepada jumlah mufidah. Begitu juga Ibn ‘Aqīl (769H) yang juga tidak ketinggalan dalam menggunakan syahid al-Quran ini di dalam menghuraikan kaedah-kaedah Nahu. Namun begitu kajian ayat implisit dalam al-Quran amat jarang dikaji. Ini menyebabkan pengkaji sukar untuk mendapat kajian-kajian lampau sebagai bahan rujukan dan panduan.

Antara penyelidik-penyalidik bahasa Arab yang berminat untuk mengkaji tentang al-Quran ialah Hasan Ahmad (1994) yang mengkaji tentang penggunaan kata tanya dalam al-Quran. Siti Iqbal (1999) pula telah membuat kajian analisis gaya bahasa *Insya'* dalam surah al-Nuh. Ini bertujuan untuk menghayati dan mempelajari keindahan gaya bahasa Arab yang terkandung di dalam al-Quran. Diikuti pula oleh Muhammad Sirajuddin (2000) yang mengkaji tentang fungsi ayat bahasa Arab dalam juz' Amma dengan membahaskan unsur-unsur tatabahasa yang berkaitan dengan ayat. Fauri@Fauzi (1995) pula berkata, selain daripada mengkaji tentang struktur Sintaksis bahasa Arab, beliau juga menyentuh tentang kepentingan peranan i'rab dalam pembelajaran ilmu Sintaksis. Beliau berpendapat bahawa struktur bahasa Arab adalah aspek yang amat penting dalam pembelajaran ilmu Sintaksis kerana ianya merupakan asas sesuatu ujaran.

1.9 Metodologi Kajian

1.9.1 Pengkaedahan Kajian

Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini ialah kaedah perpustakaan secara deskriptif. Pengkaji telah mendapatkan maklumat-maklumat yang terperinci tentang kajian dengan cara menelaah sumber-sumber bacaan atau kitab rujukan yang berkaitan dengannya. Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan nahu Arab, maka kebanyakan sumber rujukannya adalah dari kitab-kitab Arab. Aplikasinya dalam penelitian ini ialah pengkaji telah mengumpulkan data daripada surah al-Baqarah dengan berpandukan kitab-kitab Arab, buku-buku, atau sumber lain yang relevan. Manakala terjemahan kepada ayat-ayat al-Quran akan dirujuk kepada terjemahan yang muktabar iaitu kitab tafsir pimpinan al-Rahman. Ini bertujuan agar ketepatan makna ayat tidak dipertikaikan oleh mana-mana pihak.

Menurut Abdul Hamid Jabir (1978:136), kaedah deskriptif pada dasarnya digunakan untuk mendeskripsikan fakta-fakta tentang suatu objek, kemudian dilakukan analisis dan interpretasi secara terperinci. Dalam kajian ini, kaedah Deskriptif digunakan oleh pengkaji untuk mendeskripsikan fakta-fakta yang berhubungan dengan ayat-ayat al-Quran yang terdapat implisit *maf'ul bih* dan menginterpretasikannya kepada beberapa sebab implisitnya.

Bagi memastikan objektif kajian tercapai, pengkaji telah menggunakan metodologi yang sewajarnya iaitu kaedah perpustakaan agar persoalan kajian terjawab. Antaranya pengkaji telah menjelaskan secara terperinci tentang konsep implisit *maf'ul bih* di dalam bahasa Arab dengan mengemukakan takrif-takrif yang petik dari kitab-kitab Nahu arab yang muktabar.

Pengkaji juga telah mengenal pasti penggunaan implisit *maf'ul bih* dalam ayat-ayat surah al-Baqarah dengan menggunakan kaedah perpustakaan iaitu merujuk kitab-kitab nahu

arab dan tafsir al-Quran. Selain daripada itu, pengkaji juga telah menggunakan kaedah perpustakaan untuk mengklasifikasikan sebab-sebab implisit *maf'ul bih* dan mengenal pasti penggunaan kata kerja *muta'addiy* bagi ayat implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah iaitu dengan merujuk beberapa kitab nahu dan tafsir Arab.

1.9.2 Persampelan.

Pengkaji akan memilih surah al-Baqarah sebagai sampel dalam kajian ini. Sampel ini dipilih kerana di dalamnya terdapat beberapa ayat yang mengandungi implisit *maf'ul bih* yang boleh dibuat kajian. Data-data yang akan ditentukan melalui sampel dalam kajian ini ialah ayat-ayat yang terdapat implisit *maf'ul bih*.

1.9.3 Pengumpulan Data

Pengkaji akan menjalankan aktiviti pengumpulan data melalui sampel yang dipilih. Cara data-data dipilih ialah dengan merujuk dalil-dalil daripada kitab-kitab yang muktabar serta mengambil kira pandangan ulamak. Data-data ini kemudiannya akan dikumpulkan dan diklasifikasikan kepada bahagian-bahagian yang tertentu dalam bentuk carta pai.

1.9.4 Analisis Data

Data-data yang telah dikumpul akan dihuraikan dengan menentukan *maf'ul bih* yang diimplisit serta menyatakan sebab-sebab penghilangannya. Huraian dibuat dengan menyatakan ayat yang mempunyai implisit *maf'ul bih* serta maksud ayat. Kemudian ayat tadi dinyatakan implisit *maf'ul bih* dan penggunaan kata kerja *muta'addiy* serta sebab

implisit. Sebagai contoh analisis, setiap data yang dikumpul akan dianalisis secara kuantitatif dalam bentuk carta, jumlah ayat daripada keseluruhan sampel akan diambil kira. Pengiraan kekerapan penggunaan mengikut subgolongan kata kerja *muta ‘addiyy* dan sebab-sebab penghilangan juga diambil kira. Satu rumusan akan dibuat berdasarkan maklumat daripada hasil dapatan analisis kajian.

1.10 Sebab Pemilihan Tajuk

Dalam mempelajari maksud ayat-ayat al-Quran, kebanyakannya pembacanya hanya memahami maksud ayat secara zahir sahaja tanpa mengetahui maksud implisitnya. Bagi mereka yang belum mempelajari ilmu Nahu Arab, kemungkinan mereka kurang memahami maksud implisit sesebuah ayat. Ini kerana dengan ilmu tersebut kita akan mempelajari bentuk-bentuk implisit dalam sesebuah ayat. Ekoran daripada itu, tergerak dihati pengkaji untuk membuat satu kajian yang bertajuk “*Penggunaan Implisit Maf’ul bih Dalam Surah al-Baqarah: Satu Kajian Sintaksis*”.

Sebagaimana di ketahui, ayat-ayat implisit amat banyak terdapat dalam al-Quran. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih surah al-Baqarah diatas sebab-sebab yang tertentu. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa surah al-Baqarah mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan sepermulaan telah dinyatakan dalam beberapa hadis.

Antara faktor-faktor lain yang mendorong pengkaji memilih tajuk ini ialah selepas diteliti terdapat banyak ayat-ayat dalam surah al-Baqarah mengandungi implisit *maf’ul bih*. Sebab pengkaji hanya memilih satu surah sahaja untuk mengumpulkan data-data ialah kerana bukan sahaja dapat mengurangkan beban pengkaji malah dapat memberikannya tumpuan yang lebih dalam meneruskan kajian.

1.11 Kerangka Kajian

1.11.1 Bab Pertama (Pengenalan Kajian)

Di dalam bab pertama , pengkaji memulakan dengan pengenalan kajian iaitu pengkaji menjelaskan latar belakang kajian dikuti pula dengan penyata masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kajian literatur, metodologi kajian dan diakhiri dengan kerangka kajian.

1.11.2 Bab Kedua (Landasan Teori Kajian)

Bab kedua pula pengkaji akan membuat sorotan kajian teori. Pengkaji akan menghuraikan subtopik-subtopik yang berkaitan dengan tajuk kajian seperti sejarah sintaksis al-Quran, ta'rif tasir dan takwil dan penerangan tetang surah al-Baqarah. Pengkaji juga akan memberi penjelasan tentang tajuk *maf'ul bih* .

1.11.3 Bab Ketiga (Analisis dan Dapatan Kajian)

Seterusnya dalam bab ketiga, pengkaji akan membincangkan tentang analisis kajian iaitu pengkaji akan menganalisis ayat-ayat yang terdapat implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah. Dalam bab ini penganalisaan data-data akan dibuat secara terperinci oleh pengkaji. Setelah analisis kajian dibuat, maka dapatan kajian pula akan dibincangkan dalam bab ini. Pengkaji akan membuat penilaian daripada hasil dapatan analisis kajian iaitu jumlah ayat-ayat yang terdapat implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah. Data-data ini akan dianalisis dan diklasifikasikan kepada bahagian-bahagian tertentu iaitu kekerapan penggunaan implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah, peratusan sebab-sebab implisit *maf'ul bih* dan peratusan penggunaan kata kerja *muta 'addiyy* .

1.11.4 Bab Keempat (Rumusan Dan Cadangan)

Manakala dalam bab keempat pula pengkaji akan membuat rumusan kepada dapatan kajian yang diperolehi. Disamping itu pengkaji juga akan mengemukakan beberapa cadangan untuk penyelidik-penyalidik yang bakal menjalani sesebuah kajian yang berkaitan dengan tajuk.

1.12 Penutup

Secara umumnya pengkaji telah menjelaskan secara terperinci tentang kajian yang akan dijalankan iaitu mengenai objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, kajian literatur, metodologi kajian dan diakhiri dengan kerangka kajian.

Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian ini dapat dilaksanakan dengan sempurna dan dijadikan sebagai panduan untuk membantu para pengkaji yang ingin membuat penyelidikan terhadap ayat-ayat al-Quran. Selain itu, kajian ini juga secara tidak langsung boleh dijadikan rujukan bagi sesiapa yang ingin mengetahui dan mengkaji bahasa al-Quran.

BAB DUA

LANDASAN TEORI

2.0 Pendahuluan

Al-Quran merupakan mukjizat junjungan besar nabi Muhammad (S.A.W) yang dianugerahkan oleh Allah dan merupakan sumber rujukan utama umat Islam. Dari segi bahasa, al-Quran ialah lafaz yang diterbit daripada perkataan ﴿الْقُرْآن﴾ dengan makna “menghimpunkan”. Contohnya: قَرَأَ الشَّيْءَ قَرْءًا وَفُرَّقَنَا apabila menghimpunkan sesuatu atau memasukkan sebahagiannya kepada sebahagian yang lain (Anis, *et al.* T.th. 2:722). Manakala sebilangan besar para sarjana bahasa Arab pula berpendapat, al-Quran adalah kata nama terbitan yang membawa makna المُفْرُوعَ iaitu “yang dibaca” (Ibn Manzur, 1994:1:129). Dari segi istilah pula, al-Quran merupakan lafaz dalam bahasa Arab yang istimewa diturunkan oleh Allah (S.W.T) kepada nabi Muhammad (S.A.W) melalui perantaraan malaikat Jibril. Ia dimulakan dengan surah al-Fatihah dan disudahi dengan surah al-Nas (al-Bugha & Mastu, 1996:15).

Al-Quran membolehkan manusia menjalani kehidupan dengan berlandaskan wahyu Allah (S.W.T) tanpa melakukan kerosakan dan kebinasaan di dunia dan menjamin kebahagian hidup di akhirat. Ia merupakan satu kitab suci yang menggariskan panduan hidup manusia atau peraturan yang telah memberi suatu kejayaan yang besar kepada umat Islam, khususnya dan secara amnya kepada umat manusia di dunia ini. Selain itu al-Quran juga dapat mengubah kehidupan masyarakat jahiliah kepada masyarakat yang bertamadun, dari satu umat yang mundur dan merosot kepada umat yang membangun dan maju, dari

umat manusia yang jahil kepada yang berpengetahuan, dari kehidupan yang sesat kepada kehidupan yang terpandu dan al-Quran juga dapat membimbing seluruh umat manusia mengenal Allah (S.W.T), tuhan yang sebenar bagi menjurus kepada suatu kehidupan bagi mencari erti sebenar kebahagiaan, kedamaian, keputihan, kejernihan dan kesucian hidup di dunia dan di akhirat. Kitab suci ini mencakupi segala perkara yang melibatkan aqidah, amalan sehari-hari, akhlak dan sebagainya. Semenjak penurunannya lagi umat Islam telah mendalami dan mengambil berat tentang perihal makna ayat-ayatnya dan juga ilmu pengetahuan lain yang berkaitan dengannya. Ini bermakna kajian terhadap al-Quran telah dibuat bermula sejak awal penurunannya lagi iaitu pada zaman Rasulullah (S.A.W).

2.1 Sejarah Sintaksis Al-Quran

Sebelum turunnya al-Quran, bahasa Arab adalah bahasa yang hanya dipertuturkan oleh orang Arab yang tinggal di sekitar utara semenanjung tanah Arab. Bahasa Arab ketika itu dianggap sebagai bahasa yang tidak mempunyai nilai ketamadunan dan pemikiran yang tinggi. Apabila datangnya Islam dan turunnya al-Quran, ketika itu bahasa Arab telah menempuh zaman era baru. Melalui al-Quran, corak pemikiran dan pandangan manusia terhadap hakikat kehidupan ini telah berjaya diubah. Dengan demikian berlakulah perubahan yang mendadak dalam bahasa Arab dan akibat daripadanya bahasa Arab berfungsi sebagai saluran bagi mengungkapkan perubahan corak pemikiran manusia (Khalil, 1985:214).

Penduduk Semenanjung Tanah Arab yang terdiri daripada pelbagai Qabilah telah bertutur dengan menggunakan dialek yang berbeza-beza. Perbezaan ini begitu ketara dari

segi *harakah*, *ibdal* huruf, *taqdim* dan *ta'khir* huruf, menetapkan dan membuang huruf, *tafkhim* dan *imalah* huruf, *idgham* huruf, *i'rab* dan sebagainya (al-Suyuti, 1998:1:202-203). Di zaman permulaan islam, dialek atau *lahjah* Quraish telah pun mempunyai kedudukan yang tinggi jika dibandingkan dengan *lahjah* lain. Dialek Quraish telah dianggap sebagai *lahjah* yang terbaik kerana memiliki ketinggian, keindahan bahasa dan sifatnya yang senang dan ringan untuk dilafazkan. Lantaran itu *lahjah* Quraish telah menjadi yang paling fasih (al-suyuti, 1998: 1: 166). Akibat kefasihan dialek Quraish, ramai sasterawan daripada kabilah lain sering menggunakan *lahjah* tersebut apabila menukilkan sya'ir atau memberi khutbah (khaffaji, 1992: 224; al-Faysal, 1412 H:183).

Agama Islam telah mula tersebar dan berkembang hingga ke sebelah barat iaitu Syam dan Mesir. Manakala di sebelah timur pula ia berkembang hingga ke sungai Sind dan Jainun. Ekoran daripada itu, penyebaran ini telah membawa kesan yang cukup besar kepada peradaban dan pembangunan Islam. Hal ini juga telah melahirkan gerakan perubahan yang cukup aktif dari aspek perdagangan, perniagaan, pertanian dan sistem pemerintahan semenjak kedatangannya secara berterusan walaupun terpaksa melalui pelbagai rintangan dan kesukaran. Bermula daripada tanah suci Mekah agama Islam telah tersebar keseluruhan pelusuk bumi. Pada zaman khulafa' al-Rasyidin agama Islam mula berkembang pesat ke seluruh semenanjung tanah Arab dan juga kawasan sekitarnya.

Pada zaman saiyidina Umar al-Khattab, beliau menggalakkan perpindahan orang-orang Arab ke serata negeri. Dengan ini berlakulah pertembungan bangsa di antara bangsa Arab dengan bangsa-bangsa lain. Penggunaan bahasa Arab secara fasih oleh bangsa-bangsa asing semakin meluas, ini memberi kesan yang begitu tinggi apabila semakin banyak jumlah pemeluk Islam dan orang yang berada di bawah kekuasaan Islam. Akan tetapi hal ini turut membimbangkan para ulama' apabila ada di kalangan mereka yang menghafal al-

Qur'an secara salah. Fenomena tersebut telah menjadi satu tanggungjawab besar yang harus dtempuh oleh umat Islam pada ketika itu.

Jika diteliti, sejarah awal sintaksis Arab telah bermula pada zaman Nabi Muhammad (S.A.W) lagi seperti mana baginda telah menegur para sahabatnya yang bertutur dengan menggunakan bahasa yang salah (Al-Nisābūriyy 1990:2/477). Sayyidina Abu Bakar r.a juga pernah berkata : “ Lebih baik aku membaca dan terjatuh daripada aku membaca dan tersalah (Nahunya)”. Begitu juga Sayyidina Umar r.a pernah berkata : (تَعَلَّمُوا الْعَرَبِيَّةَ فَإِنَّهَا تَثْبِتُ الْعَقْلَ وَتَزِيدُ فِي الْمُرْوَةِ), yang bermaksud : “Pelajarilah bahasa Arab (Nahu), maka akan memperkuatkan pemahaman dan menambah kewibawaan dan harga diri”. Ibnu Qutaibah telah meriwayatkan terdapat seorang Arab Badwi telah mendengar azan seorang mua’zin berkata (أَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً رَسُولَ اللَّهِ) dengan menasabkan baris (رَسُولٌ) yang mana seharusnya dibaca dengan *rafa'* (baris hadapan) kerana ia merupakan khabar (أَنْ), lalu dia berkata , “celakalah ia”. Kemudian orang tersebut mengunjungi sebuah pasar, alangkah terkejutnya apabila dia mendengar banyak kesalahan nahu dalam percakapan mereka. Pencemaran bahasa telah berlaku dalam pelbagai bentuk samada dalam perbualan, pembacaan dan pengkajian. Hal ini dapat dilihat apabila Sayyidina Umar r.a telah menegur seorang gabenor dalam suratnya mengenai kesalahan tatabahasa katanya : “Ajarlah pengkajimu dengan cemeti”. Selain daripada itu, banyak lagi kisah-kisah pencemaran bahasa yang telah berlaku pada zaman Rasulullah (S.A.W) dan para sahabatnya (Al-Tantawiyy: 1997:9-11).

Pencemaran bahasa sudah timbul sejak zaman Rasulullah (S.A.W) lebih-lebih lagi pelbagai persoalan mula timbul apabila wahyu terhenti dengan kewafatan Rasulullah

(S.A.W). Kesalahan bahasa mula nampak ketara melalui percakapan dan lebih buruk lagi apabila mereka tersalah membaca baris al-Quran. Oleh yang demikian, pada zaman sayidina Ali iaitu pada tahun 69 Hijrah, satu usaha telah dibuat untuk menyekat pencemaran bahasa daripada terus merebak iaitu beliau telah mengarahkan Abu Aswad al-Dualiyy supaya membuat pengkaedahan bahasa Arab dan membentuk satu disiplin ilmu supaya dapat mengajar masyarakat agar bercakap dengan bahasa yang betul tanpa sebarang kesalahan. Ini merupakan sejarah awal yang dapat dikesan serta orang yang memainkan peranan sebagai pelopor dan orang yang telah meletakkan batu asas terhadap perkembangan ilmu yang berkaitan dengan *I'rāb* al-Quran ialah Saidina Ali bin Abu Talib. Al-Anbari telah menceritakan bahawa faktor yang mendorong Ali bin Abi Talib tergerak untuk merumuskan ilmu Nahu ini ialah apabila dia mendengar seorang membaca satu ayat dalam surah *al-Hāqatt* yang seharusnya dibaca (لَا يَأْكُلُهُ إِلَّا الْحَاطِفُونَ) tetapi dibaca (لَا يَأْكُلُهُ إِلَّا الْحَاطِفِينَ). Ada juga sebuah riwayat Abu Aswād al-Dualiyy yang menceritakan bahawa anak perempuannya telah berkata kepadanya (يَا أَبَتِ مَا أَشَدُ الْحَرَّ) lalu abu Aswad bertanya kepada anaknya (أَيُّ رَّمَانَ الْحَرَّ أَشَدُ؟). Apabila mendengar hal tersebut anaknya kemudian berkata; bahawa dia bermaksud hanya untuk menyampaikan suatu berita (dengan lafaz *ta'ajjub*), bukan tujuan untuk bertanya. Dengan itu, hal ini menjadi satu persoalan besar yang dapat mendorong ulama' supaya merumuskan semua kaedah-kaedah Nahu. Maka apa yang dapat dikesan pada abad ke-5 hijrah telah muncul kitab yang disusun berkaitan dengan *I'rāb* al-Quran. Antara tokoh-tokoh yang terlibat dan kitab yang dapat dihasilkan pada masa itu ialah Abu 'Amar al-Dani, beliau telah berjaya menghasilkan sebuah kitab yang berkaitan dengan *I'rāb* yang bertajuk : “*al-Tafsir Bi al-Qira'at al-Sab'i*”

(المُحْكَمُ فِي النُّقَّاتِ) dan kitab *al-Muhkām Fi al-Nuqāt* (التَّفْسِيرُ بِالْقِرَاءَةِ السَّبْعِيِّ) dan Ali Ibn Ibrahim Ibn Sa'id al-Khaufi, beliau telah menyusun kitab *I'rāb al-Quran* (إعراب القرآن). Satu ilmu juga telah diasaskan oleh Abu Aswad al-Dualiy iaitu ilmu Nahu atau ilmu Sintaksis Arab (Al-Tantawiyy: 1997:8-14).

Sebagaimana kita fahami, ilmu Nahu merupakan salah satu ilmu yang penting dan menjadi asas bukan sahaja untuk memperbetulkan bahasa, malah ia digunakan untuk membaca dan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran. Dengan adanya ilmu ini maka banyak permasalahan pemaknaan dan pentafsiran ayat-ayat suci dapat diatasi. Pada zaman Rasulullah (S.A.W), para sahabat dianggap golongan yang paling bertuah kerana segala permasalahan al-Quran dapat dirujuk terus kepada baginda (S.A.W). Sebagaimana firman Allah (S.W.T) :

﴿ وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ ﴾

Maksudnya : “ *Dan kami pula turunkan kepada kamu (Muhammad) al-Quran yang memberi peringatan supaya engkau menerangkan kepada umat manusia akan apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya* ”.

(Surah Al-Nahl : 44)

Daripada ayat ini kita dapati bahawa ilmu Tafsir sudah pun wujud sejak zaman Rasulullah lagi sebagaimana yang telah perakui, baginda merupakan ahli tafsir yang paling pakar dan arif. Tafsir yang dibuat atau disampaikan oleh Baginda (S.A.W) melalui hadis merupakan tafsir yang paling tinggi nilainya dan ia adalah benar dan mutamad. Pada masa itu, para sahabat bukan sahaja diarah untuk menghafal al-Quran malah mereka juga diarahkan supaya memahami makna dan tafsirannya. Namun di kalangan para sahabat pula adalah

tidak sama tahap pemikiran mereka. Ini kerana disebabkan perbezaan kecerdasan, ketidaksamaan pengetahuan dan tempoh atau masa pergaulan mereka bersama Nabi. Antara lain juga terdapat perbezaan kemampuan pentafsiran di kalangan sahabat dari sudut pengetahuan tentang sastera Arab, gaya bahasa Arab, ungkapan dalam al-Quran dan sebagainya. Di antara kalangan sahabat yang paling banyak diterima atau diambil pentafsiran daripadanya secara tertib ialah Abdullah Ibn Abbas, Abdullah Ibn Mas'ud, Ali Ibn Abi Talib dan Ubai Ibn Ka'ab. Abdullah Ibn Abbas adalah orang yang paling terkenal dalam bidang tafsir dalam kalangan sahabat. Manakala antara kitab tafsir yang terawal ialah tafsiran al-Quran yang berasaskan bahasa dan membincangkan tentang Sintaksis.

Penafsiran al-Quran dari sudut bahasa merangkumi semua bidang bahasa seperti ilmu Qiraat, Retorik, Leksikologi, Semantik, Morfologi, Sintaksis dan lain-lain lagi. Jika kita perhatikan banyak kitab-kitab tafsir telah menggabungkan hampir kesemua bidang bahasa. Ini kerana dengan cara ini mereka dapat menjelaskan makna al-Quran samada yang eksplisit mahu pun implisit. Ilmu Tafsir juga dapat mendorong seseorang mengetahui ilmu-ilmu al-Quran secara mendalam, serta dapat membantu dalam memahami hal-hal yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Menurut al-Dhahabiy, dalam memahami kitabullah, para mufassirin di kalangan tabi'in berpegang sepenuhnya pada al-Quran, keterangan mereka pula diriwayatkan dari para sahabat yang berasal dari zaman Rasullah. Kitab Tafsir yang dibukukan pada zaman Rasullah tidak mencakupi seluruh ayat al-Quran, mereka hanya mentafsir bahagian-bahagian yang sukar difahami oleh golongan-golongan yang sezaman dengan mereka. Kemudian kesukaran ini semakin meningkat apabila manusia bertambah jauh dari zaman Nabi dan para sahabat. Maka para tabi'in yang mahir dalam bidang tafsir menyahut cabaran untuk menyempurnakan sebahagian kekurangan ini. Terdapat banyak kitab-kitab tafsir telah dihasilkan oleh ulama'-ulama' yang muktabar seperti *Tafsir al-Tabariy* (w.310H), *Tafsir al-Baghawiy* (w.516H), *Tafsir al-Zamakhshariy*

(w.538 H), *Tafsir al-Qurtubiy* (w. 671H), *Tafsir Ibn Kathīr* (w.774H), *Tafsir al-Durr al-Manthur li al-Suyutiy* (w.911H), *Tafsir Fathul al-Qadīr li al-Syaukaniy* (w.1250 H), *Tafsir al-Sa'di li Syeikh Abdurrahman al-Sa'di* (w.1376H), *Tafsir Adwa' al-Bayan li al-Syinqitiy* (w.1393H), *Tafsir al-Aisar li al-Jazairi* dan sebagainya. Usaha ini semuanya tidak lain tidak bukan ialah hanyalah untuk menyumbangkan pemahaman yang menyeluruh kepada umat Islam terhadap al-Quran al-Karim.

Pada masa yang sama, bagi memastikan ayat-ayat al-Quran dapat difahami secara menyeluruh, mereka juga telah menterjemahkan dan mentafsirkan al-Quran berdasarkan aspek bahasa secara menyeluruh. Inilah yang dimaksudkan dengan tafsir al-Lughawiy yang telah timbul di awal sejarah kitab-kitab tafsir. Hal ini jelas, apabila kitab-kitab tafsir dinamakan dengan lafaz ‘Irāb dan lafaz *Ma’ani* sebagai tajuk sesebuah kitab. Antaranya seperti *Ma’āni al-Quran li Abu Hudhaifatt Wasil bin ‘Ata’* (131H), *Ma’āni al-Quran li Abu Abd. al-Rahmān*, *Yunus bin Habīb al-Dabiy al-Basri* (183H), *Ma’āni al-Quran li Abu al-Hasan ‘Aliy bin Hamzah bin ‘Abdullah bin ‘Uthman al-Kisa’iy* (192H), *Diya’ al-Qulub fi Ma’āni al-Quran wa Gharibih wa Musykilih li Abu Talib al-Mufaddal bin Salmat bin ‘Asim al-Lughawiy al-Khufiy* (300H), *I’rāb al-Quran li Abu ‘Aliy Muhammad bin al-Mustanir Qutub* (206H), *Kasyf al-Zunun al-Wadihah fi I’rāb al-Quran li Abu Marwan ‘Abdullah bin Habīb bin Sulaiman al-Malikiy al-Qurtubiy* (239H), *Kitab I’rāb al-Quran li Abu al-Abbas Ahmad bin Yahya Tha’lab* (291H), *I’rāb al-Quran Li Niftaqayh* dan banyak lagi.

Terdapat juga dalam ayat-ayat al-Quran yang mengandungi maksud yang samar dan sukar ditafsirkan maksudnya. Contohnya terdapat ayat-ayat yang menyatakan sifat-sifat yang boleh mendatangkan kesamaran seolah-olah Allah (S.W.T) mempunyai kesamaan sifatnya dengan makhluknya. Sebagaimana firman Allah (S.W.T) (يَعْلَمُ اللَّهُ فَوْقَ أَيْمَانِهِمْ)

bermaksud tangan Allah (S.W.T) di atas tangan-tangan mereka. Di dalam ayat ini menunjukkan Allah (S.W.T) disifatkan mempunyai tangan. Hal ini, boleh mendatangkan sangkaan yang tidak sepatutnya kepada orang-orang yang tidak memahami dan menganggap seolah-olah Allah (S.W.T) mempunyai anggota badan yang sama dengan makhluknya. Ayat-ayat seperti ini boleh didefenisikan sebagai ayat-ayat *Mutasyabihāt* iaitu ayat-ayat yang mempunyai kesamaran dari maknanya. Oleh itu, untuk menghadapi masalah ini, terdapat satu ilmu yang dikenali sebagai pelengkap atau penyempurna bagi ilmu Tafsir iaitu ilmu Takwil. Sebagaimana kita ketahui ayat-ayat al-Quran terbahagi kepada dua bahagian iaitu ayat-ayat *Muhkamāt* (ayat-ayat yang jelas maksudnya) dan ayat-ayat *Mutasyabihāt* (ayat-ayat yang samar maksudnya). Perlaksanaan yang digunakan untuk mengembalikan makna sebenar ayat-ayat *Mutasyabihāt* itulah dinamakan sebagai ilmu Takwil. Kebanyakan para ulama' telah bersepakat bahawa ayat-ayat *Mutasyabihāt* perlu ditakwilkan. Namun begitu, ada juga segolongan ulama' bersilih pendapat dalam menentukan takwilan sesebuah ayat sehingga menyebabkan ilmu Takwil terbahagi kepada dua jenis iaitu Takwil *Ijmal* dan Takwil *Tafsil*. Takwil *Ijmal* bermaksud takwil umum tanpa menentukan maksud sebenar ayat-ayat *Mutasyabihāt* di samping meng'itikad bahawa ayat-ayat tersebut tidak boleh diertikan dalam maknanya yang zahir. Sebaliknya makna ayat itu hendaklah diserahkan semata-mata kepada Allah (S.W.T) dan ini dikenali sebagai Takwil *Tafwid*. Ini merupakan pegangan ulama' salaf iaitu ulama' yang hidup dalam tempoh tiga ratus tahun hijrah. Takwil *Tafsil* pula bermaksud mengembalikan ayat-ayat *Mutasyabihāt* supaya bertepatan dengan dengan nas-nas *muhkamāt* dengan menentukan maknanya

kepada makna yang lebih layak dan tepat. Ini pula merupakan pegangan kebanyakkan ulama'-ulama' *khalaf* yang hidup selepas tiga ratus tahun hijrah.

Sesuatu ayat hanya boleh ditakwilkan sekiranya ia mempunyai sebab yang munasabah untuk ditakwilkan dan sebab-sebab ini dinamakan *qarīnatt*. Mentakwilkan ayat al-Quran dengan sesuka hati tanpa *qarīnatt* yang sahih, ini adalah termasuk di dalam erti kata 'takwil bebas' yang dilarang keras oleh Allah dan rasulNya. Rasulullah (S.A.W) bersabda :

(مَنْ فَسَرَ الْقُرْآنَ بِرَأْيِهِ فَالْيَتَبَوَّأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ)

Maksudnya : “ *Barangsiapa yang mentafsirkan al-Quran dengan fikirannya maka silalah ketempatnya di dalam Neraka* ”.

(HR Imam Tarmizi dan Nasai’)

Takwil ayat al-Quran hanya boleh dilakukan jika ada dua *qarīnatt* yang berikut:

- 1) Apabila ada petunjuk daripada nas-nas *Muhkamat* yang menunjukkan bahawa makna zahirnya tidak dikehendaki.
- 2) Apabila ada petunjuk daripada *Qawāti'ul Aqliat* (kepastian akal) yang menunjukkan makna zahirnya tidak dikehendaki.

Nas-nas muhkamat selalu dijadikan *qarinah* oleh para ulama di dalam menyelesaikan masalah ayat-ayat *Mutasyabihāt*. Walau bagaimana pun ayat-ayat al-Quran datangnya dari Allah (S.W.T), maka dengan sebab itu tidak mungkin terdapat sebarang kesilapan padanya. Dengan sebab itu juga mana-mana ayat yang pada zahirnya mengandungi kedua-dua perkara di atas iaitu isyarat dari nas-nas yang muhkamat dan isyarat dari *Qawati'ul 'Aqliyat* yang menunjukkan bahawa makna zahirnya tidak

dikehendakki wajiblah ayat tersebut ditakwilkan samada dengan takwil *Ijmal* atau dengan takwil *Tafsil*. Asas takwil hendaklah diambil daripada al-Quran sendiri, sebagaimana firman Allah (S.W.T) :

هُوَ اللَّهُ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَبَ مِنْهُ إِيمَانٌ مُّحَكَّمٌتُ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَأَخْرُ مُتَشَهِّدَتُ فَإِنَّمَا الَّذِينَ فِي
قُلُوبِهِمْ رَيْغَ فَيَتَبَعُونَ مَا تَشَبَّهَ مِنْهُ أَبْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَأَبْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلُهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّسُولُونَ
فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ إِيمَانًا بِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَذَكُّ إِلَّا أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya: “ *Dialah Tuhan yang telah menurunkan ke atas engkau (wahai Muhammad) sebuah kitab (al-Quran) yang sesetengah ayatnya merupakan ayat yang muhkamatt (jelas) dan sebahagiannya merupakan ayat mutasyabihatt (tidak jelas maknanya). Adapun orang-orang yang di dalam hatinya terdapat kesesatan maka mereka mengikuti ayat-ayat yang mutasyabihatt itu untuk mencari-cari fitnah dan mencari-cari takwilnya padahal tiadalah yang mengetahui takwilnya itu melainkan Allah (S.W.T) dan orang-orang yang rasikh (mendalam) ilmunya berkata kami beriman bahawa semuanya itu adalah dari tuhan kami dan tiadalah yang beringat-ingat itu melainkan orang-orang yang mempunyai akal fikiran*”.

(Surah Ali Imran : 7)

2.2 Takwilan Nahu Dalam Al-Quran

Al-Quran merupakan mukjizat yang terulung yang diberikan oleh Allah (S.W.T) kepada nabi Muhammad (S.A.W) sebagai petunjuk dan pedoman bagi seluruh manusia dan jin dalam mengatur kehidupan mereka. Al-Quran juga merupakan tanda kenabian Rasulullah (S.A.W) yang mana digunakan untuk membantu beliau dalam menyampaikan

dakwah. Dengan keistimewaan al-Quran, pelbagai permasalahan manusia dapat diatasi dari segenap segi samada rohani, jasmani, sosial, ekonomi, politik dan sebagainya.

Keistimewaan al-Quran jika diteliti dan dikaji, sudah tentu kita ketahui bahawa di dalamnya terkandung segala pedoman untuk memandu hidup manusia di dunia dan di akhirat. Oleh itu, untuk mengetahui keistimewaan-keistimewaan tersebut kita perlu mengkaji dan memahami apa yang terkandung di dalam al-Quran. Dalam hal ini, para ulama' telah menggalakkan dan menyarankan supaya menggunakan ilmu Tafsir dan ilmu Takwil dalam mengkaji dan memahami apa yang terkandung di dalam al-Quran secara mendalam. Ilmu ini merupakan ilmu yang mula-mula dibincangkan yang mana sejarah kemunculannya dapat dikesan bermula pada abad ke-2 Hijrah lagi. Ekoran kemunculan ilmu inilah, maka selepas itu lahir ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan al-Quran. Ulama'-ulama' muncul untuk bertindak mengkaji serta menyusun ilmu Tafsir berdasarkan koleksi dan riwayat daripada sahabat ialah antaranya Syu'batt Ibn al-Hajjaj yang meninggal dunia pada tahun 160 Hijrah, Sufian Ibn 'Uyainatt yang meninggal dunia pada tahun 198 Hijrah, Waqi' Ibn al-Jarratt yang meninggal dunia pada tahun 197 Hijrah, Ibn Jarīr al-Tabariy yang meninggal dunia pada tahun 310 Hijrah. Kitab Tafsir karangan Ibn Jarīr al-Tabariy ini merupakan salah sebuah kitab Tafsir yang unggul dan terkenal dan berkekalan sebagai rujukan penting hingga kini. Dengan menggunakan kedua-dua ilmu ini kita dapat menjadi al-Quran sebagai satu sumber pedoman dan asas yang amat penting dalam kehidupan seseorang.

Sebelum kita mengetahui makna Takwil secara terperinci, kita hendaklah terlebih dahulu mengetahui apakah perbezaan di antara Tafsir dengan Takwil dan apakah pandangan ulama' terhadap permasalahan ini. Ini kerana kedua-dua lafaz ini sangat berkait rapat di antara satu sama lain dalam menghuraikan maksud sebenar ayat-ayat al-Quran. Para ulama' Tafsir terdahulu telah berselisih pendapat tentang maksud kedua-dua lafaz ini.

Masalah ini terbahagi kepada dua pendapat iaitu (Muhammad Abdul Khāliq Udaimatt. (2004) :

1) Pendapat pertama iaitu golongan pentafsir yang mengatakan kedua-duanya adalah memberi maksud yang sama, pendapat ini dipersetujui oleh Mujahid, Ibn Jarir, al-Farra', al-Zujjaz, Imam al-Tabariy, Abu Ubaidatt dan disokong oleh Tha'lab dan golongannya. Ibn Taimiyyah telah mengatakan dalam kitabnya "Sarih al-Ma'qūl li Sahīh al-Manqūl" (صَرِيحُ الْمَعْقُولِ لِصَحِيفَةِ الْمَنْفُولِ) sesungguhnya lafaz Takwil yang terdapat dalam al-Quran memerlukan dalil dan pemahamannya yang jelas bagi menyokong lafaznya. Lafaz Talwil juga memerlukan penafsiran ayat dan keterangan makna yang menyokong lafaz tersebut. Ini telah dinyatakan oleh pentafsir yang terdahulu seperti Mujahid dan lain-lain.

Mengikut kitab (المُفْرَدَاتُ فِي غَرِيبِ الْفُرْقَانِ) yang dikarang oleh al-Raghib al-Asfahaniy, menyatakan bahawa ilmu Tafsir terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian yang menerangkan maksud lafaz dan bahagian yang menerangkan ilmu takwil dengan makna-makna contohnya mentakwil mimpi-mimpi. Baginya ilmu Tafsir lebih umum daripada ilmu Takwil kerana ia selalu digunakan terhadap kitab-kitab Allah (S.W.T) dan selainnya, manakala Takwil selalunya dan majoritinya digunakan terhadap kitab-kitab Allah (S.W.T) sahaja. Menurut beliau juga ilmu Tafsir banyak digunakan pada lafaz manakala ilmu Takwil pula banyak digunakan pada makna. Menurut al-Zarkashiy, ilmu Tafsir dan ilmu Takwil merupakan ilmu yang satu tetapi bergantung diatas penggunaannya.

2) Pendapat kedua mengatakan kedua-duanya berbeza, ini disokong oleh beberapa ahli tafsir iaitu al-Imam Abu al-Qāsim Muhamad al-Naisabūriy, al-Māturidiy , al-Zarkashiy, Abu Talib al-Taghlībiy, al-Kisyawiy, Abu Bakar Ibn Habib al-Naisabūriy dan

lain-lain lagi (Muhammad Abdul Khāliq Udaimatt (2004). Menurut Abu Talib al-Tagħlibiy, ilmu Tafsir merupakan keterangan mengenai lafaz samada lafaz yang sebenar atau lafaz kiasan sepetimana lafaz (الصِّرَاطُ) ditafsirkan dengan lafaz (الطَّرِيقُ). Manakala ilmu Takwil pula menurutnya ialah ilmu yang menafsir lafaz secara mendalam. Maka ilmu Takwil baginya merupakan ilmu yang menerangkan perkara sebenar yang dikehendaki manakala ilmu Tafsir pula menerangkan bukti-bukti atau nas-nas yang dikehendaki. Contohnya ialah sebagaimana firman Allah (S.W.T) :

(إِنَّ رَبَّكَ لِيَكْرِمُ صَادَ)

Maksudnya: “*Sesungguhnya Tuhanmu tetap mengawas dan membalas (khasnya balasan akhirat)*”.

(Surah *al-Fajr* : 14)

Ayat tersebut ditafsirkan dengan berikut: “*Sesungguhnya Allah (S.W.T) sentiasa mengintai-intai (memerhati) keadaan hambaNya*”. Manakala dari sudut Takwil pula, ayat tersebut ditakwilkan sebagaimana berikut: “*Menakutkan manusia daripada sifat kelalaian dan mereka suka berlengah-lengah dalam membuat persiapan yang sepatutnya*”. Hal ini

dijelaskan oleh Abu Nasr al-Qusyairiy dalam kitabnya “*Miftāh al-Sa‘adah*” (مفتاح السعادة).

Beliau juga menjelaskan ilmu Tafsir merupakan ilmu yang boleh dibaca dan didengar manakala ilmu Takwil pula boleh dijadikan satu ilmu untuk mengistinbatkan hukum.

Mengikut al-Baghwiyy dan al-Kawashiy pula, takwil merupakan salah satu ilmu yang membahaskan makna ayat yang bertepatan dengan apa yang berlaku sebelumnya dan selepasnya selagi ia tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah. Ada juga golongan

mengatakan bahawa tafsir lebih umum daripada takwil, ini kerana tafsir banyak merujuk kepada aspek *lahiriyyatt* sedangkan takwil banyak merujuk kepada aspek *batiniyyatt*. Tafsir banyak berkaitan dengan *riwāyatt* manakala takwil banyak berkaitan dengan *dirāyatt* (akal). Dengan adanya peranan *dirāyatt*, ilmu takwil terbahagi kepada dua bahagian iaitu takwil *mahmūd* (baik) dan takwil jahat atau *mazmūm* (tercela). Menurut al-Zarkasyi takwil yang baik diambil daripada al-Quran dan Hadis, pendapat para sahabat, tabi'in dan mengikut kehendak syari'ah. Manakala takwil yang jahat pula ialah apabila sesuatu yang dibuat terkeluar daripada syarat-syarat yang dinyatakan. Takwil yang baik telah diistilahkan oleh ulama' dengan *Takwil bi al-Ra'y al-Mahmūd*.

Tafsir berasal daripada perkataan (الفسر) yang bermaksud menjelaskan, menerangkan (makna ayat al-Quran yang sukar difahami). Mengikut pengertian kamus “*Lisān al-Arab*” (لسان العرب) telah memberikan banyak maksud perkataan tersebut antaranya membuka sesuatu yang tersembunyi atau menyingkap sesuatu (Ibn Manzūr :367). Mengikut al-Jurjaniy pula berpendapat bahawa tafsir mengikut pengertian bahasa, (الكشاف والظهار) iaitu membuka atau menerangkan sesuatu lafaz yang aneh dan sukar. Sebagaimana firman Allah (S.W.T):

وَلَا يَأْتُونَكُم بِمَثْلٍ إِلَّا جَعَنَكُم بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا

Maksudnya: “*Dan tidaklah mereka datang kepadamu (membawa) sesuatu yang ganjil, melainkan kami datangkan kepada mu sesuatu yang benar dan paling baik tafsirnya*”.

(surah *al-Furqān* : 33)

Sebahagian ulama' pula menyatakan perkataan Tafsir berasal dari perkataan safara (سَفَرٌ) iaitu lawan kepada fasara (فَسَرٌ) yang bermaksud (الْكَشْفُ) iaitu membuka atau menyingkap perkara-perkara yang diterima akal. (Muhamad Murtada al-Husayn al-Zubaydiy, 7/215).

Dari segi istilah pula, terdapat banyak pendapat yang membincangkan tentang istilah tafsir, antaranya menurut al-Kilabi dalam kitabnya *al-Tashīl* menjelaskan bahawa tafsir ialah mensyarahkan atau menghuraikan ayat-ayat al-Quran. Ia juga menjelaskan dan menerangkan makna ayat al-Quran serta menjelaskan apa yang dikehendaki dengan nas-nas atau dalil-dalil, hujjah-hujjah serta mengeluarkan hukum yang terkandung dalam al-Quran. Menurut syeikh al-Jazairi pula, Tafsir pada hakikatnya adalah memperjelaskan kata-kata yang sukar untuk difahami oleh pembaca. Manakala menurut Abu Hayyan pula tafsir adalah suatu ilmu yang membicarakan tentang cara ucapan lafaz al-Quran, ia menunjukan mengenai cara mengkaji ayat-ayat al-Quran tentang hukum-hukum dan makna yang terkandung di dalamnya. Ia juga meliputi ilmu Saraf, ilmu I'rab, ilmu Bayān dan ilmu Badī'. Selain itu, menurut al-Zarkashi pula tafsir merupakan suatu ilmu yang berkaitan dengan pemahaman yang digunakan untuk memahami, memperjelaskan makna-makna ayat, mengeluarkan hukum serta menyimpulkan kandungan hukum dan hikmahnya. Ia juga merupakan satu ilmu untuk mengetahui dan memahami al-Quran yang diturunkan kepada nabi Muhammad (S.A.W). Sebahagian ulama' pula telah mendefinisikan bahawa tafsir adalah ilmu yang membahaskan tentang cara hendak menyebut lafaz-lafaz al-Quran, maksudnya, segala hukum lafaz-lafaz seperti mengetahui nasakh dan mansukh, sebab nuzul dan hal-hal yang lain.

Tafsir mengikut istilah hukum syarak pula ialah menjelaskan firman Allah yang samar dengan firman Allah (S.W.T) ataupun dengan sabda Nabi (S.A.W) ataupun dengan *Athar* iaitu perkataan para sahabat Nabi yang *warīd* (datang) dari sahabat-sahabat atau *tabi'in* (pengikut-pengikut para sahabat) ataupun menjelaskan firman Allah (S.W.T) dengan kaedah bahasa Arab. Para ulama' telah mengharamkan al-Quran ditafsirkan dengan mengikut *ra'yī* (pendapat) sendiri yang tidak ada sandaran dari ayat-ayat al-Quran, Hadis, Athar dan tidak mengikut kaedah bahasa Arab sepetimana yang telah dinyatakan. Akan tetapi hukum mentakwilkan al-Quran pula adalah *mubah* (harus) jika ia mempunyai syarat-syarat yang disebutkan pada mentafsirkan al-Quran.

Takwil dikenali sebagai pelengkap ilmu tafsir, ia berasal daripada perkataan (أَوْلَىٰ - يُؤْوِلُ) bermaksud kembali kepada asal (Abd al-Mun'im al-Khifniy (1990:52), memalingkan dan memulangkan. Sebagaimana firman Allah (S.W.T):

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا تَأْوِيلَهُ، يَوْمَ يَأْتِي تَأْوِيلُهُ،

Maksudnya: “ Tidaklah ada perkara yang mereka tunggu-tunggukan melainkan akibat atau kesudahan (apa ang telah dijanjikan oleh Allah (S.W.T) di dalam al-Quran) pada hari datangnya apa yang telah dijanjikan di dalam al-Quran itu (pada hari kiamat kelak) ”.

(surah *al-'Arāf* : 53)

Ada juga sebahagian ulama' yang mengatakan bahawa takwil berasal dari perkataan (مَأْلُ) yang bermaksud akibat dan kesudahan. Seorang pengarang kamus mengatakan: (أَوْلَى الْكَلَامِ تَأْوِيلًا وَتَأْوِلُهُ بِعْنَى دَبَّرَهُ وَقَدَّرَهُ وَفَسَرَهُ) maksudnya : “ Seseorang yang menakwilkan ucapan dengan suatu takwil, artinya ia merenungkan, memperjelaskan, memperkirakan dan

menafsirkannya (Al-Fayruza ‘Abadiy (t.t), op. cit., h.314). Takwil dari sudut bahasa pula ialah (الرجوع) iaitu kembali. Sebagaimana firman Allah (S.W.T):

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمْنَوْا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولَئِكُمْ مِنْ كُمْ فَإِن تَنْزَعُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ
وَالرَّسُولِ إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٦﴾

Maksudnya: “kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (S.W.T) (al-Quran) dan (al-Sunnah) rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah (S.W.T) dan hari akhirat”.

(Surah *an-Nisa'* : 59)

Di antara firman Allah (S.W.T) yang mengemukakan kata Takwil dengan makna Tafsir adalah:

فَإِمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ رَيْغُ فَيَتَبَعُونَ مَا تَشَبَّهَ مِنْهُ أَبْتِغَاءَ الْفِتْنَةِ وَأَبْتِغَاءَ تَأْوِيلِهِ

Maksudnya: “Adapun orang-orang yang dalam hatinya condong kepada kesesatan, maka mereka mengikuti sebagian ayat-ayat yang mutasyabihāt untuk menimbulkan fitnah dan untuk mencari-cari takwilnya”.

(Surah *Ali 'Imran* :7)

Menurut istilah pula ulama'-ulama' telah membahagikannya kepada dua pendapat iaitu pendapat ulama' Salaf dan ulama' Khalaf. Ulama' Salaf telah mendefinisikan kepada dua :

1. Takwil ialah mentafsirkan kalam Allah (S.W.T) serta menjelaskan pengertiannya samada bertepatan ataupun bertentangan dengan makna zahir.
2. Takwil ialah mengeluarkan *dalālāt* (petunjuk) lafaz dari makna hakikat kepada makna *majāz* (metafora) (Ibn Rusyd : 32).

Ia juga membawa maksud yang sama dengan apa yang dikehendaki oleh kalam Allah (S.W.T). Di mana sekiranya kalam itu berbentuk *Talabiy* (طَلَبِيَّ), seperti *al-Amr* (الأَمْرُ), maka takwilnya adalah sama dengan perbuatan yang dituntut itu. Manakala sekiranya ia berbentuk *khabariy* (خَبَرِيَّ), maka takwilnya sama dengan apa yang dikhabarkan itu. Contohnya ialah takwil berkaitan sesuatu khabar untuk menyatakan bahawa apa yang dikhabarkan itu benar-benar berlaku. Sebagaimana firman Allah (S.W.T):

هَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا تَأْوِيلَهُ دِيْنُكُمْ يَا أَتَى تَأْوِيلُهُ وَيَقُولُ الَّذِينَ نُسُوهُ مِنْ قَبْلٍ قَدْ جَاءَتْ رُسُلُ رَبِّنَا بِالْحَقِّ فَهَلْ لَنَا مِنْ شُفَعَاءَ فَيَشْفَعُونَا لَنَا أَوْ نُرْدُ فَنَعْمَلُ غَيْرَ الدِّيْنِ كُنَّا نَعْمَلُ قَدْ حَسِرُوا أَنْفُسَهُمْ وَضَلَّ عَنْهُمْ مَا كَانُوا يَفْتَرُونَ

﴿٢٩﴾

Maksudnya: “ Tidaklah ada perkara yang mereka tunggu-tnggukan melainkan akibat atau kesudahan (apa yang telah dijanjikan oleh Allah di dalam al-Quran), pada hari yang telah dijanjikan di dalam al-Quran itu (pada hari kiamat kelak), berkatalah orang-orang yang telah melupakannya (yang tidak menghiraukan dalam dunia) dahulu: sesungguhnya telah datang rasul-rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran, maka adakah kiranya untuk kami pemberi syafaat supaya mereka memberi syafaat bagi kami atau (bolehkah) kami dikembalikan (ke dunia) supaya kami dapat beramal. Sesungguhnya mereka telah

merugikan diri mereka sendiri dan telah lenyaplah dari mereka perkara-perkara yang mereka ada-adakan dahulu ”.

(Surah *al-A'rāf*: 53)

Mengikut ulama' Khalaf pula telah memberikan banyak definisi tentang takwil, antaranya:

1. Definisi Abdul Wahhāb Khalaf : Takwil adalah memalingkan lafaz dari zahirnya disamping ada dalil yang menguatkannya.
2. Definisi Ibnu Jauziy : Takwil adalah memalingkan ucapan dari tajuknya kepada apa yang diperlukan untuk menetapkannya berdasarkan dalil.
3. Definisi Dr. Wahbah al-Zuhaily dalam kitab *Usul Fiqh al-Islami* : Takwil adalah memalingkan lafaz zahir iaitu dari asal kepada makna yang lain yang dikuatkan dengan dalil. Takwil menurutnya harus disertai dengan dalil.
4. Definisi Ulama' *Usul Fiqh* dan Ulama' *muta'akhirīn* : Takwil adalah memalingkan lafaz dari makna yang *rājih* (kuat) kepada makna yang *marjūh* (lemah) kerana ada dalil yang menyusulinya.

Kesimpulan yang kita boleh ambil dari definisi-definisi yang telah dikemukakan oleh para ulama' yang berikut, menunjukkan Takwil adalah mengalihkan lafaz dari makna zahir dari makna yang baru dengan disusuli dengan dalil-dalil yang menguatkannya. Takwil mengikut hukum syarak pula ialah memalingkan sesuatu ayat dengan mengikuti jalan *istinbat* (ambilan) kepada makna yang sesuai dengan ayat yang sebelum dan sesudahnya dengan tidak menyalahi hukum-hukum dalam al-Quran dan Hadis.

Sebagaimana kita ketahui, terdapat banyak kekeliruan tentang nahu dalam al-Quran yang patut kita kaji dan fahami. Antara masalah-masalah yang sering dibincangkan ialah seperti kesamaran terhadap makna ayat, kedudukan ayat, *hazaf* (implisit) ayat atau

perkataan , penambahan ayat atau perkataan dan lain-lain lagi. Masalah ini bukan masalah yang baru timbul malah ia telah dibincangkan oleh ulama'-ulama' yang terdahulu dalam bab takwil Nahu dalam al-Quran. Antara ulama'-ulama' yang telah membahaskan tentang masalah-masalah ini seperti Ibnu Abbas, Qatādatt, Isa ibnu Umar al-Thaqafiy, Abi Amru ibn al-'Ila', Sibawīh, al-Farra', al-Mubarrad, Abu Qasim al-Zamakhsyariy, Abu Hayyan dan lain-lain lagi. Pada zaman Ibnu Abbas banyak permasalahan Nahu timbul, ini menyebabkan beliau telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini dengan menerangkan makna-makna yang samar dan menjadikan nas-nas al-Quran sebagai panduan atau dalil untuk menyokong ayat-ayat yang zahir. Di antara masalah nahu yang jelas terdapat dalam al-Quran ialah (الخُذْف) penghazafan, dan (الزِيَادَة) penambahan, dan (التَّقْدِيم) pemulaan dan (التَّأْخِير) pengakhiran. Pelbagai jenis *hazaf* (implisit) yang terdapat dalam al-Quran antaranya seperti *hazaf* (implisit) (المُضَاف), (الحَال), (الفَعْل) dan (الْمَفْعُول بِهِ) sebagainya. Sebagaimana contoh firman Allah (S.W.T) :

(إِنَّ أَرِيدُ أَنْ تَبُوءَ بِأُثْمِي وَ أَنْكُ)

Maksudnya : “ Sesungguhnya aku mahu supaya engkau kembali dengan (membawa) dosa (membunuhku) dan dosamu sendiri ”.

(Surah *al-Ma'idah* : 29)

Mengikut Ibnu Abbas dan Ibnu Mas'ud dalam kitab *Bahr al-Muhiṭ* , terdapat implisit (المُضَاف) (الذِي كَانَ مِنْكَ قَبْلَ قَتْلِي) iaitu (sebelum membunuhku) dan (الذِي كَانَ مِنْكَ قَبْلَ قَتْلِي) maksudnya: “*dosa membunuhku* dan *dosa kamu sendiri sebelum membunuhku*”.

2.3 Perbahasan *Maf'ul Bih* .

2.3.1 Pentakrifan *Maf'ul Bih*

Dalam ilmu Nahu terdapat dua jenis kata kerja (فعل) iaitu kata kerja yang tidak memerlukan *maf'ul bih* dan ayat akan memadai dengan adanya kata kerja (فعل) dan pelaku (فاعل) sahaja. Kata kerja jenis ini dinamakan (فعل اللازم) iaitu kata kerja tak transitif. Manakala jenis yang kedua pula iaitu kata kerja (فعل) yang memerlukan *maf'ul bih* dan ayat tidak memadai dengan adanya kata kerja (فعل) dan pelaku (فاعل) sahaja. Kata kerja jenis ini dinamakan *fi'il muta'addiy* (فعل المتعدّي) iaitu kata kerja transitif (al-Ghalāyīniy:1993). *Fi'il muta'addiy* terbahagi kepada tiga bahagian (al-Ghalāyīniy:1993) iaitu :

1. Kata kerja yang memerlukan kepada satu *maf'ul bih*. Terdapat banyak contoh *fi'il muta'addiy* yang memerlukan kepada satu *maf'ul bih* contohnya نَصَرَ (tolong), كَتَبَ (tulis) أَخْدَ (ambil), أَكَلَ (makan), شَرَبَ (minum), أَبْعَدَ (menjauhkan), أَعْانَ (menolong) dan lain-lain lagi. Contoh ayatnya : “ أَكَلْتُ التُّفَاحَ ” “ saya telah makan sebiji epal ”. Ayat ini mempunyai satu *maf'ul bih* iaitu التُّفَاح (sebiji epal).

2. Kata kerja yang memerlukan kepada dua *maf'ul bih* . Ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

a) Asalnya dari subjek (المُبْتَدأ) dan predikat (المُبْتَدأ). Ia telah dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu :

- Kata kerja yang menujukkan kepastian seperti رأى (melihat), علم (mengetahui), وجد (mendapati), أَنْفَى (mengarang), درى (memahami) dan وَجَدْتُ الْحَقَّ أَغْلَبْ : (aku telah mendapati تعلم)

kebenaran pada kebiasaannya).

- Kata kerja yang menunjukkan kesangsian atau kemungkinan seperti ظَنَّ، حَالٌ، وَعْدٌ dan جَعَلٌ kesemuanya bermaksud *menyangkakan*. Contohnya ظَنَّ الْمُسافِرَ الطَّرِيقَ طَوِيلًا "orang musafir telah menyangkakan perjalanannya masih jauh".
- Kata kerja yang menunjukkan perubahan seperti صَيَّرَ (menjadi), دَرَدَ (mengembalikan), تَرَكَ (meninggalkan), اتَّخَذَ (mengambil), جَعَلَ (menjadikan) وَهَبَ (memberikan). contohnya "صَيَّرَتِ الْعَدُوَ صَدِيقًا" aku telah menjadikan musuh sebagai kawan".

b) Asalnya bukan dari subjek (المُبَتَدَأ) (الْحَبَر). Antara kata kerja yang digunakan ialah seperti أَعْطَى (memberikan), سَأَلَ (menanyakan), مَنَحَ (memberi), مَنَعَ (menegah), عَلَّمَ (mengajar) dan هَدَى (memberi petunjuk).

Contohnya : مَنَحَ مُحَسِّنٌ عَلَيًّا مِبْلَغاً مِنَ الْمَال (Muhsin telah memberikan kepada Ali sejumlah hartanya).

3. Kata kerja yang memerlukan kepada tiga *maf'ul bih*. Antara contoh-contoh kata kerja yang memerlukan kepada tiga *maf'ul bih* ialah seperti أَرَى (melihat), أَعْلَمَ (membeitahu), أَنْبَأَ (memberitahu), أَنْبَأَ (memberitahu), أَخْبَرَ (memberitahu), أَخْبَرَ القَائِدُ الْجَيْشَ التَّيْسِيَّةَ الْأَصْرَرَ عَلَى : (ketua telah memberitahu askar keputusan kejayaannya keatas musuh).

Maf'ul bih dari segi *lughawi* (bahasa) bererti sesuatu (*isim*) yang menjadi sasaran sesuatu الفعل (perbuatan) atau sesuatu objek yang dilakukan , samada perbuatan itu dilakukan oleh anggota tubuh badan (panca indera) seperti ضَرَبَتْ زَيْدًا (aku memukul zaid).

Dalam ayat tersebut, *fi 'il ضَرَب* merupakan tindakan yang dilakukan oleh tubuh dan dapat dirasai, adapun perbuatan yang merupakan “tindakan *maknawiy*” iaitu yang tidak dilakukan oleh anggota tubuh badan seperti تَعَلَّمُتُ الْمَسَأَلَةَ (aku sedang mempelajari sebuah permasalahan). Dalam ayat tersebut *fi 'il تَعَلَّم* merupakan tindakan yang tidak memerlukan pergerakan, iaitu ia hanya *maknawiy*.

Manakala secara istilah pula *Maf'ul bih* bermakna *isim* (manshub) yang terletak selepas (الفَعْلُ) perbuatan dan (الْفَاعِلُ) pelaku (al-Ghalāyīniy: 1993) (Muhamad Muhyiddin: 2003). Istilah ini telah disepakati oleh ulama'-ulama' Nahu. Antara contoh ayat yang mempunyai *isim* (mansub) seperti berikut:

- a) ضَرَبْتُ زَيْدًا (aku memukul zaid), perkataan زَيْدًا adalah *Maf'ul bih* kepada.
- b) رَكِبْتُ الْفَرَسَ (aku menunggang seekor kuda), perkataan الفَرَسَ merupakan *Maf'ul bih* kepada.

Daripada contoh-contoh tersebut, kita dapat bahawa *isim* (mansub) atau *Maf'ul bih* boleh dijadikan makhluk atau benda berakal seperti Zaid (orang) ataupun tidak berakal seperti “kuda”.

2.3.2 Bentuk-Bentuk *Maf'ul Bih*

Maf'ul bih mempunyai beberapa bentuk untuk dikenal pasti. Antara bentuk-bentuk tersebut adalah seperti berikut (al-Ghalāyīniy :1993) (Muhamad Muhyiddin: 2003):

- a) *Maf'ul bih* sebagai kata nama yang jelas (اسمًا ظَاهِرًا). Contohnya : قَرَأْتُ الْكِتَابَ yang bermaksud “ saya telah membaca buku ”. Perkataan “buku” dalam ayat tersebut merupakan kata nama yang jelas. Mengikut kitab Nahu, ia juga boleh dibahagikan

kepada tiga bahagian iaitu (اسْمٌ صَرِيْحٌ) kata nama yang jelas sepetimana yang telah dijelaskan contohnya, (الْمَصْدَرُ) kata terbitan contohnya: أَحِبَّ أَنْ أُسَافِرُ maksudnya “saya suka musafir” dan (الْجُمْلَةُ) dalam bentuk ayat contohnya: مَوْلَى إِنِّي عَبْدُ اللهِ maksudnya “dia telah berkata “ sesungguhnya aku hamba Allah” .

b) *Maf'ul bih* sebagai ganti nama (الضَّمِيرُ). Ganti nama terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

1) *Muttasil*, iaitu yang tidak didahului suatu kata sebelumnya dan juga tidak ada kata lain sesudahnya kecuali dalam bentuk *ikhtiyari* (pilihan). Terdapat banyak bentuk *Dhamir Muttasil* antaranya ialah :

- (أَنَا) saya, contoh : (ضَرَبَنِي) dia telah memukul saya).
- (أَنْتُ) kami, contoh : (ضَرَبَنَا) dia telah memukul kami).
- (أَنْتَ) kamu (lelaki), contoh : (ضَرَبَكَ) dia telah memukul kamu).
- (أَنْتِ) kamu (perempuan), contoh : (ضَرَبَكِ) dia telah memukul kamu).
- (أَنْتُمَا) kamu berdua (lelaki/perempuan), contoh : (ضَرَبَكُمَا) dia telah memukul kamu berdua).
- (أَنْتُمْ) kamu semua (lelaki), contoh : (ضَرَبَكُمْ) dia telah memukul kamu semua).
- (أَنْتُنُّ) kamu semua (perempuan), contoh : (ضَرَبَكُنُّ) dia telah memukul kamu semua).
- (هُوَ) dia (lelaki), contoh : (ضَرَبَهُ) dia telah memukul dia).
- (هُوَيْ) dia (perempuan), contoh : (ضَرَبَهَا) dia telah memukul dia).

- (هُمْ) mereka berdua (lelaki/perempuan), contoh : ضَرَبُوهُمَا (dia telah memukul mereka berdua).
 - (هُمْ) mereka semua (lelaki), contoh : ضَرَبُوهُمْ (dia telah memukul mereka semua).
 - (هُنَّ) mereka semua (perempuan), contoh : وَضَرَبُوهُنَّ (dia telah memukul mereka semua).
- 2) *Munfasil*, iaitu *maf'ul bih dhamir* yang berada pada awal ayat, contoh: إِيَّاكَ نَعْبُدُ (hanya kepadaMu kami menyembah) dan berada selepas (إِلَّا) dalam ayat yang menunjukkan pilihan, contoh: مَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاكَ (tidaklah kami menyembah kecuali hanya kepadaMu). Terdapat banyak bentuk *Dhamir Munfasil* antaranya ialah :

- (أَنَا) saya, contoh : إِيَّايَ (kepadaku).
- (كُنْتُ) kita, contoh : إِيَّانَا (kepada kita).
- (أَنْتَ) kamu (lelaki), contoh : إِيَّاكَ (kepadamu).
- (أَنْتِ) kamu (perempuan), contoh : إِيَّاكِ (kepadamu).
- (أَنْتُمَا) kamu berdua (lelaki/perempuan), contoh: إِيَّاكُمَا (kepada kamu berdua).
- (أَنْتُمْ) kamu semua (lelaki), contoh : إِيَّاكُمْ (kepada kamu semua).
- (أَنْتُنَّ) kamu semua (perempuan), contoh : إِيَّاكُنَّ (kepada kamu semua).
- (هُوَ) dia (lelaki), contoh : إِيَّاهُ (kepada dia).
- (هِيَ) dia (perempuan), contoh : إِيَّاهَا (kepada dia).
- (هُمَا) mereka berdua (lelaki/perempuan), contoh : إِيَّاهُمَا (kepada dia).

berdua).

- (هُمْ) mereka semua (lelaki), contoh : إِلَيْهِمْ (kepada dia semua).
- (هُنَّ) mereka semua (perempuan), contoh : إِلَيْهِنَّ (kepada dia semua).

- c) *Maf'ul bih* sebagai kata nama yang tidak jelas (إِسْمًا مُبْهَمًا). Antara kata nama yang tidak jelas ialah seperti (اسْمُ الِإِشَارَةِ) kata Isyarat contoh : خُذْ هَذَا “ambilah ini”, kata Hubung, contoh : أَكْرِمْ مَنْ يُنْجَحْ “muliakanlah orang yang berjaya”, kata Tanya contoh : مَنْ أَكْرَمْتَ? “ siapakah yang kamu muliakan”.
- d) *Maf'ul bih* sebagai isim yang mana pada hakikatnya bukan *Masdar* (مَصْدَارٌ مُؤَوَّلٌ) contohnya : عَلِمْتُ أَنَّكَ نَاجِحًا “ saya tahu sesungguhnya kamu telah berjaya”.
- e) *Maf'ul bih* sebagai huruf *Jarr* dan *Majrurr* contohnya firman Allah (S.W.T) : ثُمَّ أَتَمُوا الصِّيَامَ إِلَى اللَّيْلِ (kemudian sempurnakanlah puasa itu hingga malam”.

2.3.3 Hukum-Hukum *Maf'ul bih*

Telah dijelaskan dalam kitab-kitab tentang hukum-hukum *maf'ul bih*. Terdapat beberapa hukum *maf'ul bih* yang perlu kita ketahui antaranya (al-Ghalāyīniy :1993) (Muhamad Muhyiddīn: 2003) :

- a) Ia hendaklah sentiasa *mansub* iaitu berbaris atas, contoh : أَسْتَعْفِرُ اللَّهَ . Ia juga kadang-kadang dibaca dengan baris bawah dari segi lafaz kerana ditambah padanya huruf *jarr* طَرْحُتْ بِالْجَهْلِ : , contoh , مِنْ سَوَاءٍ and الْبَاء . مَا أَئْتَتْ مِنْ سَوَاءٍ .
- b) Ia boleh dihazafkan dengan bersebab , contoh : " مَا وَدَعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَى " .
- c) Kata kerjanya boleh dihazafkan dengan bersebab, contoh : " مَا أَنْزَلَ رَبُّكُمْ قَالُوا خَيْرًا " .

d) Ia hendaklah berada selepas فَاعِل dan فعل, ini merupakan hukum asal *maf'ul bih*.

Akan tetapi ia juga boleh didahulukan daripada contohnya : أَكْرَمَ يُؤْسَفًا حَالَدْ : فَاعِل فعل contohnya : عَلَيَا أَكْرَمْتُ : Hal ini telah diuraikan dalam kitab-kitab nahu Arab secara terperinci seperti berikut:

a) Wajib dahulukan *Maf'ul bih* daripada فَاعِل dalam tiga keadaan iaitu :

- Apabila dibataskan dengan (إِنَّمَا) dan (إِلَّا) .

Contohnya : (ما ناصَّ الشَّعْبَ إِلَّا الْمُحْلَصُونَ) (إِنَّمَا كَتَبَ مَقَالَةً عَبْدُ الرَّحْمَنِ)

- Apabila terdapat ganti nama (dhamir) pada فَاعِل yang kembali kepada *Maf'ul bih*.

Contohnya : (حَصَدَ الْحَقْلَ صَاحِبُهُ)

- Apabila *Maf'ul bih* merupakan ganti nama (dhamir) yang berada selepas kata kerja dan pelakunya pula merupakan Isim zahir.

Contohnya : (عَانَبَنِي صَدِيقٌ)

b) Wajib dahulukan *Maf'ul bih* daripada فَاعِل dalam tiga keadaan iaitu :

- Apabila *Maf'ul bih* diperlukan ayat berbentuk isim (الشَّرْط) dan isim (الإِسْتِفْهَام).

Contohnya : أَيَّ كِتَابَ تَقْرَأُ / كَمْ كَبْشٍ بَاعَ أَخْوَكَ؟ .

- Apabila *Maf'ul bih* merupakan ganti nama (dhamir) munfasil.

Contohnya : إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ :

- Apabila terletak selepas (فَاءُ الْجَزَاء) dan telah bersambung *Maf'ul bih* dengan ganti nama (dhamir) yang kembali kepada pelakunya.

Contohnya : كِتَابَكَ فَاقْرَأُ / طَعَامَكَ فَتَنَاؤلُ :

2.4 Definisi Implisit

Al-Quran merupakan adalah kitab samawiy yang teragung serta merupakan mukjizat yang teragung nabi Muhamad (S.A.W). Banyak rahsia yang terkandung di dalamnya, setiap huruf dan ayatnya mengandungi hikmah yang amat besar. Syeikh Muhammad Ali al-Shabuniy dalam tulisan Usman telah menjelaskan bentuk-bentuk kemukjizatan al-Quran, antaranya keindahan sastera dan gaya bahasanya yang amat unik yang berbeza dengan apa yang dimiliki oleh bangsa Arab. Perkataan mukjizat berasal dari bahasa Arab **إعْجَازٌ** - عَجَزٌ yang bererti melemahkan atau menjadikan tidak mampu. Dalam konteks ilmiah ia bermaksud ketidakupayaan manusia untuk menandingi ketinggian al-Quran sama ada dari segi keindahan bahasa, ilmu-ilmu dan hukum hakam, berita-berita ghaib dan sebagainya (Muhammad Ali al-Sabūniy, 1980 m.s :89).

Terdapat beberapa bentuk i'jaz dapat dilihat dalam al-Quran, hal ini telah dinyatakan oleh seorang pengkaji i'jaz al-Quran iaitu al-Imam Muhammad Abu Zahrah (1970, m.s :95) yang berpendapat i'jaz al-Quran secara keseluruhan dapat dilihat dari enam perkara iaitu pemilihan kata-kata, gaya bahasa, pengolahan makna, bentuk luaran dan dalaman ayat, berita ghaib, hikmah dan tamthil serta teknik berhujjah.

Gaya bahasa (*uslub*) bermaksud satu kaedah dan pendekatan yang digunakan utk menyampaikan maksud di dalam bentuk-bentuk ayat yang indah dan menarik bertujuan untuk merangsangkan perasaan dan daya pemikiran pendengar. Penggunaan gaya bahasa dalam al-Quran berada di tahap kesempurnaan yang paling tinggi. Ini dapat dilihat dalam aspek-aspek berikut :

- 1) Pemilihan perkataan yang sesuai dan tepat bagi menggambarkan makna.
- 2) Makna sesuatu ayat bersepada dengan makna ayat yang berikutnya. (Ibn Sinān al-Khafajiy 1982, m.s. 92)
- 3) Kepelbagaian teknik dan gaya persembahan maksud ayat. Contohnya teknik penyampaian yang terkandung dalam al-Quran seperti penyampaian makna secara langsung dan tidak langsung, penyampaian secara ringkas dan panjang lebar, penyampaian untuk pengukuhan dan pengugutan, penyampaian secara tegas dan berlembut dan berbagai-bagai lagi. (Muhammad Abu Zahrah, t.t. m.s.:125).

Dari segi pengolahan makna ayat pula ia berlaku secara optimum dengan mengambil kira segala aspek yang terkandung dalam budaya bahasa seperti neka bahasa, retorik, ragam bahasa dan laras bahasa. Menurut al-Rummani (t.t. m.s :101) kepelbagaian penggunaan budaya bahasa dalam pengolahan makna berlaku secara seimbang dan sama rata dalam seluruh surah dalam al-Quran dan pada semua keadaan, tajuk dan permasaalahan yang disentuh dalam al-Quran. Kepelbagaian ini dapat dilihat dalam penggunaan kaedah tertentu seperti cerita, perumpamaan, kiasan, pemerian, hujjah, nasihat, penerangan, sindiran, pertanyaan, penafian dan sebagainya.

Terdapat dua bentuk makna di dalam al-Quran iaitu makna eksplisit dan implisit. Makna eksplisit merupakan makna tersurat atau makna luaran yang difahami melalui faktor semantik ataupun linguistik, berdasarkan bentuk luaran ayat. Pemahaman makna diperengkat ini tidak akan melibatkan faktor-faktor bukan linguistik seperti suasana dan konteks ayat. Manakala makna implisit pula ialah makna tersirat yang tersembunyi dan

berselindung disebalik lahiriah. Makna-makna tersebut difahami secara tidak langsung berdasarkan andaian-andaian tertentu. Mengikut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia, implisit membawa maksud tersirat, terpendam, tersembunyi, tidak terang-terangan dan tidak terus terang. Antara contoh ayat implisit seperti “*Encik Ahmad menyebabkan tetamunya bersila*”, terdapat maksud yang tersirat dalam ayat ini dan ia perlu difahami dalam konteks budaya dan tradisi orang Melayu (Kamus Dewan Edisi Keempat :2005).

Pemahaman makna tersirat amat penting dan diperlukan sebagai usaha awal untuk memahami makna tersirat dengan lebih berkesan. Gabungan antara bentuk luaran dan makna dalaman ayat boleh menghasilkan makna yang dinamakan sebagai unik, tanpa kombinasi ini makna akan menjadi kaku dan tidak dapat berfungsi untuk memberi kesan terhadap seseorang. Makna tersirat juga merupakan makna yang difahami secara tidak langsung melalui perantaraan makna tersurat.

Konteks ayat merupakan salah satu faktor yang digunakan untuk memahami ayat implisit. Konteks adalah sejumlah andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran terdahulu yang paling hampir. Kesesuaian antara maklumat yang diberikan dengan konteks sangat penting kerana jika salah penyesuaian antara kedua-duanya, ia boleh menyebabkan maklumat itu disalah anggap. Dengan itu akan terbentuklah kekeliruan yang mengakibatkan pendengar gagal memahami maksud ayat yang sebenar .

Melalui makna implisit juga dapat memberi kesan psikologi yang positif kepada pendengar antaranya dapat menarik perhatian dan kepekaan pendengar, menyentuh perasaan dan naluri pendengar serta membolehkan pendengar berfikir dan bertindak balas

secara positif. Selain daripada itu, terdapat juga banyak nilai seni yang terbentuk melalui makna implisit seperti menjadikan sesebuah ayat menarik dan indah dan dapat menerangkan keadaan yang sebenar dan bersesuaian dengan apa yang hendak digambarkan dan tidak melampau atau keterlaluan. Selain daripda itu makna juga dapat dipersembahkan melalui daya imiginasi yang tinggi melalui pendekatan-pendekatan yang tertentu sejajar dengan kemampuan fikiran seseorang.

Keindahan ayat merupakan unsur-unsur yang dapat mempesona dan memukau jiwa dan perasaan seseorang seterusnya dapat membangkitkan fungsi bahasa iaitu sebagai alat untuk menyampaikan maksud dan perasaan dalaman, supaya dapat dikongsikan bersama. Dengan itu, secara umumnya makna tersirat dapat diukur dan dinilai melalui kesesuaian ayat dengan pemikiran seseorang, menepati kaedah nahu dan juga mempunyai perkataan yang fasih dan terhindar dari *ta'qid lafziy* dan *ta'qid maknawiy*. (Mahmud Ahmad Nihilah, 1990, m.s:30).

2.5 Implisit *Maf'ul bih*

Hazaf atau implisit merupakan salah satu bab yang dibincangkan dalam sintaksis Arab. Dalam Nahu Arab, terdapat pelbagai bentuk implisit yang telah bincangkan antaranya dalam bab المُبَدِّأ وَالْخَبَر (subjek dan prediket) , bab المَفْعُول بِهِ (objek) , bab المُضَاف (kata majmuk) dan sebagainya. Hal ini kerap berlaku dalam al-Quran, ini merupakan salah satu keistimewaan dan mukjizat al-Quran. Namun begitu, pengkaji hanya memilih bab *maf'ul bih* sebagai tumpuan utama kajian.

Ulama'-ulama' nahu telah membincangkan tentang masalah implisit *maf'ul bih* secara terperinci dalam beberapa bab antaranya dalam bab ظَرْبُ الْأَذْوَمِ وَالْتَّعْدِي , serta saudaranya dan bab أَعْطَى serta saudaranya. Bab-bab tersebut merupakan perkara asas untuk memahami implisit *maf'ul bih*. Para ulama' nahu telah bersepakat supaya hukum implisit *maf'ul bih* boleh lakukan sekiranya mempunyai sebab-sebab yang tertentu. Sebahagian ulama' telah menyatakan bahawa implisit *maf'ul bih* disebabkan oleh dua tujuan iaitu untuk tujuan *maknawiy* dan *lafziy*. Antara contoh ayat implisit *maf'ul bih* untuk tujuan *maknawiy* seperti firman Allah (S.W.T) :

(كَتَبَ اللَّهُ لِأَعْلَمِنَّ أَنَا وَرُسُلِي)

Maksudnya : “Allah telah menetapkan “aku dan rasul-rasul-Ku pasti menang” .

(Surah *al-Mujadalah* : 21)

Dalam ayat tersebut *maf'ul bih* telah diimplisitkan iaitu الكَافِرُونَ (orang-orang kafir). Manakala contoh ayat implisit *maf'ul bih* untuk tujuan *lafziy* seperti firman Allah (S.W.T) :

(إِلَّا تَذَكَّرَ لِمَن يَخْشَى)

Maksudnya : “Tetapi sebagai peringatan bagi orang yang takut”.

(surah *Taha* : 3)

Dalam ayat tersebut *maf'ul bih* telah diimplisitkan untuk tujuan *lafziy* iaitu القرآن .

Walau bagaimana pun, terdapat juga *maf'ul bih* yang tidak boleh diimplisitkan. Ia terjadi dalam beberapa keadaan iaitu :

- 1) *Maf'ul bih* sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang tertentu.

Contohnya : مَنْ ضَرَبْتَ؟ (siapa yang kamu pukul?) maka jawapannya : ضَرَبْتُ زَيْدًا (aku telah memukul Zaid). Zaid sebagai *maf'ul bih* yang tidak boleh diimplisitkan kerana untuk memastikan siapa yang telah dipukul.

- 2) *Maf'ul bih* dalam bab *Mustathna* (pengecualian).

Contohnya : مَا ضَرَبْتُ إِلَّا عَلَيْهَا (aku tidak pukul seseorang kecuali Ali). Ali sebagai *Maf'ul bih* yang tidak boleh diimplisitkan kerana untuk menentukan siapa yang dikecualikan daripada tidak dipukul.

- 3) *Maf'ul bih* dalam bab *Ta'ajub* (kagum).

Contohnya : مَا أَحْسَنَكَ (alangkah baiknya kamu). Kamu sebagai *maf'ul bih* yang tidak boleh diimplisitkan kerana untuk menunjukkan seseorang yang mengagumkan.

Dalam bab *أَعْطَى* dan ظَنْ , ulama'-ulama' nahu juga bersepakat bahawa *maf'ul bih* boleh diimplisitkan samaada satu atau dua *maf'ul bih* sekiranya mempunyai sebab. Tujuan implisit tersebut dinamakan الحذف اخْتِصَارًا iaitu implisit bertujuan untuk meringkaskan ayat. Manakala, implisit yang tidak mempunyai sebab pula dinamakan الحذف اقْتِصَارًا juga bermaksud meringkaskan ayat. Akan tetapi tujuan implisit ini tidak disepakati oleh segolongan ulama'-ulama' nahu kerana ia tidak mempunyai sebab implisit.

Secara terperinci telah dibahaskan oleh para ulama' tentang tujuan-tujuan implisit *maf'ul bih* antaranya :

العلم به (Maklum) iaitu konteks ayatnya telah diketahui dengan dalil-dalilnya. Tujuan ini telah disepakati oleh para ulama' nahu.

Contohnya: Firman Allah (S.W.T) dalam surah *al-Qasas* :62 :

{ أَيْنَ شُرَكَائِي الَّذِينَ كُنْتُمْ تَزْعُمُونَ }

Dalam ayat ini terdapat kata objek yang telah diimplisitkan iaitu (تَزْعُمُونَهُمْ شُرَكَاء). Ia biasa berlaku kerana makna ayat sebelumnya telah dimaklumkan maksud yang sebenar kata objek berkenaan.

الحَدْفُ اِختِصَارًا (Ringkas bersebab) iaitu implisit untuk meringkaskan ayat dengan bersebab.

Contohnya: Firman Allah (S.W.T) dalam surah *al-duha* :2:

{ مَا وَدَعَكَ رَبِّكَ وَمَا قَلَى }

Dalam ayat ini terdapat kata objek yang telah diimplisitkan iaitu (قَلَّا). Ia biasa berlaku kerana untuk meringkaskan ayat.

الحَدْفُ اِقتِصَارًا (Ringkas tidak bersebab) iaitu implisit untuk meringkaskan ayat dengan tidak bersebab. Contohnya: Firman Allah (S.W.T) dalam surah *al-imran*:75 :

{ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكِذَبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ }

Dalam ayat ini terdapat kata objek yang telah diimplisitkan iaitu (وَهُمْ مَنْ ذُوِي الْعِلْمِ). Ia biasa berlaku kerana untuk meringkaskan ayat.

(لَوْ شَاء) . (Selepas “lau sya’ā”) iaitu implisit selepas (الحَذْف بَعْد لَوْ شَاء) .

Contohnya: Firman Allah (S.W.T) dalam surah *al-an ‘am*: 149:

{ فَلَوْ شَاء لَهَدَأُكُمْ أَجْمَعِينَ }

Dalam ayat ini terdapat kata objek yang telah diimplisitkan iaitu (لَوْ شَاء هَدَايَتُكُمْ). Ia biasa berlaku selepas (لَوْ شَاء) dan makna ayat sebelumnya telah menjelaskan maksud sebenar kata objek berkenaan.

(5) (الحَذْف بَعْد تَفْيِي الْعِلْم) (Selepas Penafian) iaitu implisit selepas penafian (الْعِلْم).

Contohnya: Firman Allah (S.W.T) dalam surah *al-Baqarah*:13 :

{ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ }

Dalam ayat ini terdapat kata objek yang telah diimplisitkan iaitu (لَا يَعْلَمُونَ أَنَّهُمْ السُّفَهَاءُ) . Ia biasa berlaku selepas penafian (الْعِلْم) dan makna ayat sebelumnya telah menjelaskan maksud sebenar kata objek berkenaan.

(6) (الحَذْف عَائِدًا عَلَى الْمُؤْصُول) (Rujukan kata hubung) iaitu implisit sebagai ganti kepada kata hubung.

Contohnya: Firman Allah (S.W.T) dalam surah *al-Furqan*:41 :

{ أَهْذَا الَّذِي بَعَثَ اللَّهُ رَسُولًا }

Dalam ayat ini terdapat kata objek yang telah diimplisitkan iaitu (بَعَثَهُ).

Ia biasa berlaku sebagai pengganti kepada kata hubung.

الْحَدْفُ فِي الْفَوَاصِلِ (7) (Dalam ayat berlapis) iaitu implisit dalam kata ayat berlapis.

Contohnya: Firman Allah (S.W.T) dalam surah *al-Duha*:6 :

{ وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَى }

Dalam ayat ini terdapat kata objek yang telah diimplisitkan di dalam ayat berlapis yang kedua iaitu (فَهَدَاكَ). Ia biasa berlaku kerana makna ayat sebelumnya telah menjelaskan maksud sebenar kata objek berkenaan.

2.6 Pengenalan Surah al-Baqarah.

Sebagaimana yang diketahui bahawa al-Quran mempunyai sebanyak 30 juzuk, 114 surah dan 6236 ayat. Di antara surah-surah di dalam al-Quran, terdapat satu surah yang paling panjang iaitu Surah al-Baqarah. Sebagai umat Islam, kita wajar menyelami rahsia di sebalik setiap surah dalam al-Quran bagi menghayati isi kandungannya dengan lebih mendalam. Apatah lagi Surah al-Baqarah merupakan surah yang terpanjang di dalam al-Quran, maka setiap individu muslim hendaklah berusaha untuk menyelami rahsia di sebalik isi kandungan surah ini.

Surah al-Baqarah ialah surah kedua dalam al-Quran al-Karim selepas surah al-Fatihah dan ia datang sebelum surah Ali Imran. Surah al-Baqarah memberi maksud lembu,

yakni di dalam surah ini telah menceritakan kisah seekor lembu kaum Bani Israel. Surah al-Baqarah semuanya diturunkan selepas hijrah di kota Madinah secara ijmak. Justeru itu, ia dinamakan Surah Madaniah. Ia mempunyai sebanyak 286 ayat dan sebahagian besar ayat dalam surah ini diwahyukan pada permulaan Hijrah. Mengikut pendapat majoriti ulama' ayat 281 dalam surah al-Baqarah merupakan ayat yang terakhir diturunkan oleh Allah (S.W.T) pada masa Hajjatul Wada'. Walaubagaimana pun, terdapat juga perselisihan pendapat terhadap ayat yang terakhir diturunkan samada ayat ke-281 dalam surah al-Baqarah atau ayat ke-3 dalam surah al-Ma'idah (*al-Maraghiy* 1/39). Surah ini merupakan surah yang terpanjang di antara surah-surah dalam al-Quran al-Karim dan ayat yang terpanjang dalam surah ini pula ialah ayat ke-282 yang menceritakan perihal tentang hutang.

Kebanyakan ulama' tafsir berpendapat bahawa surah ini dinamakan surah al-Baqarah yang membawa maksud sapi betina (lembu betina) kerana mengingatkan peristiwa mukjizat yang luar biasa berlaku pada zaman Nabi Musa a.s, iaitu seorang telah dibunuh di kalangan Bani Israel tanpa diketahui pembunuohnya. Mereka bertanya kepada Nabi Musa untuk mengetahui pembunuohnya, lantas Allah (S.W.T) mewahyukan kepada Musa supaya mereka menyembelih lembu betina dan dipukul sebahagian belulang tersebut kepada mayat. Selepas itu si mati dihidupkan dengan izin Allah dan mengkhabarkan mereka siapakah pembunuohnya. Mukjizat ini telah membuktikan kekuasaan Allah (S.W.T) yang boleh menghidupkan makhluk walaupun telah mati. Kisah ini telah dijelaskan oleh Muhammad Ali al-Sabūniy dalam kitab tafsirnya yang terkenal iaitu *Safwah al-Tafasir* dan kisah ini bermula daripada ayat 67 sehingga ayat 74 dalam surah al-Baqarah.

Ketika Bani Israel diperintahkan untuk menyembelih sapi betina itu, al-Quran telah merakamkan bagaimana kedegilan golongan Bani Israel yang tidak mahu melaksanakan perintah Allah (S.W.T) tersebut dengan mencari pelbagai alasan dan hujjah. Namun,

akhirnya mereka terpaksa juga melakukannya kerana tiada lagi hujah dan tipu daya yang dapat mereka bentangkan kepada nabi Musa a.s. Surah al-Baqarah juga dikenali sebagai *al-Zahrawain* sebagaimana sabda Rasulullah (S.A.W) daripada hadis Abi Umamatt al-Bahiliy. Mengikut ulamak hadis, *al-Zahrawain* bermaksud dua cahaya, iaitu surah al-Baqarah dan Ali Imran. Tersebut juga dalam Musnad al-Firdaus seperti yang dinamakan oleh Khalid bin Ma'dan dengan *Fustat al-Quran* (Khemah al-Quran). Ini kerana surah ini terlalu agung dan besarnya kelebihannya. Imam al-Alusi menambah di dalam Ruh al-Maa'ni, terdapat banyak hukum yang disebut di dalam al-Baqarah seperti dinaqalkan daripada sebahagian *masyāikh*. Sesungguhnya terdapat padanya (surah al-Baqarah) seribu arahan, larangan dan khabar berita. Surah al-Baqarah juga dinamakan sebagai *Fustat al-Quran* dan *Sinam al-Quran* yang bermaksud puncak al-Quran kerana kepentingan dan kebesarannya yang memuatkan hukum-hukum yang tidak disebut dalam surah lain.

Pada permulaan surah ini menyentuh tentang sifat-sifat orang beriman, orang kafir dan orang munafik. Ia menjelaskan hakikat keimanan dan hakikat kekufturan serta kemunafikan di samping membandingkan di antara orang yang bahagia dengan orang yang sengsara. Kemudian, disusuli dengan kisah Nabi Adam a.s dan peristiwa-peristiwa menarik yang berlaku sewaktu penciptaan. Kisah ini antara lain menunjukkan penghormatan yang diberikan Allah (S.W.T) kepada manusia.

Seterusnya, surah ini membicarakan tentang Ahli Kitab (orang Yahudi dan Nasrani) khususnya Bani Israel iaitu nenek moyang orang Yahudi yang berjiran dengan kaum muslimin di kota Madinah. Justeru, ia mengingatkan umat Islam supaya sentiasa berwaspada dengan tipu daya dan kejahatan yang terpendam dalam diri mereka seperti hasad dengki, memandang hina, pengkhianatan, pencabulan janji serta segala keburukan yang dilakukan oleh golongan perosak ini. Hal ini menjelaskan betapa dahsyat dan besarnya bahaya dan kemudharatan yang dibawa oleh mereka. Sebab itulah ayat-ayat yang

memaparkan kisah mereka amat banyak sekali sehingga melebihi sepertiga surah al-Baqarah bermula daripada ayat 40 sehingga ayat 124. Ayat-ayat yang selebihnya membincangkan aspek syariat, kerana pada waktu itu umat Islam di permulaan peringkat membentuk “negara Islam”. Jadi, mereka sangat memerlukan panduan *rabbaniy* (ketuhanan) dan syariat *samawiy* (langit) yang boleh menunjuk arah kehidupan baru mereka sama ada dari sudut ibadat maupun mu‘amalat.

Oleh yang demikian, surah ini banyak menyentuh pelbagai hukum-hakam seperti perintah mengerjakan solat, menunaikan zakat, hukum puasa, haji dan umrah, hukum Qisas, hukum jihad dan perang di jalan Allah (S.W.T), perkara-perkara yang halal dan haram, membelanjakan harta pada jalan Allah (S.W.T), hukum arak dan judi, cara menjaga anak yatim, larangan memakan riba, hutang-piutang, hukum nafkah dan orang yang berhak menerimanya, hukum wasiat kepada kedua ibubapa dan kaum kerabat, hukum sumpah, kewajipan menyampaikan amanat, hukum sihir, hukum merosak masjid, hukum mengubah kitab-kitab Allah (S.W.T), hal-ehwal keluarga tentang perkahwinan, perceraian seperti *talak*, *khulu‘* dan *ila‘*, hukum penyusuan anak, *‘iddatt*, hukum melamar, mahar, pengharaman mengahwini wanita musyrik dan sebaliknya serta larangan ‘menggauli’ isteri ketika haid.

Sayyid Qutb dalam kitab tafsirnya ‘*Fi Zilāl al-Quran*’ telah menjelaskan bahawa surah ini mengandungi pelbagai tajuk, tetapi kesemuanya dihimpunkan oleh satu paksi yang mempunyai dua cabang garisan, yang saling berkait rapat. Dari satu sudut, surah ini memaparkan pendirian Bani Israel (orang Yahudi) terhadap dakwah Islam di Madinah terutamanya penentangan mereka terhadap Rasulullah (S.A.W) dan “*Jamā‘att Islam*” yang sedang berkembang serta pembelotan mereka menerusi usaha-usaha menjalinkan hubungan intim dengan orang munafik dan musyrikin. Dari sudut yang lain pula, surah ini

memaparkan pendirian “Jama‘att Islam” pada peringkat permulaan dan persediaan untuk memikul amanah dakwah serta khilafah di atas muka bumi.

Surah ini diakhiri dengan seruan kepada orang beriman supaya bertaubat dan kembali kepada Allah (S.W.T). Di samping itu, ia mengajak orang beriman agar memohon bantuan dan kemenangan daripada Allah (S.W.T) serta berdoa memohon kebaikan dunia dan akhirat .

2.7 Kepentingan Surah al-Baqarah.

Surah al-Baqarah mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan seperti yang dinyatakan dalam beberapa hadis. Antaranya ialah hadis nabi (S.A.W) yang bermaksud: “*Pelajarilah surah al-Baqarah! kerana mengamalkannya membawa keberkatan, meninggalkannya akan mengundang penyesalan dan ahli-ahli sihir tidak berupaya menguasai pembaca surah ini (atau mereka sendiri tidak mampu menghafalnya)*”. Imam Muslim juga telah meriwayatkan hadis nabi (S.A.W) yang bermaksud: “*Bacalah al-Quran! kerana ia akan datang pada Hari Kiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya. Bacalah dua penyeri iaitu surah al-Baqarah dan Ali Imran kerana kedua-duanya akan datang pada Hari Kiamat dalam bentuk dua kelompok awan atau seperti dua kumpulan burung yang terbang berbaris (menaungi pembacanya), kedua-duanya akan berhujah membela pembacanya. Bacalah surah al-Baqarah kerana membacanya membawa keberkatan, meninggalkannya akan mengundang penyesalan dan ahli-ahli sihir tidak berupaya menguasai pembaca surah ini*”.

Imam at-Tirmidhi pula telah meriwayatkan sebuah hadis yang bermaksud : “*Daripada Abu Hurairah r.a bahawa sesungguhnya Rasulullah (S.A.W) telah bersabda : Janganlah kamu menjadikan rumah*

kamu seperti kubur. Sesungguhnya setiap rumah yang dibacakan di dalamnya surah al-Baqarah tidak akan dimasuki syaitan”.

Ibnu Kathīr juga telah menaqalkan pelbagai fadhilat surah al-Baqarah antaranya:

1. Daripada Ma'qal bin Yasar bahawa Rasulullah (S.A.W). telah bersabda, Surah al-Baqarah sebagai bonggol al-Quran (puncak seperti di belakang unta yang paling tinggi). (Riwayat Imam Ahmad seperti lafaz ini juga daripada Abu Hurairah yang diriwayatkan oleh Tirmizi).
2. Daripada Abu Hurairatt bahawa Rasulullah (S.A.W) bersabda, Jangan kamu jadikan rumah-rumahmu seperti perkuburan kerana rumah yang dibaca padanya surah al-Baqarah tidak dimasuki syaitan. (Riwayat Muslim, Tirmīdhi, an-Nasai' dan Imam Ahmad).
3. Daripada Anas bin Malik katanya, Sabda Rasulullah (S.A.W), sesungguhnya syaitan keluar dari rumah apabila mendengar surah al-Baqarah dibaca.
4. Daripada Abu Ubaid daripada Abdullah bin Mas`ud katanya, “ Sesungguhnya syaitan lari dari rumah yang didengar padanya surah al-Baqarah ”. (Riwayat an-Nasai' dalam *al-Yaum wa Lailah*, al-Hakim dalam *Mustadrak* katanya, sahih isnad).
5. Daripada Abu Hurairatt katanya, Rasulullah (S.A.W) pernah menghantar pasukan dan dilantik orang yang paling muda menjadi ketua disebabkan beliau menghafaz surah al-Baqarah . (Riwayat Tirmīdhi, an-Nasai' dan Ibnu Majah).
6. Daripada Asyad bin Khudair katanya, ketika beliau sedang membaca al-Baqarah pada suatu malam, tiba -tiba kudanya yang ditambat melompat-lompat, lantas dia berhenti dan kudanya pun berhenti, sebaliknya apabila dibaca kudanya terus melompat. Kemudian dia melihat ke langit seperti gugusan cahaya lampu. Keesokan pagi dilaporkannya kepada Rasulullah (S.A.W), dia ditanya, “ Adakah kamu tahu itu semua? ” Jawabnya, “ Tidak ” Sabda Rasulullah (S.A.W) “Itulah malaikat yang turun mendengar suaramu, sekiranya kamu membacanya sampai pagi nescaya orang ramai dapat melihat cahaya tersebut”.

(Riwayat Bukhariy).

7. Daripada Buraidatt katanya, Aku duduk di sisi Nabi (S.A.W). dan mendengar baginda bersabda, Pelajarilah surah al-Baqarah kerana mengambilnya adalah berkat dan meninggalkannya adalah kerugian dan lemah dikuasai oleh tukang sihir atau syaitan. (Riwayat Imam Ahmad).

Apabila kita teliti kesemua hadis yang dinyatakan di atas adalah memadai untuk menunjukkan kelebihan dan keistimewaan surah al-Baqarah. Justeru, boleh dirumuskan berdasarkan kesemua hadis di atas bahawa kelebihan surah ini ialah seperti berikut dapat membawa keberkatan, mengelakkan penyesalan, menghindarkan diri daripada kejahanan ahli sihir, mengamankan rumah daripada gangguan syaitan, menjadi pemberi syafaat kepada pembacanya pada hari kiamat kelak di samping berhujah mempertahankannya, melindungi serta menaungi pembacanya daripada kepanasan padang Mahsyar. Secara umumnya surah al-Baqarah adalah sama seperti surah-surah madaniyyah yang lain yang banyak memfokuskan aspek syariat. Ia menangani persoalan undang-undang dan hukum-hakam yang diperlukan oleh umat Islam dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Surah ini mengandungi kebanyakan hukum-hukum syariat dalam perkara aqidah, ibadah, jual-beli, akhlak, urusan perkahwinan, talak dan lain-lain lagi.

2.8 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji telah membahaskan beberapa topik yang berkaitan sebagai landas teori kajian antaranya sejarah sintaksis al-Quran. Dalam topik ini, pengkaji telah menceritakan keadaan sintaksis sebelum dan selepas al-Quran diturunkan. Takwilan nahu dalam al-Quran juga telah dibahaskan oleh pengkaji dengan mengemukakan pendapat-

pendapat ulamak dan definisi-definisi daripada ulamak-ulamak yang terkenal tentang ilmu tafsir dan ilmu takwil.

Selain daripada itu, pengkaji juga telah menghuraikan tentang *maf'ul bih* sebagai topik utama kajian dari segi pentakrifannya, bentuk-bentuknya, hukum-hukumnya dan penghilangannya serta disusuli pula dengan definisi implisit dalam pelbagai bentuk. Dalam topik implisit *maf'ul bih*, pengkaji telah membincangkan tentang masalah-masalah yang berlaku terhadap implisit *maf'ul bih* dan tujuan-tujuan implisit *maf'ul bih*.

Di akhir bab ini, pengkaji telah membicarakan tentang pengenalan surah al-Baqarah dan kepentingan surah tersebut. Banyak kelebihan dan keistimewaan yang telah dibincang oleh pengkaji berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadis. Oleh itu, pengkaji berharap dengan adanya topik yang telah dibincangkan dapat dijadikan rujukan untuk memahami kajian yang dijalankan.

BAB TIGA

ANALISIS KAJIAN DAN DAPATAN

3.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji telah menjalankan kajian dengan menganalisis ayat-ayat dalam surah al-Baqarah. Terdapat banyak ayat yang mengandungi implisit *maf'ul bih* dalam pebagai bentuk dalam surah al-Baqarah. Walau bagaimana pun, pengkaji tidak mengambil semua ayat-ayat tersebut akan tetapi ia telah dipilih berdasarkan implisit (*penghazafan*) yang tepat dan jelas bersertakan dengan sebab-sebab implisit. Pemilihan ini dilakukan setelah diambil kira pandangan-padangan ulama' dalam kitab-kitab Nahu dan Tafsir yang muktabar. Setiap ayat yang dipilih akan ditulis secara lengkap dan sempurna berserta dengan maksudnya. Ini kerana bertujuan supaya maksud sesebuah ayat dapat difahami secara jelas dan tepat.

Dapatan kajian juga akan dibahaskan dari segi kekerapan ayat yang mengandungi implisit *maf'ul bih*, tujuan-tujuan *penghazafan* (implisit) dan kekerapan penggunaan kata kerja (KK) *muta‘addiy* dalam bentuk peratusan. Dapatan ini juga akan diolahkan oleh pengkaji supaya hasil yang diperolehi dapat dijelaskan secara keseluruhan.

3.1 Implisit *Maf'ul bih* Dalam Surah Al-Baqarah

Sebagaimana diketahui surah al-Baqarah mempunyai 286 ayat keseluruhannya. Apabila dijalankan penelitian, pengkaji telah mendapati bahawa sebahagian besar ayat-ayatnya yang berbentuk implisit. Namun begitu pengkaji telah membataskan kajiannya dengan hanya mengkaji implisit *Maf'ul bih*. Setelah diteliti pengkaji dapati terdapat 72 ayat

yang terdapat Implisit *Maf'ul bih* . Ayat-ayat tersebut akan diuraikan berserta dengan pelbagai sebab implisit *maf'ul bih* dan penggunaan kata kerja *muta 'addiyy* yang digunakan dalam surah al-Baqarah.

3.2 Analisis Data

Ayat-ayat yang dipilih telah diberikan penerangan ringkas berkenaan dengan andaian makna ayat, KK *muta 'addiyy* yang digunakan dan sebab-sebab implisit. Ayat-ayat tersebut adalah seperti berikut :

1. Ayat : 3 :

الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمَا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٣﴾

Maksudnya: “Iaitu orang-orang yang beriman kepada perkara-perkara yang ghaib, dan mendirikan sembahyang, serta membelanjakan sebahagian rezki yang kami berikan kepada mereka”.

Dalam ayat ini, KK أنفق (membelanjakan) yang digunakan adalah KK *muta 'addiyy* yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu إِيَاه dengan andaian makna ayat:

وَمَا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ إِيَاه

Maksudnya: “serta membelanjakannya sebahagian rezki yang kami berikan kepada mereka”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الحذف إِخْتِصَارًا). (Abu Hafs Sirāj al-Din Umar, 1998).

2. Ayat: 6:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ أَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang kafir, sama sahaja kepada mereka,sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman”.

Dalam ayat ini, KK أَنذَرَ (memberi amaran) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu عَذَابًا (seksa) dengan andaian makna ayat:

إِنَّا أَنذَرْتُهُمْ عَذَابًا

Maksudnya: “sama ada engkau beri amaran kepadanya tentang **azab** (seksa)”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ialah konteks ayat telah diketahui (العلم به). (Abu Hafs Siraj al-Din Umar, 1998), (al-Samīn al-Halabiy, 2008). Terdapat beberapa konteks ayat yang hampir sama yang menerangkan tentang azab antaranya firman Allah (S.W.T) :

إِنَّا أَنذَرْتُكُمْ عَذَابًا قَرِيبًا

Maksudnya : “Sesungguhnya kami Telah memperingatkan kepadamu (hai orang kafir) seksa yang dekat”.

(Surah *al-Naba* ’ 40).

3. Ayat : 9:

تُخَنِّدِ عَوْنَى اللَّهُ وَالَّذِينَ إِيمَنُوا وَمَا تَخْنَدِ عَوْنَى إِلَّا أَنفُسُهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: “*Mereka hendak memperdayakan Allah (S.W.T) dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanya menipu dirinya sendiri sedangkan mereka tidak menyadarinya*”.

Dalam ayat ini, KK شَعَرَ (menyedari) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu هَلَّاكَ أَنفُسَهُمْ (kebinasaan diri mereka) dengan andaian makna ayat:

وَمَا يَشْعُرُونَ هَلَّاكَ أَنفُسَهُمْ

Maksudnya: “*sedangkan mereka tidak menyadari akan kebinasaan mereka*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami dan ketahui (الْعِلْمُ بِهِ). (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :159) .

4. Ayat :12:

﴿أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ﴾

Maksudnya: “*Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benar membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyadarinya*”.

Dalam ayat ini, KK شَعَرَ (menyedari) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu أَنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ (orang-orang yang membuat kerosakan) dengan andaian makna ayat:

وَلَكِنْ لَا يَشْعُرُونَ أَنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ

Maksudnya: “*tetapi mereka tidak menyadari sesungguhnya mereka Itulah orang-orang yang membuat kerosakan*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْحَذْفِ إِخْتِصَارًا) (al-Samīn al-Halabiyy, 2008).

5. Ayat : 13:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ إِنْ أَمْنُوا كَمَا ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنْؤُمُنْ كَمَا ءَامَنَ السُّفَهَاءُ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْسُّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ

يَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang-orang lain itu telah beriman". Mereka menjawab: " Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang-orang yang bodoh itu?" Ketahuilah! Sesungguhnya merekaalah orang-orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenar)".

Dalam ayat ini, KK عَلِمَ (mengetahui) yang digunakan adalah KK *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu أنَّهُمُ السُّفَهَاءُ (merekalah orang-orang yang bodoh) dengan andaian makna ayat:

وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ أَنَّهُمُ السُّفَهَاءُ

Maksudnya: "tetapi mereka tidak mengetahui merekalah orang-orang yang bodoh".

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah terletak selepas penafian (الْعَلْم). (Ibn Qaddāmatt :703) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :171). Mengikut Sheikh Abdullah Basmeih dalam tafsirnya pula *maf'ul bih* yang diimplisit ialah "**hakikat yang sebenar**" iaitu dalam ayat "tetapi mereka tidak tahu hakikat yang sebenar".

6. Ayat : 17:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي أَسْتَوْقَدَ نَارًا فَلَمَّا آتَاهُمْ مَا حَوَلَهُ دَهَبَ اللَّهُ بِنُورِهِمْ وَرَكِعُهُمْ فِي ظُلْمَتِ لَّا

يُبَصِّرُونَ

Maksudnya: “*Perbandingan hal mereka samalah seperti orang yang menyalakan api, apabila api itu menerangi sekelilingnya,(tiba-tiba) Allah hilangkan cahaya (yang menerangi) mereka, dan dibiarkannya mereka dalam gelap gelita,, tidak dapat Melihat (sesuatu pun)*”.

Dalam ayat ini, KK بَصَرَ (melihat) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu شَيْئًا (sesuatu pun) dengan andaian makna ayat:

وَرَكِعُهُمْ فِي ظُلْمَتِ لَّا يُبَصِّرُونَ شَيْئًا

Maksudnya: “*dibiarkannya mereka dalam gelap gelita, tidak dapat melihat (sesuatu pun)*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (). (Sheikh Abdullah Basmeih, 2000) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :159) .

7. Ayat : 20 :

يَكَادُ الْبَرْقُ تَخْطَفُ أَبْصَرَهُمْ كُلَّمَا أَضَاءَ لَهُمْ مَشَوْأً فِيهِ وَإِذَا أَظْلَمَ عَلَيْهِمْ قَامُوا وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَذَهَبَ بِسَمْعِهِمْ وَأَبْصَرِهِمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “*Kilat itu pula hampir-hampir menyambar (menghilangkan) penglihatan mereka; tiap-tiap kali kilat itu menerangi mereka (dengan pancarannya), mereka berjalan dalam cahayanya. Dan apabila gelap menyelubungi mereka, berhentilah mereka*

(menunggu dengan bingungnya) Dan sekiranya Allah menghendaki, nescaya dihilangkanNya pendengaran dan penglihatan mereka; sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Dalam ayat ini, KK شاء (menghendaki) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu اذهب السمع والبصر (melenyapkan pendengaran dan penglihatan) dengan andaian makna ayat:

وَلُو شَاءَ اللَّهُ اذْهَابُ السَّمْعِ وَالْبَصَرِ

Maksudnya: “Dan sekiranya Allah menghendaki melenyapkan pendengaran dan penglihatan”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah *maf’ul bih* terletak selepas (لو شاء). (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :159) .

8. Ayat : 21:

يَأَيُّهَا النَّاسُ أَعْبُدُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿٢١﴾

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Beribadatlah kepada Tuhan kamu yang telah menciptakan kamu dan orang-orang yang terdahulu daripada kamu, supaya kamu (menjadi orang-orang yang) bertaqwa”.

Dalam ayat ini, KK اتقى (bertaqwa) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu الشّرْكُ وَ النَّارُ (syirik dan api neraka) dengan andaian makna ayat:

لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ الشّرْكُ وَ النَّارَ

Maksudnya: “supaya kamu bertakwa dengan menjauhkan diri daripada syirik dan api neraka”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah diketahui dan difahami (العلم به). (al-Samīn al-Halabiy 2008).

9. Ayat : 22:

الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ الْأَرْضَ فِرَاشًا وَالسَّمَاءَ بَنَاءً وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الْثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَّكُمْ
فَلَا تَجْعَلُوا لِلَّهِ أَنْدَادًا وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٢﴾

Maksudnya: “Dialah yang menjadikan bumi ini untuk kamu sebagai hamparan, dan langit (serta segala isinya) sebagai bangunan (yang dibina dengan kukuhnya); dan diturunkannya air hujan dari langit, lalu dikeluarkannya dengan air itu berjenis-jenis buah-buahan yang menjadi rezeki bagi kamu; maka janganlah kamu mengadakan bagi Allah sebarang sekutu, padahal kamu semua mengetahui (bahawa Allah ialah Tuhan Yang Maha Esa)”.

Dalam ayat ini, KK عَلِمَ (mengetahui) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu بَطْلَانَ ذَلِك (kebatilan itu) dengan andaian makna ayat:

وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ بَطْلَانَ ذَلِك

Maksudnya: “padahal kamu mengetahui **apa yang batil itu**”.

Mengikut Sheikh Abdullah Basmeih dalam tafsirnya pula *maf’ul bih* yang diimplisit ialah “Allah Tuhan Yang Maha Esa”. Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan penggunaan ayat (الحذف إِلْخِصَارًا). (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

10. Ayat : 24:

فَإِنْ لَمْ تَفْعُلُوا وَلَنْ تَفْعُلُوا فَأَتَقْوَى النَّارَ الَّتِي وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَفَرِينَ ﴿٢٤﴾

Maksudnya: “Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak akan dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir”.

Dalam ayat ini, KK **فعَلَ** (membuat) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **الإِتْيَانِ بِسُورَةٍ مِّنْ مِثْلِهِ** (mendatangkan satu surah yang sebanding dengan al-Quran) dengan andaian makna ayat:

فَإِنْ لَمْ يَفْعُلُوا وَلَنْ تَفْعُلُوا إِلَتْيَانِ بِسُورَةٍ مِّنْ مِثْلِهِ

Maksudnya: “Maka jika kamu tidak dapat membuatnya dan pasti kamu tidak akan dapat membuat **datang satu surah yang sebanding dengan al-Quran**”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat **الْحَذْفُ اخْتَصَّ بِالْإِتْيَانِ بِسُورَةٍ مِّنْ مِثْلِهِ** (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

11. Ayat : 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَخَنْ حُنْ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhan mu berfirman kepada malaikat: “sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi” Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata) : “Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak

menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.

Dalam ayat ini, KK قَدْسَنَ (mensucikan) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **أَنفُسَنَا وَأَفْعَالَنَا** (diri dan perbuatan kami) dengan andaian makna ayat:

نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ **أَنفُسَنَا وَأَفْعَالَنَا لَكَ**

Maksudnya: “kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikan **diri dan perbuatan kami** untuk Mu”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah diketahui dan difahami (العَلْم بِهِ). (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

12. Ayat : 34:

وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ أَسْجُدُوا لِأَدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى وَأَسْتَكَبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: “Dan (Ingatlah) ketika kami berfirman kepada malaikat: “Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam”. Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia engan dan takbur, dan menjadilah ia dari golongan yang kafir”.

Dalam ayat ini, KK أَبَى (engan) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu السُّجُود (sujud) dengan andaian makna ayat:

فَسَاجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى السُّجُود

Maksudnya: “*Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis; ia engan sujud*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْحَذْفِ إِخْتِصَارًا). (Ibn Khālawayyīt :413), (Muhammad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :156).

13. Ayat : 42:

وَلَا تَلِسُوا الْحَقَّ بِالْبَطْلِ وَتَكْتُبُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤٢﴾

Maksudnya: “*Dan jangalah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah, dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya*”.

Dalam ayat ini, KK عَلِمَ (mengetahui) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu لَيْسُتُمُ الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ (kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah) dengan andaian makna ayat:

وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ لَيْسُتُمُ الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ

Maksudnya: “*padahal kamu semua mengetahui kamu telah campur adukkan yang benar itu dengan yang salah*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْحَذْفِ إِخْتِصَارًا). (al-‘Akbariy, 2001).

14. Ayat : 44:

﴿٤٤﴾ أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْبِرِّ وَتَنْهَسُونَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ تَتَلَوَنَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Maksudnya: “*Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua baca kitab Allah, tidakkah kamu berakal (berfikir)?*”.

Dalam ayat ini, KK عَقْل (berfikir) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu قُبْح مَا ارْتَكَبْتُمْ منْ ذَلِك (keburukan yang kamu lakukan itu) dengan andaian makna ayat:

أَفَلَا تَعْقِلُونَ قُبْح مَا ارْتَكَبْتُمْ منْ ذَلِك

Maksudnya: “*tidaklah kamu berfikir **keburukan yang kamu lakukan itu***”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الحدف اخْتِصَاراً). (al-Samīn al-Halabi, 2008).

15. Ayat : 51 :

وَإِذْ وَاعَدْنَا مُوسَى أَرْبَعِينَ لَيْلَةً ثُمَّ أَتَخْذَلُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَلِيمُونَ ﴿٥١﴾

Maksudnya: “*Dan (kenangkanlah) ketika Kami berjanji kepada Nabi Musa (untuk memberi Taurat kepadanya sesudah ia bersiap selama) empat puluh malam. Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah (patung) anak lembu dan kamu sebenarnya orang-orang yang zalim terhadap diri sendiri”.*

Dalam ayat ini, KK أَتَخْذَلُ (menyembah) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan dua *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* yang kedua dalam ayat ini telah diimplisit iaitu إِلَهًا (tuhan) dengan andaian makna ayat:

ثُمَّ أَتَخْذَلُمُ الْعِجْلَ إِلَهًا

Maksudnya: “*Kemudian, setelah ia pergi, kamu menyembah **tuhan** (patung) anak lembu”.*

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk menghina atau memandang rendah (الحْدْفُ إِحْتِقَارًا). (Al-‘Akbariy, 2001).

16. Ayat : 52:

ثُمَّ عَفَوْنَا عَنْكُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٢﴾

Maksudnya: “Kemudian sesudah itu kami memaafkan kesalahan kamu, supaya kamu bersyukur”.

Dalam ayat ini, KK شَكْرٌ (bersyukur) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu النِّعْمَة (nikmat) dengan andaian makna ayat:

لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ النِّعْمَة

Maksudnya: “supaya kamu bersyukur akan nikmat”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteks ayat telah diketahui (العلم به) (Al-‘Akbariy, 2001).

17. Ayat : 54 :

وَإِذْ قَالَ مُوسَى لِقَوْمِهِ يَقُولُمِ إِنَّكُمْ ظَلَمْتُمْ أَنفُسَكُمْ بِأَخْيَادِكُمُ الْعِجْلَ فَتُوبُوا إِلَىٰ بَارِئِكُمْ فَاقْتُلُوْا أَنفُسَكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ عِنْدَ بَارِئِكُمْ إِنَّهُ هُوَ الْتَّوَابُ الرَّحِيمُ ﴿٥٤﴾

Maksudnya: “Dan (kenangkanlah) ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya: “ Wahai kaumku! Sesunguhnya kamu telah mengenayai diri kamu sendiri dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu, maka bertaubatlah kamu kepada Allah yang

menjadikan kamu: iaitu bunuhlah diri kamu Yang demikian itu lebih baik bagi kamu, supaya Allah menerima taubat kamu itu. Sesunguhnya Dialah Yang Maha Pengampun (penerima taubat), lagi Maha Mengasihani”.

Dalam ayat ini, KK الْخَادِ (menyembah) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan dua *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* yang kedua dalam ayat ini telah diimplisit iaitu إِلَهًا (tuhan) dengan andaian makna ayat:

بِالْخَادِكُمُ الْعِجْلَنِ إِلَهًا

Maksudnya: “dengan sebab kamu menyembah patung anak lembu itu sebagai tuhan”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk menghina atau memandang rendah (الْخُدُفُ إِحْتِقَارًا). (Al-‘Akbariy, 2001) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

18. Ayat : 58:

وَإِذْ قُلْنَا أَدْخُلُوا هَذِهِ الْقَرَيَةَ فَكُلُوا مِنْهَا حَيْثُ شِئْتُمْ رَغْدًا وَأَدْخُلُوا الْبَابَ سُجَّدًا وَقُولُوا حَطَّةً نَغْفِرْ
لَكُمْ خَطَائِيكُمْ وَسَزِيدُ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٨﴾

Maksudnya: Dan (kenangkanlah) ketika Kami berfirman: “Masuklah kamu ke Bandar ini, kemudian makanlah kamu dari benda-benda yang ada di dalamnya dengan sepas-puasnya, apa sahaja yang kamu sukai. Dan masuklah kamu melalui pintunya dengan tunduk (merendah diri); dan (mintalah ampun dengan) berkata: ‘Ya Allah ampunilah dosa kami’; supaya kami ampunkan kesalahan-kesalahan kamu, dan kami akan tambah pula pahala orang-orang yang berbuat baik”.

Dalam ayat ini, KK زاد (tambah) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ثوابًا (pahala) dengan andaian makna ayat:

وَسَنِيدُ ثَوَابِ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “*dan kami akan tambah pula pahala orang-orang yang berbuat baik*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteks ayatnya telah diketahui (Ibn Khālawiyyatt :414) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :176).

19. Ayat : 60:

﴿ وَإِذَا سَتَّسَقَ مُوسَى لِقَوْمِهِ فَقُلْنَا أَضْرِبْ بِعَصَالَكَ الْحَجَرَ فَأَنْفَجَرَتْ مِنْهُ أَثْنَتَ عَشْرَةَ عَيْنًا قَدْ عَلِمَ كُلُّ أَنَاسٍ مَّشْرِبَهُمْ كُلُّوا وَأَشْرَبُوا مِنْ رِزْقِ اللَّهِ وَلَا تَعْثُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴾

Maksudnya “*Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon supaya diberi air untuk kaumnya, maka kami berfirman: “Pukullah batu itu dengan tongkatmu”, (ia pun memukulnya), lalu terpancullah dari batu itu dua belas mata air; sesungguhnya tiap-tiap satu puak (di antara mereka) telah mengetahui tempat minumnya masing-masing. (dan kamu berfirman): “Makanlah dan minumlah kamu dari rezeki Allah itu, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi”.*

Dalam ayat ini, KK استسقى (memohon) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu رَبِّهِ (tuhannya) dengan andaian makna ayat:

وَإِذَا سَتَّسَقَ مُوسَى رَبِّهِ لِقَوْمِهِ

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Nabi Musa memohon kepada tuhannya supaya diberi air untuk kaumnya”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteks ayatnya telah diketahui (العلم به). (Ibn Khālawiyah :515) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :172).

20. Ayat : 61 :

وَإِذْ قُلْتُمْ يَمُوسَى لَنَ نَصِيرَ عَلَىٰ طَعَامِ وَاحِدٍ فَأَدْعُ لَنَا رَبَّكَ تُخْرِجَ لَنَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ مِنْ بَقْلَهَا وَقَثَائِبِهَا وَفُوْمَهَا وَعَدَسَهَا وَبَصَلَهَا قَالَ أَتَسْتَبِدُ لَوْرَ الَّذِي هُوَ أَدْنَى بِالَّذِي هُوَ خَيْرٌ أَهْبِطُوا مِصْرًا فَإِنَّ لَكُمْ مَا سَأَلْتُمْ وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْذِلْلَةُ وَالْمَسْكَنَةُ وَبَاءُو بِغَضَبٍ مِنْ اللَّهِ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِيَايَتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ النَّبِيِّنَ بِغَيْرِ الْحَقِّ ذَلِكَ مَا عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿٦١﴾

Maksudnya: “Dan (kenangkanlah) ketika kamu berkata: “Wahai Musa, kami tidak sabar (sudah jemu) dengan makanan yang semacam sahaja ; maka pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya dikeluarkan bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi; darisayur-sayurannya, dan mentimunnya, dan bawang putihnya, dan kacang dalnya, serta bawang merahnya”. Nabi Musa menjawab: Adakah kamu mahu menukar sesuatu yang kurang baik dengan meninggalkan yang lebih baik? Turunlah kamu ke Bandar kerana di sana kamu boleh dapati apa yang kamu minta itu”. Dan mereka ditimpakan dengan kehinaan dan kepapaan, dan sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan dari Allah. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka kufur (mengikari) ayat-ayat Alah perintah-perintah dan mu’jizat-mu’jizat yang membutikkan kebesaranNya); dan mereka pula membunuh Nabi-Nabi dengan tidak ada alasan yang benar.Yang demikian itu ialah disebabkan mereka menderhaka dan mereka pula sentiasa menceroboh”.

Dalam ayat ini, KK خَرَجَ (mengeluarkan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan dua *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* yang pertama dalam ayat ini telah diimplisit iaitu شيئاً (sesuatu) dengan andaian makna ayat:

يُخْرِجُ شَيْئًا لَنَا مِمَّا تُبْيَسُ الْأَرْضُ

Maksudnya: “*supaya dikeluarkan sesuatu bagi kami sebahagian dari apa yang tumbuh di bumi*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah meringkaskan ayat (الحَدْفُ إِلْخِصَارًا). (Ibn Khālawiyyatt :515) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :172) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

21. Ayat : 70 :

قَالُوا أَدْعُ لَكُمْ يُبَيِّنَ لَنَا مَا هِيَ إِنَّ الْبَقَرَ تَشَبَّهَ عَلَيْنَا وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ

Maksudnya: “Mereka berkata lagi: “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami lembu betina yang mana satu? Kerana sesunguhnya lembu yang dikehendaki itu kesamaran kepada kami (sudah kami memilihnya), dan kami inshaAllah akan mendapat pertunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu)”.

Dalam ayat ini, KK شاءَ (menghendaki) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu هِدَايَتَنَا (petunjuk) dengan andaian makna ayat:

إِنْ شَاءَ اللَّهُ هِدَايَتَنَا لَمُهْتَدُونَ

Maksudnya: “*Insya’Allah kami akan mendapat petunjuk*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الحَدْفُ إِلْخِصَارًا). (Al-‘Akbariy, 2001).

22. Ayat : 71 :

قَالَ إِنَّهُ رَّيْقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذُلُولٌ تُشِيرُ إِلَأَرْضَ وَلَا تَسْقِي الْحَرَثَ مُسْلَمَةٌ لَا شِيَةٌ فِيهَا قَالُوا أَكُنَّ حِشَّتَ
بِالْحَقِّ فَذَبَّحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾

Maksudnya: “Nabi Musa menjawab: ‘Bahwasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (Sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengakut air) untuk menjirus tanaman; ia juga tidak cacat, dan tidak ada belang pada warnanya”. Mereka berkata: “Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifat-sifatnya yang benar”. Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu.

Dalam ayat ini, KK فعل (menunaikan) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ذبح البقر (penyembelihan lembu) dengan andaian makna ayat:

فَذَبَّحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ذَبَحَ الْبَقَرَ

Maksudnya: “Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan penyembelihan lembu itu.”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الخُذْفِ إِحْتِصَارًا). (Ibn Khālawiyyatt :427). Mengikut Sheikh Abdullah Basmeih dalam tafsirnya pula *maf’ul bih* yang diimplisit ialah أَمْرُ اللَّهِ (perintah Allah).

23. Ayat : 72 :

وَإِذْ قَاتَلْتُمْ نَفْسًا فَأَدَّرْتُمْ فِيهَا وَاللَّهُ خُرْجٌ مَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia, kemudian kamu tuduh-menuduh sesama sendiri tentang pembunuhan itu, padahal Allah tetap melahirkan apa yang kamu sembunyikan”.

Dalam ayat ini, KK **كُنْتَمْ** (sembunyikan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (dhamir) dengan andaian makna ayat:

مَا كُنْتُمْ تَكْسِبُونَهُ

Maksudnya: “*apa yang kamu sembunyikannya*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الحُدُفُ إِخْتِصَارًا). (Al-‘Akbariy, 2001).

24. Ayat : 78 :

وَمِنْهُمْ أُمِيُّونَ لَا يَعْلَمُونَ الْكِتَبَ إِلَّا آمَانَ وَإِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ

Maksudnya: “Dan diantara mereka pula ada orang-orang yang buta huruf, mereka tidak mengetahui akan isi Kitab Taurat selain dari penerangan-penerangan bohong (dari ketua-ketua mereka), dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan-sangkaan sahaja”.

Dalam ayat ini, KK **ظنَّ** (sangka) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan dua *maf’ul bih*. Namun, kedua-dua *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **مَا هُوَ نَافِعٌ لَهُمْ** (apa yang manfaat bagi mereka) dengan andaian makna ayat:

وَإِنْهُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ مَا هُوَ نَافِعٌ لَهُمْ

Maksudnya: “dan mereka hanyalah berpegang kepada sangkaan-sangkaan apa yang manfaat bagi mereka sahaja”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteks ayatnya telah diketahui (Ibn Khālawiyatt :427) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :446).

25. Ayat : 87 :

وَلَقَدْ ءاتَيْنَا مُوسَى الْكِتَبَ وَقَفَيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ وَءاتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيْنَتَ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ
الْقُدُسِ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَى أَنفُسُكُمْ أَسْتَكْبِرُمْ فَفَرِيقًا كَذَّبُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾

Maksudnya: “Dan Sesungguhnya kami Telah memberikan kepada Nabi Musa Kitab Taurat, dan kami irangi kemudian daripadanya dengan irangi kemudian dengan beberapa orang Rasul, dan kami berikan kepada Nabi Isa Ibni Maryam beberapa mu’jizat serta kami teguhkan kebenarannya dengan Ruhu ’I-Qudus (Jibril). Maka patutkah, tiap-tiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh jawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknya), sehingga sebahagian dari Rasul-rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?”

Dalam ayat ini, KK فَقَاء (mengiringi) yang digunakan adalah KK *muta’addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (dhamir) dengan andaian makna ayat:

وَقَفَيْنَاهُ مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ

Maksudnya: “dan kami iringinya kemudian dengan beberapa orang Rasul”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk konteks ayatnya telah diketahui (Ibn ‘Ashūr, 1984).

26. Ayat : 93 :

وَإِذْ أَخْذَنَا مِيثَاقَكُمْ وَرَفَعْنَا فَوَّقَكُمُ الْطُورَ خُذُوا مَا إِتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ وَآسْمَعُوا قَالُوا سَمِعْنَا وَعَصَيْنَا^١
وَأَشْرَبُوا فِي قُلُوبِهِمُ الْعِجْلَ بِكُفَّرِهِمْ قُلْ بِئْسَمَا يَأْمُرُكُمْ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ


Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika kami mengikat perjanjian setia dengan kamu semasa Kami angkatkan bukit Tursina itu ke atas kamu (sambil Kami berfirman): “Ambillah (dan amalkanlah ajaran Kitab Taurat) yang Kami berikan kepada kamu itu dengan bersungguh-sungguh, dan dengarlah (apa yang diperintahkan kepada kamu dengan mematuhinya)”. Mereka menjawab: “Kami dengar, dan kami menderhaka”. Sedang kegemaran menyembah (patung) anak lembu itu telah mesra dan sebatи di dalam hati mereka, dengan sebab kekufuran mereka. Katakanlah (wahai Muhammad): “ Amatlah jahatnya apa yang di suruh oleh iman kamu itu kalaullah kamu orang-orang yang beriman”.

Dalam ayat ini, KK أَتَيْنَا (berikan) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan dua *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* yang kedua dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (dhamir) dengan andaian makna ayat:

خُذُوا مَا آتَيْنَاكُمْ بِقُوَّةٍ

Maksudnya: “Ambillah (dan amalkanlah ajaran Kitab Taurat) yang kami berikannya kepada kamu itu dengan bersungguh-sungguh”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteks ayatnya telah diketahui (العلم به). (Al-‘Akbariy, 2001).

27. Ayat : 95 :

وَلَنْ يَتَمَّنُوهُ أَبَدًا بِمَا قَدَّمْتُ أَيْدِيهِمْ وَاللَّهُ عَلِيمٌ بِالظَّالَمِينَ ﴿٩٥﴾

Maksudnya: “Dan sudah tentu mereka tidak akan mencita-citakan mati itu selama-lamanya, dengan sebab dosa-dosa yang telah mereka lakukan; dan Allah sentiasa mengetahui akan orang-orang yang zalim itu”.

Dalam ayat ini, KK قَدَّمْ (lakukan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ما قَدَرْتُ (lakukan) dengan andaian makna ayat:

بِمَا قَدَّمْتُ مَا قَدَرْتُ أَيْدِيهِمْ

Maksudnya: “dengan sebab dosa-dosa yang telah mereka lakukan”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteks ayatnya telah diketahui (العلم به). (Al-‘Akbariy, 2001).

28. Ayat : 100 :

أَوْ كُلَّمَا عَاهَدُوا عَهْدًا نَجَدُهُ فَرِيقٌ مِنْهُمْ بَلْ أَكْثَرُهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٠٠﴾

Maksudnya: “Patutkah (mereka ingarkan ayat-ayat keterangan itu) dan patutkah tiap-tiap kali mereka mengikat perjanjian setia, dibuang dan dicabuli oleh segolongan dari mereka? Bahkan kebanyakan mereka tidak beriman”.

Dalam ayat ini, KK عَاهَدَ (ingkar) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu الله dengan andaian makna ayat:

أَوْ كُلَّمَا عَاهَدُوا اللَّهُ

Maksudnya: “*Patutkah (mereka ingkarkan ayat-ayat keterangan Allah itu)*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteks ayatnya telah diketahui (العلم به). (Ibn Hayyān 1:324) (al-‘Akbariy:30) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :177) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

29. Ayat : 101 :

وَلَمَّا جَاءَهُمْ رَسُولٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ تَبَدَّلَ فَرِيقٌ مِّنَ الَّذِينَ أَتُوا الْكِتَابَ كِتَابَ اللَّهِ وَرَأَءَ ظُهُورِهِمْ كَانُوكُمْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٠١﴾

Maksudnya: “*Dan apabila datang kepada mereka seorang Rasul dari sisi Allah (Nabi Muhammad (S.A.W)) yang mengesahkan apa yang ada pada mereka, sebahagian dari orang-orang yang telah diberikan Kitab itu melimparkan Kitab Allah kebelakang mereka, seolah-olah mereka tidak mengetahui (kebenarannya)*”.

Dalam ayat ini, KK عِلْم (mengetahui) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu آنَهُ كِتَابُ اللهُ أَوْ نَبِيٌّ مُرْسَلٌ (bahawa itu adalah Kitab Allah atau nabi yang diutuskan) dengan andaian makna ayat:

كَانُوكُمْ لَا يَعْلَمُونَ آنَهُ كِتَابُ اللهُ أَوْ نَبِيٌّ مُرْسَلٌ

Maksudnya: “*seolah-olah mereka tidak mengetahui bahwa itu adalah Kitab Allah atau nabi yang diutuskan*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah terletak selepas penafian (الْحَذْفَ بَعْدَ نَفْيِ الْعِلْمِ), (العلم). (Ibn Hayyān 1:325) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :160) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

30. Ayat :103 :

وَلَوْ أَنَّهُمْ إِمَّا مُؤْمِنُوا وَاتَّقَوْا لَمْ تُبَوَّبُوهُ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ خَيْرٌ لَّوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “ Dan kalau sebenarnya mereka itu tetap beriman dan bertaqwa (nescaya mereka akan mendapat pahala); sesungguhnya pahala dari sisi Allah itu adalah lebih baik, kalau mereka mengetahui ”.

Dalam ayat ini, KK عِلِّمَ (mengetahui) yang digunakan adalah KK muta‘addiy y yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu أَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ (sesungguhnya di sisi Allah itu adalah lebih baik) dengan andaian makna ayat:

لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ أَنَّ مَا عِنْدَ اللَّهِ خَيْرٌ

Maksudnya: “*kalau mereka Mengetahui sesungguhnya di sisi Allah itu adalah lebih baik*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat . (الْحَدْفُ اخْتِصَارًا) (Ibn Hayyān 1:335) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt: 160).

31. Ayat : 105 :

مَا يَوْدُدُ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكُينَ أَنْ يُنَزَّلَ عَلَيْكُمْ مِنْ خَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَاللَّهُ تَعَالَى يَخْتَصُ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ ﴿١٥﴾

Maksudnya: “Orang-orang kafir dari ahli Kitab, dan juga dari orang-orang musyrik, tidak suka kiranya diturunkan kepada kamu sedikit dari kebaikan (atau wahi) dari Tuhan kamu. Padahal Allah berhak menentukan rahmatnya kepada sesiapa yang dikehendakiNya; dan Allah (jualah Yang) mempunyai limpah kurnia yang amat besar.”.

Dalam ayat ini, KK شاء (mahu/hendak) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **إِخْتِصَاصَه** (berhak) dengan andaian makna ayat:

وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِرَحْمَتِهِ مَنْ يَشَاءُ إِخْتِصَاصَه

Maksudnya: “*Padahal Allah berhak menentukan rahmatnya kepada sesiapa yang **berhak ditentukanNya***”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الحدف **إِخْتِصَاصًا**). (Ibn ‘Ashūr: 1:102) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

32. Ayat :106

﴿ مَا نَسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُسِّهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴾

Maksudnya: “Apa sahaja ayat keterangan yang kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tingglakan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahwasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.

Dalam ayat ini, KK نسى (lupa) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **الْكَاف** ganti nama (*dhamīr*) dengan andaian makna ayat:

مَا نَسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُسِّكَهَا

Maksudnya: “Ayat mana saja yang kami nasakhkan, atau kami jadikan **kamu(manusia)** lupa kepadanya”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteks ayatnya telah diketahui (Ibn Khālawiyatt :427) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :174).

33. Ayat : 116 :

وَقَالُوا أَتَخَذَ اللَّهُ وَلَدًا سُبْحَانَهُ رَبِّ الْأَرْضِ كُلُّهُ رَبُّ قَنِينُونَ ﴿١٦﴾

Maksudnya : “*Mereka (orang-orang kafir) berkata: “Allah mempunyai anak”. Maha suci Allah, bahkan apa yang ada di langit dan di bumi adalah kepunyaan Allah; semuanya tunduk kepadaNya”.*

Dalam ayat ini, KK الخَذَ (mempunyai) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan dua *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* yang pertama dalam ayat ini telah diimplisit iaitu بَعْضُ الْمَوْجُودَاتِ (sesetengah yang ada) dengan andaian makna ayat:

وَقَالُوا اتَّخَذَ اللَّهُ بَعْضَ الْمَوْجُودَاتِ وَلَدًا

Maksudnya: “*Mereka (orang-orang kafir) berkata: “Allah mempunyai anak bagi sesetengah yang ada”.*

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami dan ketahui (الْعِلْمُ بِهِ). (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :447).

34. Ayat : 118 :

وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللَّهُ أَوْ تَأْتِيَنَا آيَةً كَذِيلَكَ قَالَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِّثْلَ قَوْلِهِمْ تَشَبَّهُتْ قُلُوبُهُمْ قَدْ بَيَّنَا آلَيَّتْ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Dan (orang-orang musyrik) yang tidak berilmu pengetahuan, berkata: “Alangkah eloknya kalau Allah berkata-kata dengan kami (mengenai kebenaran Muhammad) atau datang kepada kami sesuatu keterangan (mu’jizat)?” Demikian pula orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka pernah berkata seperti yang dikatakan oleh mereka; hati mereka (sekaliannya) adalah bersamaan (degil dan kufur). Sesungguhnya Kami telah pun menerangkan ayat-ayat keterangan (yang menjadi dalil dan bukti) kepada kaum yang mahu percaya dengan yakin”.

Dalam ayat ini, KK عِلْمٌ (berilmu) yang digunakan adalah KK *muta’addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu الْعِلْم (ilmu pengetahuan) dengan andaian makna ayat:

وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ الْعِلْمَ

Maksudnya: “Dan (orang-orang musyrik) yang tidak berilmu pengetahuan, telah berkata”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah memendekkan atau meringkaskan ayat . (الحَذْفِ إِقْتِصَارًا) (Ibn Hayyān 1:366) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :174).

35. Ayat : 132 :

وَوَصَّىٰ هَـآءِرَاهِمُ بَنِيهِ وَيَعْقُوبُ يَبْنَىٰ إِنَّ اللَّهَ أَصْطَفَ لَكُمُ الْدِينَ فَلَا تَمُوتُنَ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

Maksudnya: “Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan ugama itu kepada anak-anaknya dan (demikian juga) Nabi Ya’qub (berwasiat kepada anak-anaknya) katanya :“Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih ugama (Islam) ini menjadi ikutan kamu, maka janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan Islam”.

Dalam ayat ini, KK وَصَّى (mewasiatkan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu بَنِيهِ (anak-anaknya) dengan andaian makna ayat:

وَصَّى إِلَيْهِ إِبْرَاهِيمَ بَنِيهِ وَيَعْقُوبَ بَنِيهِ

Maksudnya: “*Dan Ibrahim Telah mewasiatkan Ucapan itu kepada anak-anaknya, demikian pula Ya'qub kepada anak-anaknya*”.

Tujuan implisit implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الحذف لاختصاراً). (al-Akbariy 1:36) (Ibn Khālawiyyatt : 476) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

36. Ayat : 148 :

وَلِكُلٍّ وَجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّهَا فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ إِنَّ مَا تَكُونُوا يَأْتِ بِكُمْ أَنَّ اللَّهَ جَمِيعًا إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “*Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menujunya. Oleh itu berlumba-lumbalah kamu mengerjakan kebaikan kerana di mana saja kamu berada maka Allah tetap akan membawa kamu semua (berhimpun pada hari kiamat untuk menerima balasan), Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu*”.

Dalam ayat ini, KK وَلَى (menuju) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu وَجْهَهُ (kiblat) dengan andaian makna ayat:

وَلِكُلٍّ وَجْهَةٌ هُوَ مُوَلِّهَا وَجْهَهُ

Maksudnya: “*Dan bagi tiap-tiap umat ada arah (kiblat) yang masing-masing menuju arah kiblat*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْخَدْفُ إِحْتِصَارًا). (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

37. Ayat : 154 :

وَلَا تَقُولُوا لِمَنْ يُقْتَلُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَمْوَاتٌ بَلْ أَحْيَاءٌ وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ ﴿١٥٤﴾

Maksudnya: “*Dan janganlah kamu mengatakan (bahawa) sesiapa yang terbunuh dalam perjuangan membela Ugama Allah itu: orang-orang mati; bahkan mereka itu orang-orang yang hidup (dengan keadaan hidup yang istimewa), tetapi kamu tidak dapat menyedari”*”.

Dalam ayat ini, KK شَعَرَ (menyedari) yang digunakan adalah KK *muta‘addiyy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu حَيَاتَهُمْ (kehidupan mereka) dengan andaian makna ayat:

وَلَكِنْ لَا تَشْعُرُونَ حَيَاتَهُمْ

Maksudnya: “*tetapi kamu tidak dapat menyedari akan **kehidupan mereka***”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami dan ketahui (الْعِلْمُ بِهِ). (Al-Akbariy, 2001) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

38. Ayat : 164 :

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاحْتِلَافِ الْلَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَآءٍ فَأَحْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيَاحِ وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَأَيَّتِ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ ﴿١٦٤﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta la biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) perederan angin dan awan yang tunduk (kepada kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah. kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran”.

Dalam ayat ini, KK بَثَّ (membuat) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu دَوَابٌ (binatang-binatang) dengan andaian makna ayat:

وَبَثَّ فِيهَا دَوَابٌ مِّنْ كُلِّ دَابَّةٍ

Maksudnya: “serta la biakkan padanya **binatang-binatang** dari berbagai-bagai jenis **binatang**”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْحَدْفُ إِخْتِصَارًا). (Al-‘Akbariy, 2001) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

39. Ayat :165:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَخَذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنَدَادًا تُحِبُّوْهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ إِمَّا مَنُوا أَشَدُ حُبًّا لِّلَّهِ وَلَوْ يَرَى
الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذَا يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَأَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَذَابِ

Maksudnya: “(Walaupun demikian) ada juga di antara manusia yang mengambil selain dari Allah (untuk menjadi) sekutu-sekutu (Allah); mereka mencintainya, (memuja dan mentaatinya) sebagaimana mereka mencintai Allah. Sedangkan orang-orang yang beriman itu lebih cinta (taat) kepada Allah. dan kalaularah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui ketika mereka melihat azab pada hari akhirat kelak, bahwa sesungguhnya kekuatan dan kekuasaan itu semuanya tertentu bagi Allah semuanya, dan bahwa sesungguhnya Allah maha berat azab seksaNya (nescaya mereka tidak melakukan kezaliman itu)”.

Dalam ayat ini, KK رأى (melihat) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu العذاب (azab) dengan andaian makna ayat:

وَلُوْيَرِي الَّذِينَ ظَلَمُوا الْعَذَاب

Maksudnya: “*dan kalaularah orang-orang yang melakukan kezaliman (syirik) itu mengetahui tentang azab*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْحَدْفُ إِخْتِصَارًا). (Al-‘Akbari, 2001).

40. Ayat : 168 :

يَأَيُّهَا النَّاسُ كُلُّوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَبَعُوا خُطُواتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu”.

Dalam ayat ini, KK أَكْلَ (makan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu رِزْقًا (rezeki) dengan andaian makna ayat:

كُلُّوا رِزْقًا مَمَّا فِي الْأَرْضِ

Maksudnya: “*Makanlah rezeki dari apa yang ada di bumi*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami dan ketahui (الْعِلْمُ بِهِ). (Al-‘Akbariy, 2001) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

41. Ayat : 172 :

يَتَأْمِنُهَا اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ إِنَّمَا كُلُّ مَا طَبَّتِ مِنْ طَبَّتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَآشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ إِيمَانًا تَعْبُدُونَ

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadaNya*”.

Dalam ayat ini, KK أَكْلَ (makan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu رِزْقَكُمْ (rezeki kamu) dengan andaian makna ayat:

كُلُّوا رِزْقَكُمْ مِنْ طَيِّبَاتِ

Maksudnya: “*Makanlah rezeki kamu dari benda-benda yang baik (yang halal)*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الحذف اخْتِصَارًا). (al-‘Akbariy, 2001) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

42. Ayat : 173 :

إِنَّمَا حَرَمَ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةَ وَالدَّمَ وَلَحْمَ الْخِنْزِيرِ وَمَا أُهْلَكَ بِهِ لِغَيْرِ اللَّهِ فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ باغٍ وَلَا عَادٍ
فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan kepada kamu memakan bangkai, dan darah dan daging babi, dan binatang-binatang yang disembelih tidak kerana Allah, maka sesiapa terpaksa (memakannya kerana darurat) sedang ia tidak mengingininya dan tidak pula melampui batas (pada kadar benda yang dimakan itu), maka tidaklah ia berdosa. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani ”.

Dalam ayat ini, KK اضطر (paksa) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (dhamir) dengan andaian makna ayat:

فَمَنِ اضْطُرَّ غَيْرَ باغٍ

Maksudnya: “maka sesiapa terpaksa memakannya kerana darurat sedang ia tidak mengingininya”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (Ibn Khālawiyyatt : 487) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :173).

43. Ayat : 177 :

* لَيْسَ الْبَرُّ أَن تُؤْلُوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَ الْبَرُّ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَآتَيَوْمَرَ آلَّا خِرَاجَةَ وَالْمَاتِيَّكَةَ وَالْكِتَبِ وَالنَّبِيِّنَ وَءَانِي الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَى وَالْيَتَمَّى وَالْمَسِكِينَ وَابْنَ

الْسَّبِيلِ وَالسَّاِلِينَ وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الْصَّلَاةَ وَإِنَّ الْزَّكُوَةَ وَالْمُوْفُوتَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا
 وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

Maksudnya: “Bukanlah perkara kebijakan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebijakan itu ialah berimannya seseorang kepada Allah, dan hari akhirat, dan segala malaikat, dan segala Kitab, dan sekalian Nabi; dan mendermanya seseorang akan hartanya – sedang ia menyayanginya, - kepada kaum kerabat, dan anak-anak Yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan, dan kepada orang-orang yang meminta, dan untuk memerdekakan hamba-hamba abdi; dan mengerjanya seseorang akan sembahyang serta mengeluarkan zakat; dan perbuatan orang-orang yang menyempurnakan janjinya apabila mereka buat perjanjian; dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan, dan dalam masa kesakitan, dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang sabil (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebijakan); dan mereka itulah juga orang-orang yang bertaqwah”.

Dalam ayat ini, KK أَحَبَّ (mensayangi) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu إِيَاه ganti nama (dia) dengan andaian makna ayat:

وَآتَى الْمَالَ عَلَى حُبِّهِ إِيَاه

Maksudnya: “dan mendermanya seseorang akan hartanya sedangkan ia menyayanginya akan dia”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat . (الحذف اختصاراً) (al-’Akbariy, 2001) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

44. Ayat : 184 :

أَيَّامًا مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ عَلَى سَفَرٍ فَعِدَّهُ مِنْ أَيَّامٍ أُخْرَى وَعَلَى الَّذِينَ يُطِيقُونَهُ
فِدْيَةٌ طَاعُمٌ مِسْكِينٍ فَمَنْ تَطَوَّعَ حَيْرًا فَهُوَ حَيْرٌ لَهُ وَأَنْ تَصُومُوا حَيْرًا لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “(Puasa yang diwajibkan itu ialah) beberapa hari yang tertentu maka sesiapa di antara kamu sakit, atau dalam musafir, (bolehlah ia berbuka), kemudian wajiblah ia berpuasa sebanyak (hari yang dibuka) itu pada hari-hari yang lain; tidak terdaya berpuasa (kerana tua dan sebagainya) mebayar fidyah iaitu memberi makan orang miskin. Maka sesiapa yang dengan sukarela memberikan (bayaran fidyah) lebih dari yang ditentukan itu, maka itu adalah suatu kebaikan baginya; dan (walaupun demikian) berpuasa itu lebih baik bagi kamu (daripada memberi fidyah), kalau kamu mengetahui”.

Dalam ayat ini, KK عَمِلَ (mengetahui) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (dhamir) dengan andaian makna ayat:

إِنْ كُنْتُمْ تَعْمَلُونَهُ

Maksudnya: “*kalau kamu Mengetahuinya*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat. (الحُذْفُ إِخْتِصَارًا) (Ibn Hayyān 2:38) (Muhammad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :161).

45. Ayat : 189 :

يَسْأَلُونَكُمْ عَنِ الْأَهْلَةِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجَّ وَلَيْسَ الْبُرُّ بِأَنْ تَأْتُوا الْبُيُوتَ مِنْ ظُهُورِهَا
وَلَكِنَّ الْبُرَّ مَنِ اتَّقَى وَأَتُوا الْبُيُوتَ مِنْ أَبْوَابِهَا وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: "Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai (peredaran) anak-anak bulan. Katakanlah: "(peredaran) anak-anak bulan itu menandakan waktu-waktu (urusan dan amalan) manusia, khasnya ibadat Haji. Dan bukanlah perkara kebijikan; kamu memasuki rumah dari bahagian belakannya (ketika kamu berihram), akan tetapi kebijikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa; dan masuklah ke rumah (kamu) itu melalui pintunya, serta bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu berjaya".

Dalam ayat ini, KK اتّقى (bertaqwa) yang digunakan adalah KK muta'addiy yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu مَحَارِمُ الله (perkara yang diharamkan oleh Allah) dengan andaian makna ayat:

وَلَكِنَ الْبِرُّ مَنِ اتَّقَى مَحَارِمَ الله

Maksudnya: "akan tetapi kebijikan itu ialah perbuatan orang yang bertaqwa kepada perkara yang diharamkan oleh Allah".

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (الْعِلْم بِهِ). (Ibn Khālawayyīt :455) (Muhamad Abdul al-Khalīq 'Udaimatt :172).

46. Ayat : 196 :

وَأَتِمُوا الْحَجَّ وَالْعُمَرَةَ لِللهِ فَإِنَّ أُحْصِرْتُمْ فَمَا أَسْتَيْسَرَ مِنْ أَهْدَىٰ وَلَا تَحْلِقُوا رُءُوسَكُمْ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَهْدَىٰ
مَحِلَّهُ وَمَنْ كَانَ مِنْكُمْ مَرِيضًا أَوْ يَهْرُبَ أَذَىٰ مِنْ رَأْسِهِ فَفِدِيَّةٌ مِنْ صِيَامٍ أَوْ صَدَقَةٍ أَوْ نُسُكٍ فَإِذَا أَمِنْتُمْ
فَمَنْ تَمَتَّعَ بِالْعُمَرَةِ إِلَى الْحَجَّ فَمَا أَسْتَيْسَرَ مِنْ أَهْدَىٰ فَمَنْ لَمْ تَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ فِي الْحَجَّ وَسَبْعَةٍ
إِذَا رَجَعْتُمْ تِلْكَ عَشَرَةً كَامِلَةً ذَلِكَ لِمَنْ لَمْ يَكُنْ أَهْلُهُ حَاضِرٍ الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ وَأَنْفُوا اللَّهَ وَأَعْلَمُوا

أنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya: “*Dan sempurnakanlah ibadah haji dan 'umrah Karena Allah. Maka sekiranya kamu dikepong dan dihalang daripada menyempurnakannya ketika kamu sudah berihram maka kamu bolehlah bertahallul serta) sembelihlah Dam yang mudah didapati; dan janganlah kamu mencukur kepala kamu(untuk bertahallul), sebelum binatang Dam itu sampai (dan disembelih) di tempatnya. Maka sesiapa di antara kamu sakit, atau terdapat sesuatu yang menyakiti di kepalanya (lalu ia cukur rambutnya). Hendaklah ia membayar fidyah iaitu berpuasa, atau sedekah, atau menyembelih Dam. Kemudian apabila kamu berada kembali dalam keadaan aman, maka sesiapa yang mahu menikmati kemudahan dengan mengerjakan Umrah, (dan terus manikmati kemudahan itu) hingga masa (mengerjakan) ibadat Haji, (bolehlah ia melakukannya kemudian wajiblah ia) menyembelih Dam yang mudah didapati. Kalau ia tidak dapat (mengadakan Dam), maka hendaklah ia berpuasa tiga hari dalam masa mengerjakan Haji dan tujuh hari lagi apabila kamu kembali (ketempar masing-masing); semuanya itu sepuluh (hari) cukup sempurna. Hukum ini ialah bagi orang yang tidak tinggal menerap (di sekitar) masjid al-Haram (Makah). Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan ketahuilah bahwasanya Allah Maha berat balasan seksaNya (terhadap orang-orang yang menlanggar perintahNya) ”.*

Dalam ayat ini, KK وَجَدَ (dapat) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ما استَيْسَرَ مِنَ الْهُدْيِ (dam yang mudah didapati) dengan andaian makna ayat:

فَمَا استَيْسَرَ مِنَ الْهُدْيِ فَمَنْ لَمْ يَجِدْ مَا استَيْسَرَ مِنَ الْهُدْيِ

Maksudnya: “menyembelih Dam yang mudah didapati Kalau ia tidak dapat mengadakan dam yang mudah didapati”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْحَدْفِ إِخْتِصَارًا). (Ibn Hayyān 2:78) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :161).

47. Ayat : 198 :

لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَتَغَوَّلُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ فَإِذَا أَفَضْتُمْ مِنْ عَرَفَتٍ فَادْكُرُوا اللَّهَ عِنْدَ الْمَشْعَرِ الْحَرَامِ وَادْكُرُوهُ كَمَا هَدَنَّكُمْ وَإِنْ كُنْتُمْ مِنْ قَبْلِهِ لَمِنَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: “*Tidaklah menjadi salah, kamu mencari limpah kurnia dari Tuhan kamu (dalam meneruskan perniagaan ketika mengejakan haji). Kemudian apabila kamu bertolak turun dari padang 'Arafah (menuju ke Muzdalifah)), maka sebutlah nama Allah (dengan doa, ”talbiah” dan tasbih) di tempat Masy'ar Al-Haraam (di Muzdalifah), dan ingatlah kepada Allah dengan menyebut-Nya sebagaimana ia telah memberikan petunjuk hidayah kepada kamu dan Sesungguhnya kamu sebelum itu adalah dari golongan orang-orang yang salah jalan ibadatnya”.*

Dalam ayat ini, KK أَفْضَى (turun/menuju) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **أَنْفُسَكُمْ** (*diri kamu*) dengan andaian makna ayat:

فَإِذَا أَفَضْتُمْ أَنْفُسَكُمْ مِنْ عَرَفَاتٍ

Maksudnya: “*Kemudian apabila kamu (diri kamu) bertolak turun dari padang 'Arafah (menuju ke Muzdalifah)”.*

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami dan ketahui (الْعِلْمُ بِهِ). (*al-Samīn al-Halabiy, 2008*).

48. Ayat : 199 :

ثُمَّ أَفِيضُوا مِنْ حَيْثُ أَفَاضَ النَّاسُ وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٩٩﴾

Maksudnya: “Kemudian bertolaklah kamu dari tempat bertolaknya orang banyak ('Arafah) dan mohonlah ampun kepada Allah; Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang”.

Dalam ayat ini, KK استغفروا (memohon keampunan) yang digunakan adalah KK muta ‘addiyy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu دُنُوبُكُمُ الَّتِي فَرَطْتَ مِنْكُم (dosa-dosa yang telah kamu lakukan) dengan andaian makna ayat:

وَاسْتَغْفِرُوا اللَّهَ دُنُوبُكُمُ الَّتِي فَرَطْتَ مِنْكُم

Maksudnya: “dan mohonlah ampun kepada Allah dosa-dosa yang telah kamu lakukan”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (الْعِلْمُ بِهِ). (*al-Samīn al-Halabiy*, 2008).

49. Ayat : 203 :

* وَادْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَى وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٣٧﴾

Maksudnya: “Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka ia tidaklah berdosa, dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka ia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu

ialah) bagi orang yang bertaqwa. Dan hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah, dan ketahuilah, sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadaNya”.

Dalam ayat ini, KK اتَّقِي (beritaqwa) yang digunakan adalah KK *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ^{الله} dengan andaian makna ayat:

لِمَنِ اتَّقَى اللَّهُ

Maksudnya: “*bagi orang yang bertakwa kepada Allah*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْحُدْفُ اخْتِصَارًا) (Ibn Hayyān 2:113) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :161).

50. Ayat : 211 :

سَلَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ كَمْ أَتَيْنَاهُم مِّنْ آيَةٍ بَيِّنَةٍ وَمَن يُبَدِّلْ نِعْمَةَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ

الْعِقَابِ

Maksudnya: “*Bertanyalah kepada Bani Israil, berapa banyak keterangan-keterangan yang telah kami berikan kepada mereka (sedangkan mereka masih ingkar juga). dan sesiapa menukar nikmat keterangan Allah (dengan mengambil kekufuran sebagai gantinya) sesudah nikmat itu sampai kepadaNya, Maka (hendaklah ia mengetahui) sesungguhnya Allah amat berat azab seksaNya”.*

Dalam ayat ini, KK أَتَّى (berikan) yang digunakan adalah KK *muta'addiy* yang memerlukan dua *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* yang kedua dalam ayat ini telah diimplisit iaitu آيات (ayat-ayat) dengan andaian makna ayat:

سَلَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ كَمْ آتَيْنَاهُم آياتٌ

Maksudnya: “*bertanyalah kepada Bani Israil, berapa banyak keterangan-keterangan yang telah kami berikan ayat-ayat kepada mereka*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (الْعِلْمُ به). (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

51. Ayat : 212 :

رُّبِّنَ لِلَّذِينَ كَفَرُوا أَلْحَيَةُ الدُّنْيَا وَيَسْخَرُونَ مِنَ الَّذِينَ إِمَّا مُّؤْمِنُوْا وَالَّذِينَ آتَقْوَاهُ فَوْقَهُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya: “*Kehidupan dunia (dan kemewahannya) diperhiaskan (dan dijadikan amat indah) pada (pandangan) orang-orang kafir, sehingga mereka (berlagak sombang dan) memandang rendah kepada orang-orang yang beriman. Padahal orang-orang yang bertakwa (dengan imannya) lebih tinggi (martabatnya) daripada mereka (yang kafir itu) pada hari kiamat kelak. Dan (ingatlah) Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terkira (menurut undang-undang peraturanNya)*”.

Dalam ayat ini, KK شاء (hendak) yang digunakan adalah KK *muta‘addiyy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu أن يَرْزُقَهُ (orang-orang yang hendak diberi rezeki) dengan andaian makna ayat:

وَاللَّهُ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ أَنْ يَرْزُقَهُ بِغَيْرِ حِسَابٍ

Maksudnya: “*Dan (ingatlah) Allah memberi rezeki kepada sesiapa (yang hendak diberikan rezeki) yang dikehendakiNya dengan tidak terkira*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

52. Ayat : 213 :

كَانَ النَّاسُ أُمَّةً وَاحِدَةً فَبَعَثَ اللَّهُ الْنَّبِيًّا مُّبَشِّرًا وَمُنذِرًا وَأَنْزَلَ مَعَهُمُ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِيَحُكُمَ بَيْنَ النَّاسِ فِيمَا آخْتَلُفُوا فِيهِ وَمَا آخْتَلَفَ فِيهِ إِلَّا الَّذِينَ أُوتُوهُ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْبِيِّنَاتُ بَغْيًا بَيْنُهُمْ فَهَدَى اللَّهُ الَّذِينَ أَمْنَوْا لِمَا آخْتَلُفُوا فِيهِ مِنَ الْحَقِّ يَإِذْنِهِ وَاللَّهُ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ إِلَى صِرَاطٍ



Maksudnya: “*Pada mulanya manusia itu ialah umat yang satu (menurut ugama yang satu, tetapi setelah mereka berselisihan), Maka Allah mengutus nabi-nabi, sebagai pemberi khabar gembira (kepada orang-orang yang beriman dengan balasan syurga), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar dengan balasan azab neraka), dan Allah menurunkan bersama nabi-nabi itu kitab-kitab suci yang (mengandungi keterangan-keterangan yang) benar, untuk menjalankan hukum di antara manusia mengenai apa yang mereka perselisikan. Dan (sebenarnya) tidak ada yang melakukan perselisihan melainkan orang-orang yang telah diberi kepada mereka kitab-kitab suci itu, iaitu sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan yang jelas nyata, mereka berselisih semata-mata Kerena hasad dengki sesama sendiri. Maka Allah memberikan petunjuk kepada orang-orang yang beriman ke arah kebenaran yang diperselisikan oleh mereka (yang derhaka itu), dengan izinNya. Dan Allah sentiasa memberi petunjuk hidayahNya kepada sesiapa yang dikehendakiNya ke jalan yang betul-lurus (menurut undang-undang peraturanNya)’.*”

Dalam ayat ini, KK هَدَى (memberi petunjuk) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu هَدَاهُمْ بِأَمْرِهِ (berpandukan perintahNya) dengan andaian makna ayat:

فَهَدَى اللَّهُ هَدَاهُمْ بِأَمْرِهِ الَّذِينَ آمَنُوا

Maksudnya: “*Maka Allah memberikan petunjuk (berpandukan perintahNya) kepada orang-orang yang beriman*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (الْعِلْمُ به). (al-'Akbariy, 2001) (al-Samīn al-Halabiy, 2008).

53. Ayat : 216 :

كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِتَالُ وَهُوَ كُرْهٌ لَّكُمْ وَعَسَى أَن تَكْرَهُوا شَيْئاً وَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَعَسَى أَن تُحِبُّوا شَيْئاً
وَهُوَ شُرُّ لَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ ﴿٢١٦﴾

Maksudnya: ”*kamu diwajibkan berperang (untuk menentang pencerobohan) sedang peperangan itu ialah perkara yang kamu benci; dan boleh jadi kamu benci kepada sesuatu padahal ia baik bagi kamu, dan boleh jadi kamu suka kepada sesuatu padahal ia buruk bagi kamu. Dan (ingatlah), Allah jualah Yang mengetahui (semuanya itu), sedang kamu tidak mengetahuinya*”.

Dalam ayat ini, KK عِلْمٌ (mengetahui) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu مَا هُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَمَا هُوَ شُرُّ لَكُمْ (apa yang baik dan apa yang buruk bagi kamu) dengan andaian makna ayat:

وَأَنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ مَا هُوَ خَيْرُكُمْ وَمَا هُوَ شَرُّكُمْ

Maksudnya: “*sedang kamu tidak mengetahuinya apa yang baik dan apa yang buruk bagi kamu*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah terletak selepas penafian (الْعِلْم). (al-jamāl 1:172) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :161).

54. Ayat : 220 :

فِي الدُّنْيَا وَالآخِرَةِ وَسَعْلُونَكَ عَنِ الْيَتَمَيِّدِ قُلْ إِصْلَاحُهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تَحَاوِلُهُمْ فَإِخْوَنَكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ
الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُمْلِحِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَا عَنْتَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿١٦﴾

Maksudnya : “ Mengenai (*urusan-urusan kamu*) di dunia dan di akhirat. Dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah : ”Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itulah saudara-saudara kamu (yang seagama): dan Allah mengetahui akan orang yang merosakan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah ia memberatkan kamu (dengan mengharamkan bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”

Dalam ayat ini, KK شاء (menghendaki) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu عَنْتُكُمْ (memberatkan kamu) dengan andaian makna ayat:

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ عَنْتُكُمْ لَا عَنْتُكُمْ

Maksudnya: “*Dan jika Allah menghendaki memberatkan kamu tentulah ia memberatkan kamu*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah terletak selepas (لَوْ شَاء). (Ibn Hayyān 2:163) (Muhammad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :161).

55. Ayat : 221 :

وَلَا تَنِكِحُوا الْمُشْرِكَتِ حَتَّىٰ يُؤْمِنَ وَلَا مِنْ مُؤْمِنَةٍ حَيْرٌ مِنْ مُشْرِكَةٍ وَلَوْ أَعْجَبْتُمُوهُنَّا
الْمُشْرِكِينَ حَتَّىٰ يُؤْمِنُو وَلَعَبْدُ مُؤْمِنٌ حَيْرٌ مِنْ مُشْرِكٍ وَلَوْ أَعْجَبْتُمُوهُنَّا إِلَى النَّارِ وَاللَّهُ
يَدْعُو إِلَى الْجَنَّةِ وَالْمَغْفِرَةِ بِإِذْنِهِ وَيُبَيِّنُ لَهُمْ آيَاتِهِ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ ﴿٢٢١﴾

Maksudnya: “*Dan janganlah kamu berkahwin dengan perempuan-perempuan kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk ugama Islam) dan sesungguhnya seorang hamba perempuan yang beriman itu lebih baik daripada perempuan kafir musyrik, sekalipun keadaanya menarik hati kamu. Dan janganlah kamu (kahwinkan perempuan-perempuan Islam) dengan lelaki-lelaki kafir musyrik sebelum mereka beriman (memeluk ugama Islam). Dan sesungguhnya seorang hamba lelaki yang beriman lebih baik daripada seorang lelaki musyrik, sekalipun keadaanya menarik hati kamu. (Yang demikian ialah kerana) orang-orang kafir itu mengajak ke neraka, sedang Allah ajak ke Syurga dan memberi keampunan dengan izinNya. Dan Allah menjelaskan ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) kepada umat manusia, supaya mereka dapat mengambil pelajaran (daripadanya)”.*

Dalam ayat ini, KK دَعَا (mengajak) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (dhamir) dengan andaian makna ayat:

أُولَئِكَ يَدْعُونَهُ إِلَى النَّارِ

Maksudnya: “(Yang demikian ialah kerana) orang-orang kafir itu mengajak**nya** ke neraka”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الحُذْفِ الْخَتْصَارِ). (Ibn Hayyān 2:166) (Muhammad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt:161).

56. Ayat : 223 :

سَأَوْكُمْ حَرَثٌ لَّكُمْ فَاتَّوْا حَرَثَكُمْ أَنِّي شِغْفٌ^{١٢٦} وَقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ مُّلْقُوْهُ وَبَشِّرِ
الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Isteri-isteri kamu adalah bagai kebun tanaman kamu, oleh itu datangilah kebun tanaman kamu menurut cara yang kamu sukai dan sediakanlah (*amal-amal* yang baik) untuk diri kamu; dan bertaqwalah kepada Allah serta ketahuilah sesungguhnya kamu akan menemuiNya (pada hari akhirat kelak). Dan berilah khabar gembira (wahai Muhammad) kepada orang-orang yang beriman”.

Dalam ayat ini, KK قَدَّمَ (sediakan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu الخَيْر (amal-amal baik) dengan andaian makna ayat:

وَقَدِّمُوا الْخَيْر لِأَنفُسِكُمْ

Maksudnya: “*dan sediakanlah amal-amal yang baik untuk diri kamu*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (Ibn Hayyān 2:172) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :161).

57. Ayat : 233:

﴿ وَالْوَلِدَاتُ يُرْضِعْنَ أُولَئِنَّهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتَمَّ الْرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكَسْوَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلِّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا لَا تُضَارَّ وَلِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَلَدِهِ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاءُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ تَسْتَرِطُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَمْتُمْ مَا أَتَيْتُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴾

Maksudnya: “*Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika keduanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan sebab (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa juar yang kamu lakukan”.*

Dalam ayat ini, KK أَتَى (berikan) yang digunakan merupakan KK *muta‘addiy* yang memerlukan dua *maf’ul bih*. Namun, kedua-dua *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (*dhamir*) إِيَّاهُ هُنَّ dan إِيَّاهُ هُنَّ dengan andaian makna ayat:

مَا آتَيْتُهُنَّ إِيَّاهُ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: “*yang kamu berikan mereka itu kepadanya dengan cara yang patut*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (الْعِلْمِ به). (al-’Akbariy, 1 :55) (Ibn Hayyān 2:218).

58. Ayat : 235:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ الِبَسَاءِ أَوْ أَكْنَتْنَمْ فِي أَنفُسِكُمْ عِلْمٌ اللَّهُ أَنْتُمْ سَتَدْكُرُونَهُنَّ وَلِكُنْ لَا تُوَاعِدُوهُنَّ إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا وَلَا تَعْزِمُوا عُقْدَةَ الْكِبَاحِ حَتَّى يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي أَنفُسِكُمْ فَأَحَدُرُوهُ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ

Maksudnya: “*Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sendirian), untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam ’iddah), atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-menyebut (atau mengingati) mereka, (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka di dalam sulit, selain dari menyebutkan kata-kata (secara sendirian) yang sopan. Dan janganlah kamu menetapkan dengan bersungguh-sungguh (hendak melakukan) ’akad nikah sebelum habis ’iddah yang ditetapkan itu. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah mengetahui apa yang ada dalam hati kamu, maka beringat-ingatlah kamu akan kemurkaannya, dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar*”.

Dalam ayat ini, KK گن (menyimpan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (dhamir) dengan andaian makna ayat:

أَوْ أَكْنَتْمُوهُ فِي أَنفُسِكُمْ

Maksudnya: “*atau tentang kamu menyimpannya dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka)*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat . (الحُذْفِ إِخْتِصَارًا). (Ibn Hayyān 1:55) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt ms:162).

59. Ayat : 239:

فَإِنْ حِفْتُمْ فِرِجَالًا أَوْ رُجْبَانًا فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَادْكُرُوا اللَّهَ كَمَا عَلِمْتُمْ مَا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴿٢٣٩﴾

Maksudnya: “*Dan jika kamu takuti (sesuatu bahaya) maka sembahyanglah sambil berjalan atau berkenderaan, kemudian apabila kamu telah aman sentosa, maka hendaklah kamu mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang secara lebih sempurna), sebagaimana Allah telah mengajar kamu apa yang kamu tidak mengetahuinya*”.

Dalam ayat ini, KK خاف (takut) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu عدو (musuh) dengan andaian makna ayat:

فَإِنْ حِفْتُمْ عَدُوًا فِرِحًا

Maksudnya: “*Dan jika kamu takuti (musuh) maka sembahyanglah sambil berjalan*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (al-Samīn al-Halabiyy, 2008).

60. Ayat : 243:

﴿أَلَمْ تَرِ إِلَى الَّذِينَ حَرَجُوا مِنْ دِيْرِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتَ فَقَالَ لَهُمْ اللَّهُ مُؤْتَوْنُمْ أَحَيْهُمْ
إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى النَّاسِ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ﴾

Maksudnya: “*Tidaklah engkau ketahui (wahai Muhammad) tentang orang-orang yang keluar (melarikan diri dari kampung halaman kerana takutkan mati, sedang mereka beribu-ribu ramainya? Maka Allah berfirman kepada mereka; ”Matilah kamu, kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah sentiasa melimpah-limpah kurniaNya kepada manusia (seluruhnya), tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur”.*

Dalam ayat ini, KK شَكْرٌ (bersyukur) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ganti nama (dhamir) dengan andaian makna ayat:

لَا يَشْكُرُونَه

Maksudnya: “*tidak bersyukur kepadaNya*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (Ibn Hayyān 2:253) (Muhammad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt ms:162).

61. Ayat : 245:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضَعِّفُهُ اللَّهُ أَصْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ وَإِلَيْهِ

تُرْجَعُونَ

Maksudnya: “Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah, pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya?. Dan (ingatlah), Allah jualah yang menyempitkan dan yang meluaskan (rezki) dan kepadaNyalah kamu semua dikembalikan”.

Dalam ayat ini, KK بَسَطَ (meluaskan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu رِزْقًا (rezeki) dengan andaian makna ayat:

وَاللَّهُ يَقْبِضُ وَيَبْسُطُ رِزْقًا

Maksudnya: “Allah jualah yang menyempitkan dan yang meluaskan (**rezki**)”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (Sheikh Abdullah Basmeih, 2000).

62. Ayat : 253:

• تِلْكَ الرُّسُلُ فَضَّلَنَا بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ مِّنْهُمْ مَنْ كَلَمَ اللَّهُ وَرَفَعَ بَعْضَهُمْ دَرَجَاتٍ وَءَاتَيْنَا عِيسَى اُبْنَ مَرِيمَ الْبَيْتَ وَأَيَّدَنَاهُ بِرُوحِ الْقُدْسِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَقْتَلَ الذِّينَ مِنْ بَعْدِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمْ أَلَّا يَبْيَسَنُ وَلَكِنِ أَخْتَلَفُوا فَمِنْهُمْ مَنْ ءَامَنَ وَمِنْهُمْ مَنْ كَفَرَ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا أَقْتَلُوا وَلَكِنَّ اللَّهَ يَفْعُلُ مَا

بُرِيدُ

Maksudnya: “Rasul-rasul Kami lebihkan sebahagian daripada mereka atas sebahagian yang lain (dengan kelebihan-kelebihan yang tertentu). Di antara mereka ada yang Allah

berkata-kata dengannya, dan ditinggikanNya (pangkat) sebahagian daripada mereka beberapa darjat kelebihan. Dan kami berikan Nabi 'Isa Ibni Maryam beberapa keterangan kebenaran (*mu'jizat*), serta Kami kuatkan dia dengan Ruhu'I-Quodus (Jibril), Dan sekiranya Allah menghendaki nescaya orang-orang yang datang kemudian daripada Rasul-rasul itu tidak berbunuh-bunuhan sesudah datang kepada mereka keterangan-keterangan (yang dibawa oleh Rasul mereka). Tetapi mereka bertelingkah, maka timbullah di antara mereka: orang yang beriman, dan orang yang kafir. Dan kalaualah Allah menghendaki tentulah mereka tidak berbunuh-bunuhan; tetapi Allah melakukan apa yang dikehendakiNya”.

Dalam ayat ini, KK شاء (menghendaki) yang digunakan adalah KK *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **أَلَا يَقْتَلُوا** (tidak berbunuh-bunuhan) dengan andaian makna ayat:

وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ أَلَا يَقْتَلُوا

Maksudnya: “*Dan sekiranya Allah menghendaki tidak berbunuh-bunuhan*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah *maf'ul bih* terletak selepas (لَوْ شَاءَ). (Ibn Hayyān 2:274) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :162).

63. Ayat : 254:

يَتَأْمُرُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ يَوْمٌ لَا يَعْلَمُ فِيهِ وَلَا خُلَّةٌ وَلَا شَفَاعَةٌ
وَالْكَافِرُونَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman! Sebarkanlah sebahagian dari apa yang telah kami berikan kepada kamu, sebelum tibanya hari (kiamat) yang tidak ada jual beli*

padanya, dan tidak ada kawan teman (yang memberi manfaat), serta tidak ada pula pertolongan sya'faat. Dan orang-orang kafir, mereka itulah orang-orang yang zalim”.

Dalam ayat ini, KK ^{أَنْفَقَ} (sebarkan) yang digunakan adalah KK *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu ^{شَيئًا} (sesuatu) dengan andaian makna ayat:

^{أَنْفَقُوا} شَيئًا ^{مِمَّا} رَزَقْنَاكُمْ

Maksudnya: “Sebarkanlah sesuatu apa yang telah kami berikan sesuatu kepada kamu”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (*al-Akbariy* 1:59) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :162).

64. Ayat : 255:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا
الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِنْ عِلْمِهِ إِلَّا
مِمَّا شَاءَ وَسَعْ كُرْسِيُهُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَلَا يُغُودُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ أَعْلَى الْعَظِيمِ

Maksudnya : Allah, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang tetap hidup, Yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). Yang tidak mengantuk usahkan tidur. Yang memiliki Segala Yang ada di langit dan Yang ada di bumi. tiada sesiapa Yang dapat memberi syafaat (pertolongan) di sisiNya melainkan Dengan izinNya. Yang mengetahui apa Yang ada di hadapan mereka dan apa Yang ada di belakang mereka, sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa Yang Allah kehendaki (memberitahu kepadanya). Luasnya Kursi Allah (ilmuNya dan kekuasaanNya) meliputi langit dan bumi; dan tiadalah menjadi keberatan kepada Allah

menjaga serta memelihara keduanya. dan Dia lah Yang Maha tinggi (darjat kemuliaanNya), lagi Maha besar (kekuasaanNya)

Dalam ayat ini, KK شاء (kehendaki) yang digunakan adalah KK *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu أَنْ يُحِيطُوا بِهِ (memberitahu kepadanya) dengan andaian makna ayat:

وَلَا يُحِيطُونَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهِ إِلَّا بِمَا شَاءَ أَنْ يُحِيطُوا بِهِ

Maksudnya: “ sedang mereka tidak mengetahui sesuatu pun dari (kandungan) ilmu Allah melainkan apa Yang Allah kehendaki **memberitahu kepadanya.** ”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah untuk meringkaskan ayat (الْحَدْفُ إِخْتِصَارًا). (Ibn Hayyān 2:279) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :162).

65. Ayat : 261:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنْبُلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ

Maksudnya: “*Bandengan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya di jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipat gandakan (pahala) bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha luas (rahmat) kurniaNya lagi meliputi ilmu pengetahuanNya*”.

Dalam ayat ini, KK ضَاعِفَ (menggandakan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **ثَوَابًا** (pahala) dengan andaian makna ayat:

وَاللَّهُ يُضَاعِفُ ثَوَابًا

Maksudnya: “*Dan (ingatlah) Allah akan melipat gandakan (pahala)*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (Sheikh Abdullah Basmeih, 2000).

66. Ayat : 265 :

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنَّدَادًا تُحِبُّوْهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ إِمَّا مُّنْوَأْ أَشَدُ حُبًّا لِّلَّهِ وَلَوْ يَرَى
الَّذِينَ ظَلَمُوا إِذْ يَرَوْنَ الْعَذَابَ أَنَّ الْقُوَّةَ لِلَّهِ جَمِيعًا وَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعَدَابِ

Maksudnya: *Dan bandingan orang-orang Yang membelanjakan hartanya kerana mencari keredaan Allah dan kerana meneguhkan (iman dan perasaan ikhlas) Yang timbul dari jiwa mereka, adalah seperti sebuah kebun di tempat Yang tinggi, Yang ditimpa hujan lebat, lalu mengeluarkan hasilnya dua kali ganda. kalau ia tidak ditimpa hujan lebat maka hujan renyai-renyai pun (cukup untuk menyiraminya). dan (ingatlah), Allah sentiasa melihat akan apa Yang kamu lakukan.*

Dalam ayat ini, KK أَتَى (mengeluarkan) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **صَاحِبَهَا** (tuannya) dengan andaian makna ayat:

فَآتَثْ صَاحِبَهَا أُكْلَهَا ضِعَفَيْنِ

Maksudnya: “*lalu mengeluarkan kepada tuannya hasilnya dua kali ganda*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (Ibn Hayyān 2:312) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :175).

67. Ayat : 267 :

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَّا مُّنْتَهُ أَنفَقُوا مِنْ طَيْبَتِ مَا كَسَبُتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِّنَ الْأَرْضِ وَلَا تَيَمَّمُوا
الْحَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِغَاخِدِيهِ إِلَّا أَنْ تُعْمِضُوا فِيهِ وَأَعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِّ حَمِيدٌ

Maksudnya: “*Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamujadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya, lagi sentiasa Terpuji”.*

Dalam ayat ini, KK عَمَضَ (memejam) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu أَبْصَارَكُمْ (penglihatan/mata) dengan andaian makna ayat:

أَنْ تُعْمِضُوا أَبْصَارَكُمْ فِيهِ

Maksudnya: “*memejamkan mata kamu padanya*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (Ibn Hayyān 2:318) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :177).

68. Ayat : 271 :

إِنْ تُبَدِّلُوا الصَّدَقَاتِ فَبِعِمَّا هِيَ صَدَقَاتٌ وَإِنْ تُحْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيُكَفِّرُ عَنْكُم مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ حَبِيرٌ
TV

Maksudnya: “Kalau kamu zahirkanlah sedekah-sedekah itu (secara terang), maka yang demikian adalah baik (kerana menjadi contoh yang baik). Dan kalau pula kamu sembunyikan sedekah-sedekah itu sera kamu berikan kepada orang-orang kadir miskin, maka itu adalah baik bagi kamu; dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian dari kesalahan-kesalahan kamu. Dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui secara mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

Dalam ayat ini, KK گفر (menghapuskan) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu شيئاً (sesuatu) dengan andaian makna ayat:

وَيُكَفِّرُ عَنْكُم شَيْئًا مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ

Maksudnya: “dan Allah akan menghapuskan sesuatu dari kamu sebagian kesalahan-kesalahan kamu”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (‘Akbariy, 2001).

69. Ayat : 279 :

فَإِنْ لَمْ تَفْعِلُوا فَأَذَنُوا بِحَرْبٍ مِنْ أَنْفُسِهِمْ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ
TV

Maksudnya: “Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: akan adanya perperangan dari Allah dan Rasulnya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa”.

Dalam ayat ini, KK أَذْنَ (mengizinkan/mibenarkan) yang digunakan adalah KK muta‘addiy yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu غيرِكُمْ (selain kamu) dengan andaian makna ayat:

فَأَذْنُوا عَيْرَكُمْ بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ

Maksudnya: “Maka Ketahuilah selain kamu, bahwa Allah dan rasul-Nya akan memerangimu”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (Akbariy, 2001).

70. Ayat : 282 :

يَتَائِفُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَاءَنُتُم بِدِينِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَآكَتُبُوهُ وَلَيَكُتبَ بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ^١
 وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَن يَكْتُبَ كَمَا عَلِمَهُ اللَّهُ فَلَيَكُتبَ وَلَيُمْلِلَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلَيُتَّقِيَ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا
 يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَن يُمْلِلَ هُوَ فَلَيُمْلِلَ
 وَلَيُهُرِّبَ بِالْعَدْلِ وَأَسْتَشِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ فَإِنْ لَمْ يَكُونَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَأَمْرَاتَانِ مِمَّنْ تَرَضَوْنَ
 مِنَ الْشُّهَدَاءِ أَن تَضِلَّ إِحْدَانُهُمَا فَتُنَذِّكُرُ إِحْدَانُهُمَا الْأُخْرَى وَلَا يَأْبَ الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا وَلَا
 تَسْعُمُوا أَن تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَى أَجَلِهِ ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشُّهَدَاءِ وَأَدْنَى أَلَّا
 تَرْتَابُوا إِلَّا أَن تَكُونَ تِجْرَةً حَاضِرَةً تُدْبِرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَإِنَّمَا عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَا تَكْتُبُوهَا وَأَشْهُدُوا

إِذَا تَبَأْيَعْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفْعُلُوا فَإِنَّهُ فُسُوقٌ بِكُمْ وَأَتَقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ
وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu. Dan hendaklah seorang pengkaji di antara kamu menulisnya dengan adil (benar). Dan janganlah seseorang pengkaji enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas). Dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhaninya, dan janganlah ia mengurangkan sesuatu pun dari hutang itu. Kemudian jika orang yang berhutang itu bodoh atau lemah atau ia sendiri tidak dapat hendak merencanakan (isi surat itu), maka hendaklah direncanakan oleh walinya dengan adil (benar); dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi. Dan janganlah saksi-saksi itu enggan apabila mereka dipanggil menjadi saksi. Dan janganlah kamu jemu menulis perkara hutang yang bertempoh masanya itu, sama ada kecil atau besar jumlahnya. Yang demikian itu, lebih adil sisi Allah dan lebih membetulkan (menguatkan) keterangan saksi, dan juga lebih hampir kepada tidak menimbulkan keraguan kamu. Kecuali perkara itu mengenai perniagaan tunai yang kamu edarkan sesama sendiri, maka tiada salah jika kamu tidak menulisnya. Dan adakanlah saksi apabila kamu berjual beli dan janganlah mana-mana juru tulis dan saksi itu disusahkan. Dan kalau kamu melakukan (apa yang dilarang itu), maka sesungguhnya yang demikian adalah perbuatan fasik (derhaka) yang ada pada kamu.

Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah dan (*ingatlah*), Allah (*dengan keterangan ini*) mengajar kamu dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu”.

Dalam ayat ini, KK فَعَلْ (melakukan) yang digunakan adalah KK *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **الضرار** (kerosakan) dengan andaian makna ayat:

وَإِنْ تَفْعَلُوا الضرّار

Maksudnya: “*Dan kalau kamu melakukan kerosakan*”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (Ibn Hayyān 2:354) (Muhamad Abdul al-Khalīq ‘Udaimatt :162).

71. Ayat : 284 :

رَبَّهُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبَدِّلُوا مَا فِي أَنفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبُكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: “*Segala yang ada di langit dan yang ada di bumi adalah kepunyaan Allah. Dan jika kamu melahirkan apa yang ada di dalam hatimu atau kamu menyembunyikan, nescaya Allah akan menghitung dan menyatakannya kepada kamu. Kemudian ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan menyeksa sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturanNya). Dan(*ingatlah*), Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu”.*

Dalam ayat ini, KK شاءَ (hendak) yang digunakan adalah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf’ul bih*. Namun, *maf’ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu **الذُّنُوب** (dosa-dosa) dengan andaian makna ayat:

فَيَعْفُرُ لِمَنْ يَشَاءُ الْذُّنُوبَ

Maksudnya: “Kemudian ia mengampunkan **dosa-dosa** bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya”.

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (Akbariy, 2001).

72. Ayat : 286 :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذنَا إِنْ كُسِيتَآ أَوْ أَخْطَأَنَا
رَبَّنَا وَلَا تَحْمِلْنَا عَلَيْنَا إِصْرًا كَمَا حَمَلْتَهُ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِنَا رَبَّنَا وَلَا تُحْمِلْنَا مَا لَا طَاقَةَ لَنَا بِهِ
وَاعْفُ عَنَّا وَاغْفِرْ لَنَّا وَأَرْحَمْنَا أَنْتَ مَوْلَانَا فَانْصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ ﴿٢٨٦﴾

Maksudnya: “Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahanan yang diusahakannya. (Mereka berdoa dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau mengirakan kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan kami ! janganlah Engkau bebankan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebankan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada

kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir".

Dalam ayat ini, KK أَخْذَ (mengira) yang digunakan adalah KK *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih*. Namun, *maf'ul bih* dalam ayat ini telah diimplisit iaitu خطأ (salah) dengan andaian makna ayat:

رَبَّنَا لَا تُؤَاخِذْنَا خَطَأً إِنْ نَسِينَا

Maksudnya: "Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau mengirakan Kami **salah** jika Kami lupa".

Tujuan implisit (*hazaf*) ini ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به). (al-'Irāb 457-458) (Muhamad Abdul al-Khalīq 'Udaimatt :177).

3.3 Dapatan kajian

3.3.1 Pendahuluan

Dapatan kajian merupakan subtopik yang penting dalam sesebuah kajian. Ini kerana ia membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang selari dengan objektif kajian dan persoalan kajian. Dalam pada itu pengkaji telah membahagikan dapatan kajian kepada beberapa topik iaitu penggunaan implisit implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah, peratusan sebab-sebab implisit *maf'ul bih* serta peratusan kata kerja KK *Muta'addiy*.


3.3.2 Penggunaan Implisit *Maf'ul bih* Dalam Surah Al-Baqarah

Berdasarkan kajian analisis yang telah dijalankan dalam surah al-Baqarah, pengkaji dapati jumlah ayat yang mengandungi implisit *maf'ul bih* 25.2% iaitu sebanyak 72 ayat dari jumlah keseluruhan ayat surah al-Baqarah. Ini menunjukkan penggunaan implisit *maf'ul bih* merupakan jumlah yang besar jika dibandingkan dengan penggunaan implisit yang lain. Hal ini telah bertepatan dengan objektif kajian iaitu dapat mengetahui penggunaan implisit implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah,

3.3.3 Peratusan Sebab-Sebab Implisit *Maf'ul bih*

Selepas diteliti terdapat beberapa sebab implisit *maf'ul bih* dalam ayat yang dikaji. Antara sebab-sebab tersebut ialah konteksnya telah difahami atau ketahui (العلم به), untuk meringkaskan ayat (berdalil) (الحذف اختصاراً), untuk memendekkan atau meringkaskan ayat (tidak berdalil) (الحذف إقتضاراً), terletak selepas (لؤ شاء), terletak selepas penafian (العلم)،

dan untuk menghina atau memandang rendah (الحُذْفِ إِحْتِصاراً). Peratusan sebab implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah ialah seperti berikut :




Carta 1: Peratusan Sebab Implisit *Maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah

Berdasarkan carta pai tersebut, menunjukkan bahawa sebab implisit yang paling kerap ialah (حُذْفِ الْعِلْمِ به) iaitu konteks ayatnya telah difahami dan diketahui sebanyak 50% iaitu sebanyak 36 ayat. Sebab meringkaskan ayat (berdalil) (الحُذْفِ إِحْتِصاراً) pula 38% iaitu sebanyak 27 ayat dan diikuti dengan sebab terletak selepas (لَوْ شَاء) dan terletak selepas penafian (الْعِلْمُ) masing-masing mempunyai peratus yang sama 4% iaitu sebanyak 3 ayat. Manakala sebab menghina atau memandang rendah (الحُذْفِ إِحْتِصاراً) pula 3% iaitu sebanyak 2 ayat. Sebab implisit yang mempunyai peratusan yang paling rendah pula ialah meringkaskan ayat (tidak berdalil) (الحُذْفِ إِقْتِصاراً) 1% iaitu sebanyak 1 ayat. Dengan ini objektif kajian yang telah gariskan dicapai iaitu mengklasifikasikan sebab-sebab implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah.

3.3.4 Peratusan Penggunaan Kata Kerja *Muta‘addiy*

Mengikut ayat-ayat implisit *maf‘ul bih* yang telah ditelitian, pengkaji dapati dua jenis KK *muta‘addiy* yang digunakan iaitu KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf‘ul bih* dan KK *muta‘addiy* yang memerlukan dua *maf‘ul bih*. KK *muta‘addiy* tersebut akan dirumuskan mengikut peratusan kekerapan serperti berikut :



Carta 2 : Peratusan Penggunaan KK *Muta‘addiy* Dalam Ayat Implisit *Maf‘ul bih*

Mengikut carta pai tersebut , pengkaji telah merumuskan bahawa peratusan KK *muta‘addiy* yang paling banyak dan merupakan yang paling kerap digunakan ialah KK *muta‘addiy* yang memerlukan satu *maf‘ul bih* 89% iaitu sebanyak 64 ayat. Manakala KK *muta‘addiy* yang memerlukan dua *maf‘ul bih* pula 11% iaitu sebanyak 8 ayat. Hal ini secara tidak langsung telah menjawab objektif kajian iaitu mengenalpasti penggunaan Kata Kerja *Muta‘addiy* dalam ayat implisit *maf‘ul bih* dalam surah al-Baqarah.

Antara contoh KK *muta 'addiyy* yang digunakan ialah seperti berikut :

- 1) KK *muta 'addiyy* yang memerlukan satu *maf'ul bih* :

أَنْفَقَ	(Membelanjakan)	خَرَجَ	(Mengeluarkan)
أَنْذَرَ	(Memberi amaran)	كَسَمَ	(sembunyi)
شَعَرَ	(Menyedari)	قَفَا	(mengiringi)
عَلِمَ	(Mengetahui)	قَدَّمَ	(Lakukan)
بَصَرَ	(Melihat)	عَاهَدَ	(Ingkar)
شَاءَ	(Menghendaki)	نَسِيَ	(Lupa)
اتَّقَى	(Bertaqwah)	وَلَىٰ	(Menuju)
فَعَلَ	(Membuat)	بَثَّ	(Membiaukkan)
قَدَّسَ	(Mensucikan)	رَأَىٰ	(Melihat)
أَبَىٰ	(Enggan)	أَكَلَ	(Makan)
عَقِلَ	(Berfikir)	اضْطَرَّ	(Paksa)
شَكَرَ	(Bersyukur)	أَحَبَّ	(Menyayangi)
زَادَ	(Tambah)	وَجَدَ	(Dapat)
اسْتَشْفَىٰ	(Memohon)	هَدَىٰ	(Beri petunjuk)
أَفْضَىٰ	(bertolak/menuju)	دَعَا	(Mengajak)
اسْتَغْفَرَ	(Pohon keampunan)	ضَاعَفَ	(Menggandakan)
قَدَّمَ	(Menyediakan)	غَمَضَ	(Memejamkan)
كَنَّ	(Menyimpan)	كَفَرَ	(Menghapuskan)
خَافَ	(Takut)	أُذْنَ	(Mengizinkan)

بَسْطَ	(Meluaskan)	أَخْدَدَ	(Ambil / Mengira)
أَنْفَقَ	(Menyebarluaskan)		

2) KK *muta‘addiyy* yang memerlukan dua *maf‘ul bih* :

أَتَّخَذَ	(Ambil / Sembah)	ظَنَّ	(Menyangkakan)
خَرَجَ	(Mengeluarkan)	أَئْتَى	(Memberikan)

3.5 Penutup

Hasil daripada analisis dan dapatan yang telah dibuat oleh pengkaji, jelaslah bahawa terdapat banyak ayat-ayat implisit *maf‘ul bih* dalam surah al-Baqarah. Selain daripada implisit *maf‘ul bih*, terdapat juga beberapa bentuk implisit lain dalam surah al-Baqarah antaranya implisit *fi‘il*, *al-Hal*, *al-Mudaf* dan sebagainya. Kajian juga mendapati bahawa setiap ayat implisit *maf‘ul bih* dalam surah ini mempunyai sebab-sebab implisit. Terdapat beberapa sebab implisit *maf‘ul bih* dalam surah al-Baqarah, namun sebab implisit yang paling kerap ialah (حُذْفُ الْعِلْمِ) iaitu konteks ayatnya telah difahami dan diketahui.

Dalam kajian ini juga, terdapat pelbagai jenis K.K *muta‘addiyy* yang dibahagikan kepada dua bahagian iaitu K.K *muta‘addiyy* yang memerlukan satu *maf‘ul bih* dan K.K *muta‘addiyy* yang memerlukan dua *maf‘ul bih*. K.K *muta‘addiyy* yang memerlukan satu *maf‘ul bih* merupakan K.K yang kerap digunakan iaitu sebanyak 64 ayat dalam surah al-Baqarah.

Kajian ini telah mencapai objektifnya iaitu konsep implisit *maf'ul bih* di dalam bahasa Arab dapat dijelaskan secara terperinci oleh pengkaji dengan mendatangkan defenisi-defenisi tertentu dan penggunaan kaedah implisit *maf'ul bih* dapat dikenal pasti dalam ayat-ayat surah al-Baqarah. Hal ini terbukti apabila terdapat 72 ayat dalam surah al-Baqarah yang mempunyai implisit *maf'ul bih* dengan menggunakan kata kerja transitif yang pelbagai. Selain daripada itu, sebab-sebab implisit *maf'ul bih* juga dapat diklasifikasikan, apabila terdapat enam sebab implisit *maf'ul bih* yang kenal pasti dalam surah al-Baqarah dan ketepatan makna bagi lafaz-lafaz *maf'ul bih* yang diimplisit juga dapat dikenal pasti oleh pengkaji dengan merujuk kitab-kitab yang mu'tabar.

Oleh yang demikian, kajian seperti ini dapat memberi impak yang besar kepada pembaca, lebih-lebih lagi kepada sesiapa yang ingin membongkar rahsia al-Quran. Kajian ini bukan sahaja dapat memahami dan mengetahui ayat-ayat implisit malah ia juga dapat membuktikan keistimewaan ayat-ayat dalam al-Quran.

BAB EMPAT

KESIMPULAN DAN CADANGAN

4.0 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan bab yang terakhir dalam pengkajian kajian ini. Dalam bab ini pengkaji akan membuat kesimpulan terhadap kajian yang dijalankan selari dengan objektif kajian. Dalam pada itu pengkaji juga akan mengemukakan beberapa cadangan kepada pihak tertentu khususnya kepada para pengkaji yang ingin menjalankan kajian berkaitan dengan tajuk.

4.1 KESIMPULAN

Beberapa kesimpulan telah dibuat oleh pengkaji berdasarkan kajian yang dianalisis dalam surah al-Baqarah iaitu jumlah ayat implisit *maf'ul bih* dalam surah al-Baqarah, sebab-sebab implisit *maf'ul bih* dan penggunaan kata kerja transitif (*muta'addiy*). Kesimpulan ini akan dihuraikan secara ringkas bagi setiap analisis yang dijalankan.

4.1.1 Jumlah Penggunaan Implisit *Maf'ul bih* Dalam Surah Al-Baqarah

Berdasarkan kajian, pengkaji dapat terdapat sebanyak 72 ayat yang menggunakan implisit *maf'ul bih*. Dengan ini dapat dirumuskan bahawa bentuk implisit yang paling kerap berlaku dalam surah al-Baqarah ialah implisit *maf'ul bih*. Ini kerana terdapat 25.2% implisit *maf'ul bih* daripada jumlah ayat dalam surah al-Baqarah. Jumlah ini boleh dianggap banyak

dari jumlah implisit-implisit lain dalam surah al-Baqarah kerana kebanyakan ayat memerlukan kepada *maf'ul bih* samada berbentuk eksplisit atau implisit.

4.1.2 Rumusan Berkaitan Dengan Sebab Penggunaan Implisit *Maf'ul bih*

Selepas membuat penelitian, pengkaji dapati terdapat beberapa sebab penggunaan implisit *maf'ul bih* dalam surah *al-Baqarah*. Antara sebab implisit *maf'ul bih* yang paling kerap ialah (حَذْفُ الْعِلْمِ بِهِ) iaitu implisit disebabkan konteks ayatnya telah difahami dan diketahui 50% iaitu sebanyak 36 ayat. Pengkaji juga merumuskan bahawa setiap bentuk implisit yang berlaku hendaklah difahami dan diketahui konteks ayatnya kerana ia mempunyai dalil yang kuat.

Manakala sebab yang paling jarang digunakan untuk implisit *maf'ul bih* ialah (الحَذْفُ إِقْتِصَارًا) meringkaskan ayat 1.4% iaitu sebanyak 1 ayat. Ini kerana bentuk implisit tersebut tidak mempunyai dalil yang menunjukkan ia diimplisitkan.

4.1.3 Penggunaan KK Transitif (*Muta'addiy*) Dalam Surah Al-Baqarah

Berdasarkan analisis yang dibuat, pengkaji dapati penggunaan kata kerja *muta'addiy* yang mengandungi implisit *maf'ul bih* terbahagi kepada dua bahagian iaitu kata kerja *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih* dan kata kerja *muta'addiy* yang memerlukan dua *maf'ul bih*. Kata kerja *muta'addiy* yang memerlukan satu *maf'ul bih* merupakan kata kerja yang paling kerap digunakan dengan pelbagai bentuk iaitu sebanyak 86% daripada jumlah ayat yang mengandungi implisit *maf'ul bih*. Manakala sebanyak 14% sahaja yang menggunakan kata kerja *muta'addiy* yang memerlukan dua *maf'ul bih*.

Pengkaji berpendapat bahawa dengan adanya kata kerja *muta‘addiy* dalam sesebuah ayat, secara tidak langsung kita telah mengetahui ayat tersebut mengandungi *maf’ul bih* samada implisit atau eksplisit. Dengan ini ketepatan makna bagi lafaz-lafaz *maf’ul bih* yang diimplisit akan diketahui apabila kata kerja *muta‘addiy* dapat dikenal pasti bentuknya.

4.2 CADANGAN

Daripada hasil kajian ini, terdapat beberapa perkara yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak. Dengan ini, pengkaji mempunyai beberapa cadangan untuk diberikan kepada pelbagai pihak berkenaan khususnya kepada para pengkaji yang ingin membuat kajian berkaitan dengan tajuk kajian. Antara cadangan-cadangan pengkaji adalah seperti berikut :

- (a) Ilmu nahu dan soraf harus dipelajari dan dipraktis agar dapat memahami makna ayat dan dapat mengenal pasti kesilapan ayat.
- (b) Ilmu nahu dan soraf juga harus dijadikan sebagai subjek wajib untuk mempelajari al-Quran dan bahasa Arab.
- (c) Ayat-ayat al-Quran harus dijadikan sebagai contoh dalam setiap pembelajaran nahu.
- (d) Ilmu tafsir dan ilmu takwil harus dijadikan rujukan dan panduan untuk memastikan makna ayat tidak terpesong daripada maksud yang sebenar.
- (e) Kajian tentang ayat implisit harus dibuat supaya dapat membantu seseorang untuk mengatasi masalah kesamaran makna ayat.

- (f) Majlis-majlis ilmu harus dibuat untuk menyedarkan masyarakat bahawa al-Quran mempunyai makna tersurat dan tersirat.
- (g) Para pentafsir harus menguasai semua ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab terutamanya ilmu Nahu.

4.3 PENUTUP

Daripada analisis kajian yang dibuat oleh pengkaji, jelaslah bahawa terdapat banyak ayat implisit disebalik ayat-ayat al-Quran. Ini terbukti apabila terdapat sebanyak 72 ayat implisit dalam surah al-Baqarah. Ayat-ayat tersebut dihilangkan dengan pelbagai sebab dan menggunakan dua bentuk kata kerja *muta‘addiy* iaitu k.k yang memerlukan satu *maf’ul bih* dan k.k yang memerlukan dua *maf’ul bih*.

Dengan ini terbuktilah bahawa ayat-ayat al-Quran mempunyai makna eksplisit dan implisit. Kedua-dua ayat ini perlu dihayati dan dipelajari, lebih-lebih lagi makna implisit kerana ia tidak *zahir* (jelas) dan memerlukan penelitian. Oleh itu ayat-ayat implisit ini harus difahami dengan mempelajari ilmu-ilmu yang berkaitan lebih-lebih lagi ilmu nahu dan sorof. Ini kerana tanpa mempelajarinya maksud ayat al-Quran yang sebenar tidak akan dicapai.

Selain daripada itu juga, beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pengkaji untuk memastikan supaya ayat-ayat al-Quran dapat difahami dengan betul. Pengkaji mengharapkan apa yang telah dicadang itu mendapat perhatian oleh semua pihak agar dapat mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan makna al-Quran. Apabila al-Quran

difahami dan dihayati, maka segala urusan sama ada didunia dan diakhirat akan terjamin dan mendapat keredhaan Allah (S.W.T).

Bibliografi

Al-Qur'an al-Karim.

Abd al-Karîm Muhammad al-As'ad. (1992). *al-Wasit Fi Tarikh an-Nahw al-'Arabi*, Riyad: Dar al-Syawwaf.

'Abd. al-'Azîz 'Aliy Sâleh Ridwân. (1981). *Al-Wadîh Fi al-Nahw*. Jilid Kedua. Kaherah: Dâr al-Tibâ'att al-Muhammadiyyatt al-Azhar.

'Abd. al-Mun'im Sayyid Abd al-'Al. (t.t.). *Al-Nahw al-Syâmil*. Jilid Kedua. Kaherah: Maktabatt al-Nahdatt al-Misriyyatt.

Abî al-Hasan Nur al-Dîn 'Ali. (1998). *Syarh al-Asyhmuniy 'ala Alfiyatt Ibn Malik*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyatt.

Abu al-Walîd bin Rusyd (t.t.), *Fasl al-Maqal fîma bayn al-Hikmatt wa al-Syari'uatt min al-Ittisal*, Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Ahmad Toha Hasânîn Sultân. (2005). *al-Mukhtasar fi Usûl al-Nahwiyy*, Kaherah: Dar al-Busyra.

Al-Azhariy, Khalid. (2006). *Syarh al-Tasrîh 'ala al-Taudîh Fi al-Nahw*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyatt.

Al-Azhariyy. (1964). *Tahdhîb al-Lughatt*, Kaherah: Dar al-Misriyyat li al-Ta'lif wa al-Tarjamat.

Al-Bâqillâniy. (t.t.). *I'jâz al-Quran*, Beirut: Dâr al-Maa'rif.

Al-Darwish, Muhyiddin. (2003). *I‘rab al-Quran al-Karim*, Syiria: Dar al-Irsyad li al-Syu‘ūn al-Jām‘iyyatt.

Al-Fayruza ‘abadi, Mujid al-Din Muhammad bin Ya‘kub (t.t.), *Qamus al-Muhīt*, Kaherah: Mu’assah al-Halabi wasyurakah li al-Nathr wa al-Tawji‘.

Al-Jāhiz. (1998). *Al-Bayān wa al-Tabyīn*. Kaherah: Dār al-Nasyr Maktabatt al-Khārijiy.

Al-Jurjāniy, Abdul Qāhīr. (1980). *Dalāil al-i‘jāz*. Kaherah. Maktabah al-Kaherah.

Al-Jurjaniy. (1992). *Kitab al-Ta‘rīfāt*, Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.

Al-Khifni, Abd al-Mun‘im. (1990). *Al-Mu‘jam al-Falsafī*, c. 1. Kaherah: Dar al-Syarqiyah, h.52.

Al-Najjār, Muhamad ‘Abd. al-‘Azīz. (2001). *Diyā’ al-Sālik Illa Audāh al-Masālik*, Muassasatt al-Risālatt Nasyirūn.

Al-Raghīb al-Asfahānīy. (1992). *Al-Mufradāt fi Gharīb al-Quran*. Beirut: Dār al-‘ilm al-Dār al-Shāmilatt.

Al-Sabūnīy, Muhammad Ali. (1980). *Sofwatt al-Tafāsir*, Beirut: Dār al-Quran al-Karīm.

Al-Samīn Al-Halabiy, Ahmad Bin Yūsuf. (2008). *Al-Dur al-Masūn Fi al-Ulūm al-Kitāb al-Mukawwan*. Damsyik: Dār al-Qalam.

Al-Suyūti, Jalal al-Din Abd al-Rahman. (1988). *Kitāb al-Iqtirāh Fī Usūl al-Nahw*, T.tp.: Jarūs Burs.

Al-Syaukānīy, Muhammad bin Ali bin Muhammad. (1964). *Fathul Qādir*, Mesir: Syarikat al-Halabīy.

Al-‘Ukbariy, Abu al-Baqā’ ‘Abdullah Bin al-Husain. (1995). *Al-Lubāb Fi ‘Ilal al-Binā’ wa al-‘Irab. Tahqīq, Ghāzi Mukhtār Tulaimat*. Jilid Pertama. Cetakan Pertama. Damsyik: Dār al-Fikr.

Al-Zubaydi, Muhamad Murtada al-Husayn. (t.t), *Taj al-‘Arus min Jawhar al-Qamus*, Dar Maktabah al-Haya’.

Azhariy. (1966). *Tahdhib al-Lughah*. Dar al-Misriyah li al-Ta’lif wa Natr.

Fauri atau Fauzi bin Ahmad . (1995). *Arabic Compound Nouns: Their Types and How to Parse Them*. Tesis Peringkat Sarjana. Universiti Islam AntArabangsa Malaysia.

Hufi, Ahmad Muhammad. (1970). *Al-Tabariy*. Al-Majlis al’Ala li syu’un al-Islamiyyah.

Ibn ‘Ashūr, Tāhir. (1984). *Al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Kutub al-Islāmiyyatt.

Ibn Hisyām al-Ansāriy, Abu Muhamad ‘Abdullah Bin Jamāl al-Dīn. (1994). *Syarh Qatr al-Nadā wa Bal al-Sadā*. Beirut: al-Maktabatt al-‘Asriyyatt.

Ibn Jinni, Abu al-Fath ‘Uthman. (1990). *Al-Khasa’is*, Baghdad: Dar al-Syu’un al-Thaqafiyyatt al-‘Ammatt.

Ibn Khālawiyyatt, Abu Abdullah. (1988). *Irāb Thalāthīn Sūratt Min al-Quran al-Karim*, Dar wa Maktabatt al-Hilal.

Ibn Manzūr. (2003). *Lisan al-‘Arab*, Kaherah: Dar al-Hadis .

Ibn Taimiyyatt, Taqiyuddin Ahmad. (1997). *Sahīh al-Manqūl Li Sahīh al-Maqūl*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyatt.

Ibrahim Mustafa.(1992). *Ihya’ an-Nahwi*, Kaherah: Dar al-Kitab al-Islamiy.

Isma‘il, Muhammad Bakr. (1970). *Ibn Jarir al-Tabari wa Manhajuh fi al-Tafsir*. Dar al-Manar.

Jamīl Alūsy. (1997). *Al-Nahw al-‘Arabiyy*. Cetakan Pertama. Beirut: al-Muassasatt al-Jam‘iyyatt.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Khafajiy, Muhammad ‘Abd al-Mun‘im. (1980). *Nahw Balaghatt Jadidatt*, Kaherah: Maktabatt Gharīb.

Muhamad Muhyī al-Dīn. (2003). *Audah al-Masālik ila Alfiyatt Ibn Mālik*, Beirut: al-Maktabatt al-‘Asriyyatt.

Muhamad Muhyī al-Dīn. (2003). *Syarh Ibn ‘Aqīl*, Beirut: al-Maktabatt al-‘Asriyyatt.

Muhammad Abdul Khāliq Udaimatt. (2004). *Dirāsāt Li Uslūb al-Quran al-Karīm*, Kaherah: Dār al-Hadīth.

Muhammad al-Tantāwi. (1991). *Nasy’att al-Nahw wa Tārīkh Ashhūr al-Nuhat*, Kaherah: Dār al-Manār.

Muhammad al-Tantāwi. (1995). *Nasy’att al-Nahwi: Wa Tarikh Asyhari al-Nuhat*, Kaherah: Dār al-Ma’arif.

Muhammad Muhyiddin Abdul Hamīd. (1982). *Mughniy al-labīb*, Kaherah: Dār al-Talāii’.

Muhammad Sirajuddin bin Muhd. Siddique Ali. (2000). *Anwa’ al-Jumlah Wa Waza’ifuhā Fi Juz ’Amma: Dirasat Wasfiyyah Tahliliyyah Istiqra’iyah*, Tesis Peringkat Ph.D. universiti Kebangsaan Malaysia.

Mustafa Ghalāyīniy. (1989). *Jāmi' al-Durūs al-'Arabiyyatt*. Jilid Ketiga. Cetakan Kedua Puluh Satu. Beirut: Al-Maktabatt al-'Asriyatt.

Sheikh Abdullah Basmeih. (1992). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada al-Quran*. Kuala Lumpur. Terbitan Bahagian Hal Ehwal Islam. Jabatan Perdana Menteri. Cetakan Kelima.

GLOSARI ISTILAH

Bil	Perkataan	Maksud
1.	<i>I'jaz</i>	Mukjizat
2.	<i>Ajnabi</i>	Orang Asing (bukan orang Arab)
3.	<i>Hazaf</i>	Hilang / Padam
4.	<i>Mahzūf</i>	Dihilangkan
5.	<i>Harakatt</i>	Baris
6.	<i>Ibdal</i>	Tukar
7.	<i>Takdīm</i>	Pengawalan
8.	<i>Ta'khīr</i>	Pengakhiran
9.	<i>Lahjatt</i>	Dialek
10.	<i>Rafa'</i>	Baris Hadapan
11.	<i>Ijmāl</i>	Jelas
12.	<i>Tafsīl</i>	Terang
13.	<i>Mahmūd</i>	Baik
14.	<i>Mazmūn</i>	Tercela
15.	<i>Athār</i>	Kesan
16.	<i>Wariḍ</i>	Datang
17.	<i>Ra'yī</i>	Pendapat
18.	<i>Mubāh</i>	Harus
19.	<i>Rajīḥ</i>	Kuat
20.	<i>Marjūḥ</i>	Lemah
21.	<i>Istinbat</i>	Ambilan

22.	<i>Maf'ul bih</i>	Objek
23.	<i>Fi 'il</i>	Kata Kerja
24.	<i>Muta 'addiyy</i>	Transitif
25.	<i>Lughawiy</i>	Bahasa
26.	<i>Ma 'nawiy</i>	Makna
27.	<i>Ism</i>	Kata Nama
28.	<i>Ikhtiyāriy</i>	Pilihan
29.	<i>Mustathna</i>	Pengecualian
30.	<i>Ta 'ajjub</i>	Kagum
31.	<i>Masyāikh</i>	Guru-guru
32.	<i>Muhkamatt</i>	Ayat-ayat yang jelas maksudnya
33.	<i>Mutasyabihatt</i>	Ayat-ayat yang samar maksudnya
34.	<i>Khalāf</i>	Ulama'-ulama' yang terkini.
35.	<i>Rasikh</i>	Mendalam
36.	<i>Salaf</i>	Ulama'-ulama' yang terdahulu
37.	<i>Dalālatt</i>	Petunjuk
38.	<i>Majāz</i>	Metafora
39.	<i>Mansūb</i>	Baris hadapan
40.	<i>Uslūb</i>	Gaya bahasa
41.	<i>Damīr</i>	Ganti nama
42.	<i>Rabbani</i>	Ketuhanan